



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

- Kegiatan Ceti Haram (Ah Long) Yang Semakin Mengganas
- Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian)

(Halaman 20)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 21)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2007

Jawatankuasa:

Jadual

Maksud B.60

(Halaman 22)

Maksud B.61

(Halaman 54)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 2007

Jawatankuasa:

Maksud P.60

(Halaman 22)

Maksud P.61

(Halaman 54)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 42)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasar Salak) - UMNO
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. ” Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi - Senator
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. ” Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
15. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
16. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) – UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, P.N.B.S., S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) – MCA
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - Senator
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. ” Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) – MCA
6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO

8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO

32. " Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. " Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman - Senator

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoo Seng (Stampin) - SUPP
5. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. " Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
7. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupa) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - Senator

16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
9. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
10. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
11. " Dato' Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
12. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
13. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
14. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
15. " Datuk Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
16. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRs
17. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
18. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
19. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
20. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
21. Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
22. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
23. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
24. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
25. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
26. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
27. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
28. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO

29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
38. “ Dato’ Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
40. “ Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasar Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Datuk Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
63. “ Datuk Seri Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA

69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
83. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) - UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
90. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
91. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
92. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) - UMNO
93. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
94. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
95. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
96. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
97. Yang Berhormat Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
98. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
99. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
100. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N., S.S.A.P. (Kuala Langat) - UMNO
101. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
102. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
103. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
104. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulong) – UMNO
105. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
106. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
107. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN

108. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
109. “ Dato’ Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
110. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
111. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
112. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
113. “ Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah (Gua Musang) – UMNO
114. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
115. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
116. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
117. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
118. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
119. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
120. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - Keadilan
121. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
122. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
123. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
124. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
125. “ Datuk Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
126. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
127. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
128. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) – PBS

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen

Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mahmood bin Adam

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Ab. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 6 Disember 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah tindakan yang dapat dilakukan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kenaikan harga pasir yang melambung tinggi terutamanya di kawasan-kawasan yang pesat membangun seperti di Lembah Klang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pasir bukan berada di bawah bidang kuasa kementerian ini, tetapi di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing dan ia juga adalah bukan barang kawalan.

Harga pasir ditetapkan oleh pasaran semasa yang berdasarkan permintaan industri. Pada kebiasaannya peningkatan harga pasir adalah disebabkan meningkatnya kadar permintaan oleh pasaran oleh kerana projek pembangunan yang pesat. Namun Kerajaan Persekutuan boleh membantu dengan memaklumkan keadaan tersebut kepada kerajaan-kerajaan negeri yang berhampiran dengan Lembah Klang supaya dapat menambah bilangan permit pasir yang dikeluarkan dari semasa ke semasa dan memohon agar pengeluaran permit-permit lombong pasir ini dipercepatkan dengan andaian bahawa penawaran pasir bertambah bagi memenuhi permintaan yang ada dan seterusnya dapat mengurangkan kenaikan harga pasir. Terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang memberi jawapan kepada pertanyaan saya tadi. Soalan tambahan saya ialah pada masa ini seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, harga pasir melambung tinggi jika dibandingkan dua atau tiga tahun sudah.

Lebih memburukkan keadaan ialah di sesetengah negeri permit pengeluaran pasir tidak dikeluarkan. Saya difahamkan di negeri Selangor tidak dikeluarkan permit baru sedangkan permintaan itu begitu tinggi dan begitu juga di sesetengah negeri tidak membenarkan pengeluaran pasir dijual keluar daripada negeri berkenaan. Ini adalah keadaan yang menyebabkan bertambah masalah berkenaan pengeluaran pasir.

Saya faham kementerian tidak mengawal secara terus tetapi oleh kerana pasir ini adalah merupakan bahan sumber asli yang di bawah kawalan pihak kementerian, adakah pihak kementerian bercadang untuk meletakkan pasir ini sebagai harga kawalan seperti bahan-bahan binaan yang lain seperti besi dan simen kerana komponen pasir ini merupakan bahan yang penting dalam industri pembinaan. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita sedar bahawasanya ada sesetengah negeri tidak mengeluarkan permit-permit baru untuk pasir dan ini ada hubung kait dengan keadaan sungai-sungai yang berada dalam negeri masing-masing. Ada setengah sungai itu memang terlalu dalam dan boleh mengakibatkan keadaan banjir dan sebagainya.

Tetapi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan komponen di dalam industri pembinaan memang saya akui dan saya rasa amat bersesuaian. Insya-Allah saya akan cuba bawa benda ini kepada kementerian yang berkenaan supaya pasir ini boleh kita *consider* dengan izin sebagai barang kawalan juga. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan pasir juga, saya difahamkan bahawa pasir kita yang berada di pesisiran pantai yang di dalam lingkungan di antara tiga kilometer ke lautan ataupun garisan antarabangsa yang di bawah daripada EEZ telah dibekukan lesennya. Adakah pihak kementerian ataupun pihak kerajaan ingin membuka balik lesen tersebut supaya kita dapat mengambil pasir-pasir tersebut. Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, pasir pesisiran pantai iaitu lebih daripada tiga kilometer di luar pantai Malaysia sehinggalah ke *Economic Exclusive Zone* dengan izin memang permit dia untuk kegunaan tempatan, untuk kegunaan tambak laut dan sebagainya bagi negara kita masih lagi dibenarkan dan dibuka untuk permohonan. Akan tetapi untuk kegunaan luar negara umpamanya untuk tambak negara jiran dan sebagainya memang sepengetahuan saya, pada hari ini masih lagi dibekukan. Terima kasih.

2. Dato' Chua Jui Meng [Bakri] minta Menteri Kewangan menyatakan keadaan kini dan unjuran harga petroleum di Malaysia, memandangkan pergolakan yang berlaku di Lubnan. Bilakah kementerian menjangka harga petroleum kembali ke harga tahun 2005.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bakri. Tuan Yang di-Pertua, harga minyak mentah bertapis telah meningkat dari USD64 satu tong pada awal 2006 pada paras tertinggi USD82 satu tong pada 8 Ogos 2006. Harga minyak mentah melonjak tinggi kerana:

- (i) kedudukan permintaan hampir sama dengan bekalan yang menyebabkan pasaran menjadi lebih tertekan. Sebarang gangguan kepada bekalan seperti pengurangan pengeluaran minyak oleh OPEC akan menyebabkan harga minyak akan melonjak tinggi;
- (ii) permintaan minyak dunia semakin meningkat khususnya dengan pertambahan penggunaan oleh China dan India berikutan pertumbuhan ekonomi yang pesat di negara-negara tersebut;
- (iii) pengeluaran terjejas akibat konflik politik seperti di Timur Tengah terutamanya serangan Israel ke atas Palestin dan Lubnan, tenaga nuklear di Iran; dan
- (iv) bencana alam yang berlaku secara tiba-tiba seperti Taufan Katrina, Ameli yang melanda Amerika Syarikat dan Mexico dan menyebabkan bekalan minyak mentah terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-akhir ini harga minyak mentah dunia mengalami penurunan yang sederhana, berikutan keredaan pergolakan konflik di Lebanon dan kedudukan ekonomi Amerika yang menurun dan harga minyak berada pada paras USD65 setong pada 4 Disember 2006 dengan harga purata pada Januari hingga November 2006 pada paras USD70 hingga USD70.5 setong.

Oleh itu, harga minyak dijangka berada pada paras purata USD70 setong pada tahun 2006. Walaupun demikian harga minyak mentah dalam tempoh sederhana masih tidak menentu dan sangat bergantung kepada isu-isu politik di Timur Tengah khasnya dan isu-isu tenaga nuklear Iran dan langkah-langkah OPEC mengurangkan pengeluaran minyak mentah serta pertumbuhan ekonomi dunia.

Dato' Chua Jui Meng [Bakri]: Terima kasih Yang Berhormat, terhadap jawapan itu. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita terdengar daripada Amerika Syarikat iaitu pada suatu masa di mana tekanan terhadap rakyat ekoran daripada kenaikan yang begitu ketara dalam harga minyak pasaran dunia. Pada masa yang sama syarikat-syarikat gergasi petroleum di Amerika Syarikat telah mencatatkan keuntungan yang terbesar sekali, satu keuntungan yang mega.

Soalan saya, sama ada keadaan itu, yang di Amerika Syarikat tercermin juga di Malaysia? Apakah keuntungan terkini yang dicatatkan oleh syarikat-syarikat multinasional petroleum, khasnya Petronas?

Kita tidak mahu nampak satu keadaan di mana apabila rakyat dan Ahli Dewan Rakyat juga terkilan terhadap taraf hidup mereka yang negatif dan pada suatu masa yang sama syarikat-syarikat minyak kaut keuntungan yang begitu besar. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memanglah harga minyak dunia naik turun kerana pelbagai sebab. Dan memang apabila harga minyak naik, syarikat-syarikat minyak akan mendapat keuntungan besar, termasuk Petronas pun mendapat untung yang besar juga. Apabila Petronas mendapat keuntungan yang besar maka pulangan kepada kerajaan juga besar. Seperti yang dijangkakan pada tahun 2006, pendapatan kerajaan daripada Petronas dijangka RM31 bilion berbanding dengan 2005, RM27 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah harga-harga komoditi bergantung rapat pada harga minyak. Tetapi di Malaysia ini kebanyakan harga-harga komoditi kita adalah diberi subsidi.

Subsidi minyak dijangkakan pada tahun ini berbanding dengan tahun 2005, tahun 2005 harga *direct* subsidi minyak ialah RM7.4 bilion dan kalau di campur pula dengan pengecualian cukai jualan yang tidak diambil, dikutip ialah RM7.8 bilion. Tetapi pada tahun ini, tahun 2006 dijangkakan *direct* subsidi minyak adalah lebih kurang USD18. Meningkat lebih daripada dua kali ganda daripada tahun lepas.

Walau bagaimanapun kerajaan akan terus melihat, memantau keadaan harga pasaran. Tetapi setakat ini indeks komoditi sudah menurun daripada 4.8% pada bulan Mac dan menurun kepada lebih kurang 3.3%, bermakna dalam keadaan yang terkawal.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kerajaan memberi satu jaminan bahawa apabila harga minyak pasaran dunia turun akan diikuti dengan penurunan harga minyak di negara kita dan bahawa tidak akan berlaku semacam sekarang, yang biasa bahawa harga barang naik, tetapi harga barang naik, BN melambangkan barang naik tidak ada turun. Sungguhpun di negara-negara yang lain ada penurunan harga minyak apabila ada penukaran keadaan dalam pasaran dunia.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi, banyak barangan komoditi di Malaysia ini diberi subsidi. Jadi, dalam keadaan barangan kita lebih murah daripada negara-negara jiran kita, contohnya ataupun di negara-negara di Barat.

Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, harga minyak apabila kerajaan mengurangkan subsidi minyak 30 sen dari awal tahun ini ialah lebih kurang USD24 setong, ia turun, ia naik kemudian dia turun sedikit, pada bulan November turun USD61.

Hari ini sudah naik balik, bulan Disember naik balik kepada USD65. Kita akan memantau dan saya tidak boleh beri hari ini, saya tidak boleh hendak kata kerajaan akan kurangkan subsidi ataupun dengan secara tidak langsung akan menaikkan harga barangan. Tidak dapat saya hendak beritahulah.

Tetapi setakat ini keadaannya begitu, harga petroleum hari ini, pada awal tahun, bulan Disember ini nampaknya lebih kurang sama. Jadi, keadaan status quo, Tuan Yang di-Pertua. Sama ada kerajaan akan kurangkan subsidi atau tidak, belum dapat ditentukan lagi.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tambahan satu lagi, mustahak sebab negeri saya pun negeri minyak. Bolehkah Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan subsidi?

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian Yang Berhormat.

3. Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan industri perikanan dikawal dan apakah langkah diambil untuk membangunkan industri ini di wilayah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah

diambil untuk memastikan industri perikanan dikawal, di wilayah Sabah adalah melalui pendekatan berikut:

(i) **Pelesenan Alat**

Hanya alat yang mesra alam, bukan bom ikan dan penggunaan '*sianid*' dan menepati kriteria sahaja iaitu dari segi saiz mata pukat dan panjang utas pukat yang dilesenkan. Kuota juga dikenakan ke atas alat-alat tertentu. Bilangan lesen bagang (*static liftnet*) ditetapkan di sesuatu daerah dan permohonan baru untuk lesen pukat tunda telah dibekukan sejak tahun 2002.

(ii) **Permit Import/Eksport**

Permit dikeluarkan bagi memastikan hanya jenis ikan, dalam bilangan yang tertentu dan pada masa/musim tertentu sahaja dibenarkan untuk diimport dan dieksport. Salah satu sebabnya adalah untuk memastikan tiada sumber perikanan dieksploitasikan secara berlebihan khususnya untuk tujuan eksport ataupun untuk mencegah kemasukan spesies ikan yang dilarang.

(iii) **Memperkuatkan Penguatkuasaan**

Penguatkuasaan Akta Perikanan 1985 melalui rondaan di laut, sekatan jalan raya dan pemeriksaan di pasar atau jeti pendaratan ikan dipergiatkan. Aktiviti penguatkuasaan secara rondaan berkala atau operasi mengejut di laut telah ditingkatkan untuk memastikan kapal komersial tidak mencero bohi kawasan perairan yang terlalu hampir dengan kawasan bakau atau kawasan perairan yang dikhususkan untuk nelayan tradisi.

(iv) **Memulihara Habitat Sumber Perikanan Yang Telah Terjejas**

Program membina tukun tiruan, menanam semula pokok bakau dan seumpamanya dilakukan untuk memulihara habitat sumber perikanan yang telah terjejas.

Untuk menjawab soalan yang kedua iaitu langkah-langkah yang diambil untuk membangunkan industri perikanan di Sabah adalah seperti berikut:

- (i) galakan penggunaan teknologi moden;
- (ii) pembangunan industri perikanan laut dalam khususnya perikanan tuna; dan
- (iii) peningkatan kemahiran kepada nelayan-nelayan.

Terima kasih.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada petroleum kita pindah kepada perikanan. Soalan tambahan saya ialah mengapakah di Terengganu dan Kelantan, yang merupakan negeri yang dianggap mempunyai pengusaha-pengusaha perikanan yang cukup untuk memenuhi keperluan ikan di Terengganu dan Kelantan sendiri.

Tetapi sekarang ini berlaku seperti seolah-olah *cartel*, di mana pengusaha-pengusaha ataupun nelayan-nelayan yang besar mendaratkan ikan mereka walaupun daripada Terengganu ataupun Kelantan ke Thailand. Dan, majoriti bekalan ikan kita yang awalnya diusahakan oleh pengusaha-pengusaha di Terengganu dan Kelantan tetapi kita beli ikan itu daripada Thailand.

Apakah ini merupakan kelemahan penguatkuasaan ataupun berlaku suatu kartel yang pengusaha-pengusaha kita tidak mampu untuk menguruskan pendaratan ikan di Terengganu dan Kelantan. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Ini mengenai Terengganu. Jadi sebenarnya Yang Berhormat, memang kita mengusahakan bermacam-macam perancangan seperti sekarang ini di Batu Maung, kita mengadakan pelabuhan pendaratan ikan tuna. Di pangkalan-pangkalan yang lain, kita ada jeti-jeti

pendaratan. Jadi Yang Berhormat, kadang-kadang perkara ini memang memerlukan pemantauan. Sebab itu Yang Berhormat, kita telah mengenalkan satu cara memantau iaitu dengan mengadakan E-Pendaratan - borang E-Pendaratan yang di mana telah kita bincang secara panjang lebar. Sebab dengan adanya pula subsidi diesel ini, kita hendak tahu juga dengan mengambil minyak ini bahawa bersamaan juga dengan nelayan-nelayan ini pergi ke laut.

Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat, terima kasihlah. Satu daripada kita menggunakan sistem E-Pendaratan dan juga kita hendak memastikan khasnya yang di laut dalam itu menggunakan satu peralatan untuk kita mengetahui di manakah perginya kapal-kapal ini atau bot-bot ini. Jadi Yang Berhormat, perancangan kita memang masih lagi hendak memperkukuhkan segala sistem untuk memastikan bahawa segala masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan ini dapat kita atasi bersama. Jadi, mengenai Yang Berhormat kata mungkin ada katel dan sebagainya, ini memang boleh dikatakan mungkin ada terjadi. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Di dalam negara kita, kita ada dua kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Persekutuan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Sabah. Jadi jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentu elok, cantik. Tetapi saya mahu tahu semua pengawasan ini dibuat oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Persekutuan atau Kementerian Perindustrian dan Asas Tani Negeri Sabah? Contohnya, pengeboman ikan. Di seluruh kawasan Sabah ada pengeboman ikan tetapi tidak ada penguatkuasaan. Pukat-pukat tunda hingga masuk ke sungai, tidak ada seliaan dan tidak terjaga. Jadi yang mana satu? Kita di Sabah menderita kerana ikan-ikan yang kecil, udang-udang yang kecil dan semua hingga ke sungai-sungai semua disapu oleh pukat-pukat tunda ini. Jadi kita minta mungkin jawapan yang terperinci sama ada pihak Kerajaan Persekutuan ada kuasa atau tidak ada kuasa di Sabah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang pemantauan dijalankan oleh Jabatan Perikanan Negeri Sabah. Jadi, bekerjasama bermakna... Sebab kementerian ini kan di bawah Sabah dan Sarawak. Tetapi dari segi hal-hal perikanan, memang di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi bermakna saya telah mengatakan tadi bahawa satu daripada cara kita hendak mengawal dan mengekalkan dari segi perikanan negeri Sabah adalah memperkukuhkan penguatkuasaan seperti yang saya katakan tadi iaitu di bawah Akta Perikanan 1985.

Memang Yang Berhormat, rondaan ada dibuat. Seperti saya katakan tadi, laut luas dan pada masa yang sama saya sering memohon kerjasama daripada semua pihak untuk melaporkan. Seperti kita tahu juga kalau melaporkan pun, kadang-kadang masa untuk betul-betul sampai kepada mereka yang menceroboh lautan kita memanglah kadang-kadang tidak berpadanlah. Bermakna adanya kelewatan dan sebagainya dan memang telah ditetapkan zon-zon. Jadi kalau mengikut zon, memang tidak boleh Yang Berhormat, ia mesti lesen yang kita kawal ini mereka mesti berada di dalam zon masing-masing.

Sebab itu Yang Berhormat, kita sekarang ini dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau singkatannya APMM. Macam itulah pendeknya atau ringkasan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia ini. Pasukan Jawatankuasa Maritim yang menggembelng semua agensi lain selain daripada di bawah kementerian kita juga menjalankan rondaan. Tapi ini Yang Berhormat, memanglah kami memang cukup prihatin mengenai pencerobohan ini dan juga berlaku Yang Berhormat bila kita mengambil tindakan, datang pula kompelin mengatakan kenapa pihak penguatkuasaan ini terlampau keras dengan membawakan senapang M-16, marah pula. Tetapi kita beritahu jugalah dengan pihak penguat kuasa janganlah terlampau keras sangat dengan membawa M-16 dan sebagainya. Tetapi ini adalah secara keseluruhan. Bermakna Yang Berhormat, memang ada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang sama memastikan dari segi penguatkuasaan pencerobohan. Terima kasih.

4. Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian mengamalkan pelantikan guru besar dan pengetua sekolah dari kalangan guru-guru yang layak dan berkemampuan tinggi berbanding guru-guru yang layak atas dasar kekananan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pengisian jawatan guru besar dan pengetua adalah berdasarkan kekenanan dan merit prestasi. Amalan ini adalah selaras dengan prinsip kenaikan pangkat yang diputuskan di bawah Sistem Saraan Baru. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sedang dalam proses memantapkan dan memperkemaskan kriteria pemilihan calon bagi mengisi jawatan guru besar. Kriteria pemilihan akan lebih memfokuskan kepada aspek-aspek pengetahuan, kompetensi dan pengalaman memegang jawatan pengurusan seperti guru besar, pengetua, penolong kanan, penyelia dan memiliki kemahiran ICT.

Di kalangan calon yang memiliki Sijil Kepengetuaan (NPQH) akan diberi keutamaan dalam pemilihan institusi kepimpinan sekolah. Penilaian mengenai minat, kepimpinan dan kesesuaian potensi akan dibuat melalui ujian psikologi di pusat penilaian yang akan ditetapkan. Bagi meningkatkan keupayaan kepimpinan, bakal guru besar dan pengetua yang berjaya akan dikehendaki mengikuti kursus kepimpinan sebelum ditempatkan di mana-mana sekolah. Terima kasih.

Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya difahamkan bahawa sudah ada jawatan pengetua cemerlang. Soalan saya ialah bilakah hendak diwujudkan guru besar cemerlang pula? Apakah bezanya dari segi kenaikan pangkat secara hakiki di antara guru cemerlang dengan guru yang naik pangkat mengikut prosedur biasa? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ok, terima kasih Yang Berhormat yang mewakili guru-guru. Memang benar kita telah mewujudkan jawatan pengetua cemerlang iaitu sehingga ke JUSA C. Namun demikian, kita belum lagi mewujudkan jawatan guru besar cemerlang. Setakat ini, jawatan tertinggi untuk guru besar ialah DG34. Kementerian sedang berusaha untuk memohon kepada pihak agensi pusat untuk mewujudkan jawatan guru besar cemerlang ini dengan harapan kita permohonan untuk mengadakan jawatan DG40 akan mendapat kelulusan. Jadi kita sedang berusaha Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai perbezaan di antara guru cemerlang dan juga pelantikan secara naik pangkat di mana jawatan guru besar dan pengetua adalah jawatan kenaikan pangkat. Dengan itu, pemilihan dan pelantikan guru besar dan pengetua dilaksanakan melalui kaedah dan juga syarat-syarat kenaikan pangkat seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan serta syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Lembaga Kenaikan Pangkat sedangkan jawatan guru cemerlang pula ialah pemilihan dibuat kepada guru-guru berasaskan kepada kepakaran dan kecemerlangan dalam bidang pelajaran yang tertentu, dalam sistem pembelajaran tertentu dan juga mata pelajaran kepakaran mereka. Dan mereka ini bila dah jadi guru cemerlang, mereka akan ditempatkan di dalam kelas-kelas tertentu dan terus mengajar mata pelajaran mereka itu sebagai guru pakar dan akan menjadi contoh kepada guru-guru lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya tentang pelantikan pengetua khususnya. Ada satu sistem yang disebut sebagai (NPQH) National Professional Qualification for Headship yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran dan ini adalah merupakan satu sistem untuk mereka menyaring guru-guru yang berkualiti untuk menjawab jawatan pengetua-pengetua. Tetapi yang menghairankan setelah mereka tamat NPQH ini sehingga ke peringkat sarjana, mereka ditempatkan di sekolah sebagai guru biasa. Malah setengahnya ditempatkan sebagai pengetua pun ada tetapi sebahagiannya pula tanpa mendapat gaji pada peringkat DG48. Mohon penjelasan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Seperti yang saya nyatakan tadi memang calon-calon yang memiliki Sijil Kepengetuaan, ia akan diberikan keutamaan dalam memberikan kenaikan pangkat. Namun demikian penilaian kenaikan pangkat ini tidaklah semata-mata bergantung pada Sijil Pengetuaan sahaja, tetapi kita ada syarat-syarat lain seperti telah berkhidmat sebagai guru lulusan tatatertib, pengisytiharan harta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

Jadi sudah tentu kalau guru yang mempunyai Sijil Kepengetuaan ini dia ada kelebihan daripada guru-guru yang lain namun demikian mana-mana guru besar ataupun

pengetua yang dilantik yang belum lagi mempunyai Sijil Kepengetuaan ini, mereka ini diwajibkan menghadiri kursus-kursus kepengetuaan di IAB. Terima kasih.

5. Tuan Chong Hon Min [Sandakan] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan sejauh mana hubung kait kualiti pendidikan IPTA yang dikatakan semakin menurun dengan bilangan graduan kita yang menganggur serta tindakan kerajaan mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkanlah saya minta izin untuk menjawab soalan ini serentak dengan soalan No. 7 hari ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai kerana kedua-duanya kebetulan menyentuh perkara yang sama. Boleh Tuan Yang di-Pertua? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dakwaan bahawa kualiti pendidikan Institusi Pengajian Tinggi Awam ataupun IPTA yang semakin menurun menyumbang kepada jumlah graduan yang menganggur adalah satu anggapan yang kurang tepat. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi sememangnya sentiasa menekankan keperluan IPTA untuk menawarkan produk pendidikan yang berkualiti bagi memastikan graduan yang dikeluarkan cukup bersedia menghadapi cabaran dalam alam kerjaya.

Dalam hubungan ini kementerian amat prihatin terhadap permasalahan ini dan sedang mengambil beberapa langkah untuk memastikan graduan IPT mempunyai pengetahuan terkini, kemahiran yang tinggi dan berdaya saing. Dalam usaha untuk menghasilkan graduan yang bermutu serta mampu untuk bersaing di pasaran kerjaya, kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah seperti berikut. Pelaksanaan pembelajaran berasaskan hasil ataupun *learning outcomes*, dengan izin yang menekankan pembangunan holistik, kompetensi ataupun keterampilan pelajar dan menekankan orientasi kerjaya yang jelas dalam setiap program pengajian.

Pelaksanaan sistem ini menuntut pembangunan potensi pelajar dalam sekurang-kurangnya lapan aspek iaitu:

- (i) penguasaan pengetahuan;
- (ii) kemahiran praktikal;
- (iii) kebolehan intelektual seperti kebolehan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan;
- (iv) komunikasi yang berkesan;
- (v) pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat;
- (vi) nilai etika dan profesionalisme;
- (vii) tanggungjawab sosial; serta
- (viii) keusahawanan dan pengurusan.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga melaksanakan pendekatan memperkasakan IPTA yang secara tidak langsung meningkatkan kualiti graduan. Antara langkah yang dimaksudkan termasuk:

- (i) menambah bilangan tenaga pengajar yang berkecualan Ph.D;
- (ii) memperkukuhkan program pengantarabangsaan terutamanya dalam menjalinkan kerjasama dengan universiti luar negara;
- (iii) memperkukuhkan penyelidikan dan pembangunan dengan mewujudkan universiti penyelidikan; dan
- (iv) penentuan *niche area* dengan izin, sesebuah IPT.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Kuala Krai, terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah pengangguran. Antaranya ialah pembaharuan permintaan sesuatu bidang industri, pertambahan populasi tenaga kerja itu sendiri dan sebagainya. Namun tidak dinafikan bahawa kualiti graduan turut menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada pengangguran terutama jika mereka didapati tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan di pasaran kerja. Contohnya kebolehan membuat keputusan, berkomunikasi, kerja berpasukan dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengkhususan bidang pengajian yang disoal itu sebenarnya telah dan sedang dilaksanakan di IPT tempatan pada tahun kedua pengajian. Pengkhususan membolehkan pelajar kita memilih dan membentuk satu rancangan pengajian mengikut keperluan, minat dan kesesuaian masing-masing. Kementerian berkeyakinan pelaksanaan langkah-langkah yang disebutkan tadi mampu menghasilkan pelajar yang dihasilkan oleh sistem pendidikan tinggi negara kita bukan sahaja bermutu tinggi tetapi juga berdaya saing dan memenuhi keperluan industri.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada dikatakan bahawa kementerian ini belum ada kerjasama yang efektif dengan kementerian lain untuk membentuk kurikulum pengajian khusus dan juga bilangan graduan mengikut keperluan pasaran kerja ataupun dasar kerajaan yang menitikberatkan industri yang tertentu, di mana jenis sumber manusia berkenaan harus dilatih. Selain itu adakah di antara kurikulum pengajian khusus merangkumi aspek kaunseling yang memupuk sikap graduan yang sabar menceburi dalam apa juga bidang kerja selepas tamat kursus. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Terima kasih, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sandakan tetapi apa yang didakwa itu sebenarnya tidak tepat. Untuk makluman Yang Berhormat sesungguhnya kementerian ini sememangnya mewujudkan permuafakatan dengan pihak industri secara dinamik iaitu dengan menerusi penilaian semula kurikulum mengikut kehendak industri dari masa ke semasa sebab kita sedia maklum bahawa kehendak sesuatu industri itu bukanlah sesuatu yang statik.

Sebenarnya ianya juga memerlukan penglibatan industri dari segi penyediaan peluang-peluang untuk latihan perindustrian umpamanya. Selain daripada itu, pihak industri sekarang ini juga mengesyorkan supaya mereka yang berpengalaman dalam industri yang tertentu dapat diambil sebagai pensyarah untuk mengajar buat jangka masa pendek di IPTA kita. Inilah ianya merupakan satu-satunya cara kita memantapkan lagi hubungan kita ataupun permuafakatan kita dengan pihak industri. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita pernah mendengar tanggapan yang tidak betul ataupun sebaliknya mengatakan bahawa masyarakat Orang Asli di peringkat sekolah rendah adalah merupakan anak-anak sekolah mereka yang ketinggalan, lemah dari segi kualiti pendidikan dan sebagainya dan ini menyumbang kepada kegagalan mereka di peringkat atasan.

Saya ingin bertanya kepada timbalan menteri, setakat ini sejauh mana prestasi pelajar-pelajar Orang Asli ini di peringkat pengajian tinggi yang menggambarkan dakwaan yang tidak baik tadi dan saya kira mereka ini perlu kita bela kerana mereka ini juga adalah masyarakat Malaysia. Berapa ramai setakat ini graduan-graduan masyarakat Orang Asli yang berada di pusat pengajian tinggi dan yang mungkin telah keluar daripada pusat pengajian tinggi tetapi juga menganggur yang senasib dengan kawan-kawan mereka yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak jawab, jawablah.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soal pengangguran ini tetap kita prihatin semua, dan untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Maran tadi suka saya maklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa bila kita membuat perhitungan secara menyeluruh tentang tahap soal pengangguran di kalangan graduan kita ataupun siswazah IPT kita terdapat beberapa permasalahan yang perlu kita tangani ataupun atasi.

Antara lain termasuk *tracer study* atau kajian pengesanan siswazah yang sekarang ini masih lagi kita menghadapi beberapa masalah. Sebab bukan semua *respondent*, dengan izin yang sanggup jawab dalam tempoh yang diberikan.

Yang keduanya, sikap siswazah itu sendiri pun merupakan satu-satunya punca masalah, sebab bukan semua yang kita idam-idamkan atau kita harap-harapkan dengan menerusi pelaksanaan dasar kita akan sampai hasrat. Sebab ada di kalangan siswazah kita mungkin mereka ini agak memilih kerjaya dari segi beberapa aspek, misalnya ada yang keberatan untuk bekerja *over time* atau lebih masa dan ada pula yang memilih kerjaya

mereka berteraskan kepada pilihan lokasinya. Ini bukan dakwaan pihak kementerian, sesungguhnya ia merupakan maklum balas yang kita peroleh dari pihak industri, yang kita sentiasa berdialog menerusi majlis dialog kita dan inilah serba sedikit yang saya boleh huraikan.

6. **Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) jumlah keseluruhan terkini unit dan model kereta keluaran Proton yang belum ditempah dalam pasaran dan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan dan atau Proton bagi mengatasi masalah ini; dan
- (b) kedudukan kewangan terkini Proton dan unjuran kedudukan kewangan Proton sepanjang RMK-9.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah *holding stock* kereta keluaran Proton adalah di tahap yang terkawal. Walau bagaimanapun, pihak Proton telah mengambil beberapa langkah dan inisiatif bagi meningkatkan permintaan terhadap kereta jenama Proton, seterusnya meningkatkan pemasaran kereta jenama Proton dan langkah-langkah adalah seperti berikut:

- (i) melalui kempen promosi bagi setiap model kereta Proton dengan menawarkan *free petrol voucher* atau *trade in promotion* untuk semua jenis jenama Proton;
- (ii) menawarkan *free petrol voucher* dan *financial subsidy* dalam bentuk kadar faedah yang rendah untuk Perdana V6. Menawarkan ansuran percuma selama 3 sebulan ataupun *free 3 month installment* dan insentif pendaftaran bernilai hampir RM7,000 untuk Savvy.

Mengadakan kerjasama dengan rakan niaga iaitu syarikat kewangan dan insurans bagi menyediakan pakej menarik untuk mengurangkan *purchase barrier* seperti berikut:

- (a) untuk terus menarik minat pelanggan Proton Edar menawarkan *warranty* selama 5 tahun untuk kesemua model jenama Proton melalui *Ex-Standard Warranty Program* EMP tanpa sebarang kos tambahan kepada pelanggan.
- (b) inisiatif peniaga lain termasuk *channel expansion program* kepada GLC, di mana pekerja GLC akan ditawarkan kadar faedah yang rendah sebanyak 2.75% dan *voucher* perkhidmatan bernilai RM500 bersama *warranty* selama 5 tahun.
- (c) kerjasama dengan syarikat kewangan berhubung kelulusan pinjaman kereta akan diteruskan untuk memberikan lebih faedah kepada pelanggan Proton.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung kedudukan kewangan Proton berdasarkan laporan bagi suku kedua tahun kewangan Proton berakhir September 2006 hasil pendapatan Proton telah merosot kepada RM1.3 bilion berbanding RM1.8 bilion dalam suku yang sama pada tahun 2005. Proton juga telah mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM240.5 juta berbanding kerugian sebanyak RM161.8 juta dalam tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Untuk setengah tahun pertama untuk tahun kewangan berakhir 30 September tahun 2006, Proton mencatatkan kerugian terkumpul sebanyak RM308.7 juta berbanding kerugian terkumpul sebanyak RM166.7 juta dalam enam bulan yang pertama pada tahun 2005.

Kemerosotan prestasi Proton adalah disebabkan antaranya keadaan pasaran yang lembap dan kompetitif, manakala usaha untuk mengurangkan perbelanjaan operasi masih belum direalisasikan sepenuhnya serta ditambah dengan *volume* pengeluaran yang rendah ataupun *lower production volume*.

Prestasi Proton juga dipengaruhi oleh peningkatan dalam perbelanjaan promosi atau *promotional expenses*, perbelanjaan tambahan yang diperlukan bagi aktiviti R&D dan peningkatan harga komponen kereta. Industri automatif akan terus mengalami kadar penjualan yang rendah disebabkan oleh *trade in value* yang rendah, manakala kadar faedah yang tinggi dan proses *credit screening* dan *approval* yang lebih ketat turut menyebabkan permintaan yang rendah terhadap kereta-kereta yang baru. Walaupun terpaksa berhadapan dengan keadaan pasaran yang sukar, Proton akan meneruskan usaha untuk meningkatkan pasaran melalui aktiviti pemasaran yang lebih intensif, pengurusan rangkaian *dealer* yang efektif dan pengurangan kos untuk terus lebih kompetitif, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Hashim bin Jahaya [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Jika kita melihat bahawa kereta-kereta yang berada di jalan raya sekarang ini pengeluar-pengeluar kereta jenama luar negara seperti *Honda*, *Toyota*, *Mitsubishi* dan lain-lain mereka begitu giat memperkenalkan teknologi automatif baru, dengan model-model baru sepanjang masa mengikut kehendak pasaran semasa.

Soalan tambahan saya ialah, mengapakah Proton berada jauh di belakang pengeluar-pengeluar kereta dari luar negara seperti Jepun dan Eropah dalam saingan untuk memperkenalkan teknologi automatif baru, dengan model-model baru keluarannya mengikut selera pembeli dan permintaan pasaran semasa?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Sebenarnya Proton sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan lagi kualiti keretanya, dan sekarang ini Proton sedang berbincang dengan *PSA (Peugot-Citreon Group)* dalam hal-hal yang berikut Tuan Yang di-Pertua, tentang model baru, tentang *production*, tentang *manufacturing*, *engineering* dan *marketing* Tuan Yang di-Pertua. Dan dengan *Mitsubishi*, Proton sedang berbincang tentang *product development* dan *Spare Part Supply* dan juga dengan *China Group*, dengan *Chile Group* tentang *production development* dan *marketing* kepada China dan dengan Lotus, dengan Young Man Automobile di China tentang *product development* dan *engineering services*. Dengan Volkswagen masih dalam peringkat kementerian. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, Proton memang terus-menerus berusaha untuk meningkatkan lagi kualiti kereta Proton.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bermacam-macam cara sudah dibuat oleh Proton, kereta Nasional, tadi Yang Berhormat sebut tentang tawaran istimewa, insentif, diskaun sebagainya tetapi masih lagi mereka berminat untuk membeli kereta buatan dari negara asing. Tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa rundingan sedang dibuat dengan pihak syarikat asing yang terlibat dengan industri automobil ini khususnya kereta.

Saya hendak tahu apakah *time frame* dan mungkin dari segi *design*, Yang Berhormat sebut kualiti dari segi enjin, dari segi ketahanannya, ini *time frame* rundingan kita dengan syarikat kereta asing ini untuk meyakinkan lagi bahawa kereta nasional kita ini mempunyai masa depan yang lebih cerah, dan boleh berdaya saing di peringkat antarabangsa. Bukan di peringkat tempatan, peringkat antarabangsa pun kita tidak boleh tembusi, malah tempatan pun kita menghadapi saingan dengan kereta-kereta yang dibawa masuk ke dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu *time frame* tentang rundingan syarikat Proton ini dengan syarikat-syarikat kereta yang disebut sama ada Volkswagen dan yang lain-lain, mungkin ada juga dengan syarikat-syarikat yang terbaru yang telah dikenal pasti, dan apakah dari segi *design*nya kita mungkin boleh mengambil pereka-pereka yang boleh meningkatkan lagi kualiti kereta Proton. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, rundingan-rundingan yang sedang berjalan sekarang antara Proton dengan syarikat-syarikat tersebut tadi akan diputuskan selewat-lewatnya pada awal tahun 2007. Lebih kurang Februari atau Mac akan selesai perundingan selepas itu dilaksanakan apa juga perbincangan itu.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah nampaknya jualan Proton dalam negara berkurangan, *market share* sekarang Tuan Yang di-Pertua kalau dibandingkan dahulu 1993 memang 74% *market share*, pada 2005 turun kepada 45%, pada tahun ini

September turun 9% tetapi bulan Oktober naik balik kepada 35% *market share* Tuan Yang di-Pertua.

Bagi jualan di luar negara sambutan adalah menggalakkan. Sebenarnya hari ini kalau banding dengan tahun sudah, tahun kewangan 2005 jumlah unit yang dijual kepada luar negara total jumlahnya 13,500 tetapi pada lapan bulan tahun kewangan - sekarang jualan yang pertama telah meningkat 12,400, yang mana telah meningkat Tuan Yang di-Pertua dan dijangka akan melebihi pada tahun lepas dan eksport kita yang banyak laku di UK, di Australia, di Iran dan juga di Afrika Selatan dan banyak lagi negara-negara yang kita telah eksport.

8. Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah benar Projek LKIM/Perikanan di Batu Maung, Pulau Pinang bagi pendaratan ikan tuna telah diusahakan dengan pihak swasta:-

- (a) jika benar, nyatakan nama syarikat dan siapakah pemegang saham yang tersurat dan tersirat; dan
- (b) berapakah jumlah pelaburan LKIM hingga sekarang dan berapa banyak lagi yang akan dilaburkan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kompleks pendaratan ikan LKIM di Batu Maung, Pulau Pinang telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri supaya dibangunkan sebagai pelabuhan antarabangsa bagi pendaratan ikan tuna oleh Syarikat Malaysian International Tuna Port Sdn. Bhd. MITP merupakan sebuah syarikat secara usaha sama di antara dua pihak dengan pegangan saham seperti berikut:-

- (i) Bind Force Sdn. Bhd. - 60%
- (ii) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia - 40%.

Perjanjian konsesi antara LKIM dan Bind Force telah ditandatangani pada 16 Disember 2004. Pemegang saham bagi syarikat Bind Force Sdn. Bhd. ialah:-

- (i) Anuar Zaini bin Yamin - 77%
- (ii) Visage Engineering - 15.5%
- (iii) Wing Spend Project Management Sdn. Bhd. -5%
- (iv) Yang Berhormat Datuk Zahidi Zainol Abidin - 2.5%

Untuk soalan (b), pelaburan LKIM sehingga sekarang dalam MITP, adalah merupakan tapak tanah pelabuhan dan infrastruktur kompleks asal sedia ada. LKIM tidak akan membuat pelaburan lagi kerana pembinaan seterusnya akan dibuat oleh syarikat.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada timbalan menteri yang telah menjawab. Tuan Yang di-Pertua, berapa banyak pendaratan ikan tuna sehingga sekarang dilakukan di Batu Maung kerana pada tahun 2005, 2004, semasa menggulung belanjawan bajet di Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Menteri telah memberi jawapan kepada saya iaitu mereka akan terus mengadakan *road show* untuk mempromosikan Batu Maung. Soalan saya begini, mengapakah pihak kerajaan memerlukan *road show* dan berapa kalikah *road show* telah diadakan? Kerana terdapat pihak swasta yang ingin mengendalikan port atau pelabuhan di Langkawi dengan tanpa apa-apa pelaburan cagaran. Tanpa apa-apa pelaburan dari segi Kementerian Pertanian ataupun LKIM. Jadi saya rasa, mereka ini telah pergi ke Phuket sekarang ini. Sekarang akan bersaing dengan Malaysia. Pada saya, inilah perkara yang kita perlu tentukan kerana ternakan tuna *fishing*, adalah satu tuna yang begitu menggalakkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, daripada laporan yang diterima, pendaratan ikan tuna di pelabuhan ikan tuna antara bangsa di Batu Maung ini telah meningkat. Dari segi pendaratan juga meningkat, kuantiti pendaratan juga meningkat dan nilai tangkapan juga meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa ada pihak-pihak yang tertentu ingin membangunkan pelabuhan ikan tuna di Langkawi. Oleh sebab kerajaan pada masa sekarang, memberi tumpuan dan usaha untuk membangunkan pelabuhan di Batu Maung, justeru itu, permohonan untuk membuka pelabuhan ikan tuna di Langkawi itu tidak dapat dipertimbangkan. Bagi memperbanyakkan lagi pendaratan bot-bot ataupun *vesse*/ tangkapan ikan tuna di pelabuhan antarabangsa Batu Maung, pihak syarikat dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan terus membuat promosi dalam masa yang sama akan meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan yang terdapat di Batu Maung.

[Soalan No. 9 – Y.B. Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad – Pasir Puteh tidak Hadir]

10. Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah langkah lanjut yang akan diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki pertubuhan PEMADAM yang kini di peringkat negeri dan daerah yang didapati lesu dan gagal membantu dalam usaha membanteras masalah peningkatan penyalahgunaan dadah.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian amat mengalu-alukan penglibatan NGO dan masyarakat umum dalam usaha memerangi dadah. Ini adalah prasyarat dalam kejayaan sesebuah negara untuk memerangi masalah dadah.

Mengenai PEMADAM, pada amnya kementerian tidak mempunyai kuasa untuk mencampuri urusannya kerana ia adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan. Bagaimanapun, atas dasar yang telah disebutkan di atas, kementerian sentiasa memberi sokongan moral dan memberi sejumlah peruntukan kepada PEMADAM bagi membiayai pengurusannya. Kementerian boleh membantu PEMADAM dalam perkara-perkara berikut:-

- (i) menambah jumlah bantuan kewangan daripada RM100,000.00 sekarang kepada jumlah yang lebih besar berdasarkan kriteria yang bakal ditentukan, tertakluk kepada kelulusan kerajaan;
- (ii) melibatkan PEMADAM peringkat kebangsaan, negeri dan daerah dalam setiap program aktiviti yang dianjurkan oleh AADK;
- (iii) memberi bantuan kepakaran dan kebendaan; dan
- (iv) memperakukan kepada kerajaan supaya menggalakkan anggota kerajaan menjadi ahli PEMADAM dan memberi *reward* yang bersesuaian.

Di samping usaha kementerian, saya percaya anggota Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri boleh turut membantu menyemarakkan kegiatan PEMADAM dengan memberi sedikit bantuan kewangan, sokongan moral dan menyumbang buah fikiran di peringkat masing-masing.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Masalah dadah ini tak ada akhirnya. Hari ini bilangan penagih dadah telah meningkat hampir 300,000 orang. Pusat Serenti pun sudah bertambah hari ini sudah menjadi 29 buah. NGO, selain daripada PEMADAM pun sudah bertambah. Sudah ada PENGASIH, PENYAYANG, PENDAMAI, PENAWAR.

Peruntukan tahun 2007 untuk membasmi dadah - AADK RM160 juta, Anti Narkotik Polis RM75 juta. Kementerian Kesihatan untuk bagi methadone dan juga kondom percuma RM20 juta dan meningkat sehingga 255 juta. Saya ucapkan tahniah kepada timbalan menteri yang baru-baru ini dilantik sebagai Pengerusi PEMADAM yang baru. Dengan harapan ini, saya penuh yakin dan percaya bahawa PEMADAM pada masa yang akan datang akan lebih efektif untuk sama-sama kita memerangi dadah ini. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah program-program terbaru untuk kita mengatasi masalah ini? Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat di atas kepekaan Yang Berhormat mengenai masalah dadah di negara kita dan juga mengenai peranan NGO dan juga kerajaan dalam usaha menangani masalah guna dadah ini. Jadi, saya seperti mana Yang Berhormat maklumkan tadi, saya telah dilantik menjadi Pengerusi

PEMADAM. Saya lihat sekarang ini kebanyakan di daerah-daerah seperti mana saya biasa katakan di dalam perjumpaan mesyuarat yang lepas, dalam jawapan-jawapan saya yang lepas.

Sekarang ini PEMADAM daerah dipengerusikan oleh pegawai daerah dan juga AADK iaitu Majlis Tindakan Mencegah Dadah di peringkat daerah juga dipengerusikan oleh pegawai daerah. Daripada laporan yang saya dapat minggu lepas, daripada 93 daerah, 63 daerah tidak mengadakan mesyuarat langsung. Oleh kerana itu saya telah mengarahkan Ketua Pengarah AADK untuk membuat satu kertas kerja yang lengkap supaya benda ini dibentangkan dalam mesyuarat yang akan dipengerusikan oleh Dato' Seri Najib supaya kita tukar di peringkat daerah kepada semua wakil rakyat terutama sekali Ahli-ahli Parlimen seperti mana yang saya katakan. Dan perkara ini saya akan laksanakan secepat mungkin, saya telah mengarahkan pegawai supaya mengadakan.

Begitu juga PEMADAM, jadi PEMADAM ini lebih mudah sikit kerana NGO dan saya sendiri pengerusi dan dalam mesyuarat yang akan datang kita akan ambil keputusan supaya pengerusi-pengerusi di peringkat daerah ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat, sama ada Ahli Parlimen atau ADUN. Supaya tuan-tuan sendiri boleh memainkan peranan yang penting kerana saya rasa yang penting adalah di peringkat akar umbi. Apabila di peringkat daerah tidak bergerak, maknanya di akar umbi pun tidak bergerak. So, saya berharaplah apabila Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, apabila diberi pelantikan akan dapat memberi sumbangan yang lebih bererti kepada usaha memerangi dadah di negara kita ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, selamat pagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dadah musuh, mudah sahaja perkataan ini Tuan Yang di-Pertua. Semua orang kata dadah musuh tetapi membanterasnya hampir 30 tahun atau lebih kurang 30 tahun, penyakit ini makin menjadi kronik, sukar, susah. Kita beranggapan bahawa penagih dadah ini adalah pesakit, ini masalah kita Tuan Yang di-Pertua. Kita beranggapan sesiapa yang menagih dadah, dia adalah pesakit. Maka dia dilayan sebagai pesakit. Walaupun hukumannya sebagai penjenayah tetapi kita diajak melayan dia sebagai pesakit.

Jadi boleh tidak kita ubah saja, jangan kita layan dia sebagai pesakit, kita layan dia sebagai penjenayah. Kita sudah suarakan berkali-kali tetapi kerajaan tidak berani hendak melakukannya. Kita sudah suarakan di mana-mana, di Dewan Undangan Negeri, dalam persidangan-persidangan NGO, di mana-mana kita suarakan. Tetapi sehingga hari ini kerajaan masih tidak berani melaksanakan apa yang disuarakan oleh semua pihak. Dan itu penagih-penagih dadah ini tempatkan ke pulau.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, menteri jawab sekarang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya sambung sikit?

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itulah dia.

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan menteri dah faham dah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi cuba satu keberanian oleh pihak kerajaan, mari kita cuba cari satu pulau. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kemudian jawab, pulau mana? Jadi cuba agak-agaknya kerajaan negeri bagi jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak cuba ada rekrut 500 orang ke, cuba hantar sana satu pulau pilih, bagi dia dekat sana macam mana. Apa Bukit Mertajam?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: 'I say man'. Saya cakap ini macam, jadi DAP tidak sokonglah? DAP suka dadahlah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sri Gading, ini sudah *outdated*, pandangan ini *outdated*, mesti lebih berilmu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang baru apa daripada DAP? Apa?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kita bincang, nanti kita bincang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukit Mertajam, saya tidak boleh dengar *you* punya cakap. Tuan Yang di-Pertua, apa Tuan Yang di-Pertua punya arahan?

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab sekarang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi saya cukup sampai sini Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setujulah atas pandangan Yang Berhormat itu, memang saya setuju. Tetapi perkara ini perlu banyak lagi persoalan-persoalan yang kita harus jawab umpamanya Timbalan Perdana Menteri pun biasa menjawab, tak ada negeri mana pun yang sanggup beri pulau untuk ditempatkan orang-orang ini. Tetapi walau bagaimanapun ada perkara-perkara di antara kementerian-kementerian ini yang patut diselaraskan.

Yang pertama sekali berkenaan dengan pusat serenti. Sekarang ini kita tengok ramai, di pusat serenti hari ini makin kurang. Jumlah di pusat serenti makin kurang kerana penglibatan dadah jenis ATS, so dadah ATS ini kata salah guna dadah, bukan penagih dadah. Sebab itulah kebanyakan mereka ini tidak ditempatkan di pusat serenti, mereka ini didenda dan dibebaskan. Dan hari ini di bawah pengawasan polis pun cukup ramai.

Jadi sekarang ini sedang kaji sama ada mereka yang terlibat dengan penagihan dadah ini sama ada di bawah pengawasan keluarga, kita akan tempatkan untuk keluarga mereka sendiri yang memberi pengawasan kepada tiap-tiap penagih dadah ini daripada kita buang mereka ke daerah lain yang akan menimbulkan masalah. Saya telah melawat IPK baru-baru ini, lawatan ke IPK, begitu juga di seluruh negara. Di satu-satu daerah itu, kita ada sampai 300 hingga 400 orang. Dan kita ada 36 ribu bawah pengawasan polis. Jadi memang tidak terkawal, sesetengah itu kita akan hantar balik untuk bawah pengawasan keluarga masing-masing.

Dan di samping itu, kita pun hairan juga, saya pun sedang minta Kementerian Kesihatan supaya mengkaji balik kerana di Sabah, mereka-mereka yang terlibat dengan ATS ini boleh disahkan sebagai penagih dan dihantar ke pusat serenti. Tetapi di Semenanjung ini, saya difahamkan ada doktor tidak mahu mengesahkan mereka ini sebagai penagih. Jadi sebab itu kita ada masalah dalam soal ini. So, perkara-perkara ini sedang kita runding antara pihak kementerian KKDN dan juga Kementerian Kesihatan kerana dia juga melibatkan kementerian-kementerian lain. Dan perkara-perkara ini sedang kita kaji. Dan seperti mana yang tuan-tuan tahu bahawa dadah ini, walaupun dadah ini bukan perkara baru, dah lama tetapi macam kita katakan, bila kita *introduce* perkara-perkara baru, orang yang mengedar dadah itu akan cuba cara yang baru. Dan sedang kita bincang di sini macam mana kita hendak menangkap mereka, di luar mereka pula bincang macam mana mereka hendak melepaskan diri daripada kita. Jadi benda ini sentiasa bergerak.

Jadi walau bagaimanapun, kita mengharapkan sokongan daripada semua pihak terutama sekali keluarga penagih yang terlibat. Selagi masyarakat tidak memberi kerjasama seperti lepas saya cakap saya cakap dalam jawab di Parlimen ini, perkara ini tidak akan dapat diselesaikan. Itulah saja, terima kasih.

11. Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian sedar sebilangan besar sekolah-sekolah rendah di pedalaman Sabah khususnya Parlimen Pensiangan dibina di atas tanah *Forest Reserve/FMU-“Forest Management Unit”*. Apakah dasar dan tindakan kerajaan bagi menangani masalah ini.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, baris keenam itu saya rasa bukan “mengenal”, *should be* “menangani” masalah ini, pindaan ya.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato’ Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat buah sekolah rendah yang dibina di atas tanah *forest reserve* atau FMU, *Forest Management Unit* dalam Parlimen Pensiangan iaitu Sekolah Kebangsaan Salarom, Sekolah Kebangsaan Saliliran, Sekolah Kebangsaan Sibangali dan Sekolah Kebangsaan Pengaraan. Kementerian Pelajaran menyedari perkara yang dihadapi dan sedang berusaha menyelesaikan kerajaan Negeri Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, keempat-empat sekolah tersebut terletak di kawasan perkampungan yang jauh di pedalaman. Sekolah-sekolah tersebut diwujudkan untuk keperluan penduduk bagi mendapatkan pendidikan anak-anak mereka. Sekolah-sekolah tersebut juga telah wujud sebelum tanah tersebut diwartakan sebagai tanah *forest reserve* atau *Forest Management Unit*. Terima kasih.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: Pembedulan ya, saya rasa bukan empat Yang Berhormat Timbalan Menteri, lebih daripada sepuluh buah sekolah yang termasuk dalam FMU ataupun *forest reserve* ini. Persoalan yang saya kemukakan ini adalah baru-baru ini rakyat Malaysia pun maklum di Paitan baru-baru ini, rumah-rumah yang didirikan di tanah-tanah *reserve* ataupun di atas tanah FMU ini di atas ketidakperimanusiaan pegawai-pegawai dari Jabatan Perhutanan, rumah-rumah tersebut yang termasuk dalam lingkungan *forest reserve* ini telah dibakar dan ini telah mendapat tentangan yang begitu hebat sekali daripada rakyat di Sabah dan juga Malaysia amnya betapa ‘*in humane*’ terhadap mereka ini.

Persoalan saya sekarang ini ialah sekolah-sekolah yang berada di FMU ataupun *forest reserve* ini adalah di dalam kampung-kampung yang termasuk dalam *forest reserve* ini. Adakah kerajaan sekarang ini mengambil tindakan sedemikian rupa yang telah dijalankan baru-baru ini oleh Kerajaan Negeri Sabah. Di bawah kuasa Perlembagaan Persekutuan bahawa Kerajaan Persekutuan mempunyai hak untuk meminta kepada kerajaan negeri mendapatkan tanah-tanah tersebut supaya sekolah-sekolah ini dapat dikembalikan dengan lebih berkesan lagi dan di bawah tatacara yang tersusun.

Saya terfikir, Tuan Yang di-Pertua, bahawa baru-baru ini satu pekeliling telah dikeluarkan kepada sekolah-sekolah. Mana-mana sekolah yang tidak mempunyai geran tidak akan mendapat sebarang bantuan daripada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Saya minta supaya kementerian ini memberi penjelasan kepada rakyat di Sabah, khususnya di kawasan Pensiangan agar ini dapat ditangani dengan lebih menyeluruh lagi. Terima kasih.

Dato’ Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat lebih arif sebab ini kawasan Parlimen Yang Berhormat. Saya dapat ini mungkin laporan yang kurang tepat daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah. Kalau Yang Berhormat dakwa 10, kita akan semak balik.

Mengenai kerisauan Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa Jabatan Pelajaran Negeri Sabah bersama-sama dengan PIBG-PIBG sekolah tersebut serta penduduk kampung telah pun menghantar surat kepada Kerajaan Negeri Sabah agar tanah tersebut dikeluarkan daripada tanah gazet *forest reserve*. Pihak kementerian juga berharap Yang Berhormat sendiri sebagai Ahli Parlimen daripada kawasan tersebut akan dapat bersama-sama memainkan peranan untuk membela nasib anak-anak yang berada di pedalaman untuk mendapatkan pendidikan yang sempurna. Terima kasih.

12. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyediakan satu “*Early Warning Network*” atau Rangkaian Amaran Awal untuk membantu rakyat di sepanjang kawasan pantai negara yang mungkin terdedah kepada ancaman bencana tsunami untuk menyelamatkan diri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tebrau atas kesudian Yang Berhormat bertanyakan tentang langkah-langkah yang telah diambil untuk membantu rakyat di kawasan pantai yang terdedah kepada ancaman tsunami.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam usaha untuk memastikan keselamatan kepada orang ramai akibat daripada ancaman gempa bumi dan tsunami telah berusaha untuk mewujudkan satu sistem amaran awal yang dinamakan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia telah mengambil kira pelbagai faktor yang melibatkan peralatan-peralatan berteknologi tinggi dan canggih serta keperluan sumber tenaga manusia. Dalam hal ini kerajaan telah mewujudkan satu rangkaian kerjasama di kalangan agensi-agensi kerajaan, NGO dan beberapa sektor swasta yang terlibat dengan pengurusan bencana negara.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kelengkapan peralatan, Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia terdiri daripada 14 buah stesen seismik, 3 unit sistem pelampung tsunami, 6 stesen pasang surut, 4 buah stesen *coastal camera*, dengan izin ataupun kamera pantai dan 13 unit siren. Pemilihan lokasi untuk penempatan alat-alat pengesanan gempa bumi dan tsunami ini telah mengambil kira pelbagai faktor demi menjaga kepentingan dan keselamatan rakyat Malaysia di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes-kes kejadian gempa bumi kuat yang berlaku di kawasan berdekatan dan boleh memberi risiko kepada negara kita, Malaysia, Pusat Amaran Awal Tsunami Nasional akan menyalurkan secara terus maklumat berkenaan dengan gempa bumi tersebut kepada agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan bencana negara. Pihak media cetak dan media elektronik serta orang awam melalui pelbagai saluran komunikasi seperti Sistem Pesanan Ringkas, *hotline*, *internet*, telefon dan faks dan seterusnya akan disebarkan kepada orang ramai melalui *breaking news*, dengan izin dan *callers* di stesen-stesen televisyen tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan tahap kesedaran orang ramai terhadap bahaya dan risiko gempa bumi dan tsunami di Malaysia pula, beberapa program kerjasama antara Bahagian Keselamatan Negara dengan agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan bencana negara serta NGO telah mengadakan *road show*, dengan izin, mengenai tsunami dan langkah-langkah serta pendekatan yang perlu diambil setelah menerima amaran gempa bumi dan tsunami.

Road show ini telah diadakan secara bersepadu di negeri-negeri seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan bagi kawasan selatan, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis di kawasan utara serta bagi negeri Kelantan dan Sabah. *Road show* dan pendedahan ini akan diteruskan daripada masa ke semasa ke seluruh negara untuk meningkatkan tahap kesedaran dan kesediaan orang ramai terhadap risiko dan bahaya tsunami di negara kita, Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, kita baru sahaja menyaksikan kehebatan dan betapa dahsyatnya Taufan Durian melanda negeri Thailand dan mengancam nyawa manusia. Kita juga sudah mengalami kedahsyatan tsunami di negara kita sendiri. Soalan saya, semenjak rangkaian amaran awal dibina, apakah maklumat yang telah dikumpulkan tentang dengan izin, *proneness* atau *probability*nya berlaku tsunami di negara kita dan di kawasan manakah yang didapati paling tinggi *proneness* dan *probability* serangan tsunami di sepanjang pantai tanah air kita. Minta penjelasan.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tebrau. Itu sebab di dalam pemilihan untuk meletakkan pelampung tsunami, kita mencari bagi daerah atau kawasan yang mempunyai *probability* yang tinggi untuk berlaku gempa bumi dan mengakibatkan berlaku tsunami. Satu daripada pelampungnya kita letak di Pulau Rondo iaitu di laut dan pulau-pulau Andaman yang mana di situ adalah biasa berlaku gempa bumi di dasar laut. Begitu juga yang kedua di Pulau Layang-Layang iaitu terletak di Laut China Selatan berhampiran negeri Sabah yang mana kalau kita lihat ini adalah merupakan Filipina, Sulawesi dan sebagainya adalah merupakan banjaran ataupun jajaran gunung-gunung berapi yang mana adalah satu sumber daripada berlakunya gempa bumi itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi menjelaskan kepada kita bahawa negara kita memang bersiap sedia menghadapi ancaman tsunami. Kerajaan telah membuat persiapan yang awal. Tetapi seperti yang Yang Berhormat katakan, bencana tsunami adalah kita ini *second effect* sebab kita tidak berada di barisan hadapan ancaman gempa bumi.

Yang saya hendak tanya ialah satu malapetaka baru yang sedang menyerang Asia Tenggara hari ini kalah bencana Durian. Soalan tambahan saya ialah apakah peralatan yang kita pergunakan itu boleh mengesan bencana Durian atau apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi atau memahami perkara ini sebab ribut Taufan Durian ini tidak mengenal kawasan. Daripada kawasan yang berlaku di Laut China Selatan ini, pantai Kelantan, Terengganu dan Pahang adalah terdedah sama dengan pantai Filipina dan selatan Thailand. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Untuk berkaitan dengan masalah kaji cuaca, ribut dan sebagainya, itu sebab kita telah lama menubuhkan dahulu kita panggil Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca, sekarang adalah Jabatan Meteorologi Malaysia. Jadi Jabatan Meteorologi Malaysia ini salah satu daripadanya adalah untuk meramalkan hujan, cuaca, suhu, ribut, laut bergelombang dan sebagainya.

Tsunami adalah akibat daripada gempa bumi. Jadi di sini ingin saya maklumkanlah sedikit bahawa Taufan Durian ini sebenarnya adalah merupakan maklumat yang telah diterima ataupun kita dapati daripada Jabatan Meteorologi Malaysia. Taufan Durian ini sebenarnya terbentuk pada 25 November 2006 di Lautan Pasifik Barat dan menjadi ribut Tropika pada 26 November 2006.

Ia terus bergerak menuju ke bahagian Timur kepulauan Filipina dan kekuatannya meningkat menjadi taufan pada 28 November 2006. Pada 30 November 2006 ia menjadi *super* taufan dan melanda Pulau 'Katanduanis' Filipina dan telah mengorbankan lebih daripada 1,000 nyawa dan banyak harta benda. Jadi, ini semua adalah ramalan-ramalan dari Jabatan Meteorologi Malaysia. *That means* kita dapat dan boleh mengenal pasti bilakah, di manakah berlaku sama ada ribut atau taufan ini. Jadi, tidak ada masalah, terima kasih.

13. Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan berniat untuk membina sebuah balai polis di Demak Laut Industrial Estate, Jalan Bako, Kuching dan jika ada, bilakah cadangan itu dilaksanakan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bandar Kuching. Tuan Yang di-Pertua, cadangan pembinaan balai polis di Demak Laut Industrial Estate, Jalan Bako, Kuching tidak disenaraikan dalam projek yang telah disenaraikan yang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pembinaan balai polis di kawasan tersebut, boleh dipertimbangkan dan dilaksanakan dalam kajian separuh penggal. Rancangan Malaysia Kesembilan sekiranya ada keperluan daripada Kontinjen Sarawak.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Soalan tambahan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekarang Demak Laut Industrial Estate adalah di bawah daerah Balai Polis Kampung Kita di daerah Matang di Kuching dan jaraknya agak jauh dan sekiranya ada laporan rompakan atau pencurian, polis dari Kampung Kita sekurang-kurangnya ambil masa setengah jam baru sampai ke Demak Laut dan inilah telah menyebabkan kemerosotan keadaan keselamatan Demak Laut Industrial Estate. Saya telah diberitahu oleh peniaga-peniaga di tempat itu, Demak Laut Industrial Estate, setiap peniaga di sana pernah kena pecah masuk oleh pencuri, setiap peniaga pernah kena.

Oleh itu memandangkan keadaan ini, saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya di peringkat *halfway* RMK-9 memberi pertimbangan atas rayuan penduduk di sana untuk membina satu balai polis di Demak Laut Industrial Estate. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi pertimbangan yang serius atas rayuan ini?

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, saya ucapkan terima kasih di atas laporan yang diberikan kepada saya dan insya-Allah saya

akan tengok kepada perkara ini dan kita akan lihat daripada laporan yang ada dan kes yang ada di kawasan itu dan sekiranya penting dan perlu, kita akan melaksanakan secepat mungkin terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat memberitahu kriteria-kriteria atau syarat-syarat supaya menentukan di mana-mana satu tempat ia perlu dibina sebuah balai polis, terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Biasanya kita akan kaji berdasarkan kes jenayah kawasan berkenaan sama ada kes-kes banyak di kawasan itu dan juga selain daripada itu, dari segi jumlah penduduk, di kawasan yang berkenaan dan selain daripada itu juga kita juga mempertimbangkan dari segi yang paling penting ialah peruntukan. Kalau sekiranya peruntukan ada kita akan bina di kawasan-kawasan yang terlibat. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, banyak balai polis akan dibina di seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga di bawah projek BLT dan PFI.

Saya telah meminta supaya satu perjumpaan atau mesyuarat di antara Kementerian KKDN dengan Kementerian Kewangan mengenai pembinaan balai-balai polis di seluruh negara dan kita akan bagi kepada keutamaan. Walaupun kadang-kadang pada peringkat awal itu, dalam pembinaan kita tidak mempunyai rancangan untuk membina balai polis di sesebuah tempat itu. Tetapi, sekiranya kita lihat daripada laporan yang kita perlu kita akan bina secepat mungkin di semua tempat.

14. Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta Menteri Kewangan menyatakan cadangan untuk mengadakan mata wang ASEAN. Sejauh mana cadangan ini akan direalisasikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Beluran. Ini berkenaan dengan cadangan mata wang ASEAN. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi kronologi kepada cadangan ini. Pada 1998, di ASEAN Summit yang berlaku di Hanoi, Hanoi ASEAN Plan telah membuat satu kajian ASEAN Single Currency, kemudian pada March 1999, di peringkat ASEAN Finance Minister Meeting juga di Hanoi, Malaysia telah pun diberi tugas mengepalai projek. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, pada mesyuarat ASEAN Central Bank Forum di Hanoi pada November 1999, cadangan ini telah mendapat *endorsement* di bawah mesyuarat itu. Pada Ogos tahun 2000, satu *task force* telah pun di tubuh untuk membuat kajian ini dan pada Oktober 2002, di Yangan laporan telah dibuat pada ACBF ASEAN Central Bank Forum daripada Ogos 2003 di Manila telah membuat laporan pula kepada ASEAN Finance Minister Meeting.

Tuan Yang di-Pertua, sistem mata wang tunggal ini memerlukan *commitment* yang padu dan persetujuan negara-negara terlibat untuk mengharmonikan dasar fiskal dan *monitory* mereka. Penerimaan pakai mata wang ASEAN tunggal turut memerlukan integrasi ekonomi dan kewangan yang lebih kukuh. Bagi mencapai matlamat ini, negara-negara ASEAN sedang secara bersama memberikan keutamaan kepada inisiatif seperti Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN untuk meningkatkan integrasi ekonomi serantau ke tahap yang lebih tinggi. Inisiatif ini dengan sendirinya akan memberi manfaat yang *significant* kepada rantau ini Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Kita tidak boleh sangkal, tidak boleh *deny* antara *Euro* antara mata wang yang kukuh di dunia ini selepas *Pound* dan juga lebih kukuh daripada *US Dollar* dan tentulah kalau ASEAN bergerak ke arah ini untuk mewujudkan satu mata wang ASEAN, mata wang ASEAN akan lebih kukuh dan akan lebih tidak dipengaruhi oleh turun naik seperti yang berlaku dalam mata wang-mata wang negara-negara sekarang ini. Pada jangkaan Malaysia, integrasi ekonomi yang sedang dijalankan sekarang ini akan menuju kepada *single currency*. Bila agaknya perkara ini akan dapat direalisasikan mengikut trend yang ada sekarang.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, EU dia melaksanakan *single currency* *Euro*, memang benda ini lebih kukuh daripada *US Dollar*. EU dia banyak berbeza dengan ASEAN sekarang ini kerana EU sekarang ini sudah ada Parlimen sendiri, sudah ada sistem kastamnya sendiri, bersekali semuanya dan juga imigresen kita masuk

kepada satu negeri di dalam negara EU itu, dan tidak payah pergi ke negara lain, tidak payah cap dan sebagainya sudah ada integrasi yang cukup baik. Sebab itu mereka dapat mengadakan satu *single currency* di sana.

Tetapi, di ASEAN ini saya ingat masih jauh. Selepas ini sudah ada kerjasama pelbagai AFTA dan juga ada *triangular* misalnya, kerjasama IMT G-T antara Semenanjung Utara dengan Indonesia dan Thailand. Di Selatan pun ada integrasi. Sudah ada usaha-usaha ke arah itu Tuan Yang di-Pertua, tetapi nampaknya tidak semudah itu untuk kita adakan *single currency* pada peringkat ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji tentang prospek ataupun potensi dinar emas sebagai asas kepada *single currency* bagi ASEAN ini? Kelantan telah memperkenalkannya dan cadangan ini turut dikemukakan oleh bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir kepada negara OIC. Jadi adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji potensi ini sebagai satu asas yang kukuh ke arah mewujudkan *single currency* bagi ASEAN ini? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua ini terkeluar sedikit. Tapi tak apalah saya jawab juga. Tuan Yang di-Pertua, tentang dinar emas ini memang ada cadangan pada masa dahulu. Bekas Perdana Menteri telah pun membuat cadangan dinar emas dan diterima baik sebenarnya di peringkat mesyuarat dan dinar emas ini adalah bertujuan membuat bayaran perdagangan, Tuan Yang di-Pertua. Bila negara-negara OIC ini berniaga, mereka dicadangkan supaya membayar melalui dinar emas ini.

Usaha memang telah dibuat oleh pihak Malaysia tapi nampaknya penerimaan di kalangan negara-negara OIC agak sejuk sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Ada negeri-negeri yang memang bersetuju tetapi tindakan tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Jadi setakat ini memang tergantung di situ, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

KEGIATAN CETI HARAM (AH LONG) YANG SEMAKIN MENGGANAS

11.31 pg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2), dengan ini diberi notis bahawa saya akan mengusulkan supaya Mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan usul yang melibatkan perkara tertentu, berkepentingan ramai dan perlu disegerakan. Saya Tuan Salahuddin bin Ayub, Ahli Parlimen Kubang Kerian mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan kegiatan ceti haram atau *Ah Long* yang semakin mengganas termasuk melakukan peras ugut dan serangan fizikal ke atas peminjam-peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan dan keprihatinan Timbalan Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang meminta seluruh rakyat Malaysia memerangi kegiatan ceti haram *Ah Long* seharusnya dipertimbangkan oleh Parlimen Malaysia untuk membahaskan isu yang sangat penting dan mencabar ini. Isu ini sesungguhnya benar-benar telah mencabar kewibawaan pihak keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini.

Isu ini adalah perkara tertentu kerana kegiatan ceti haram atau *Ah Long* semakin berleluasa sekarang ini dan pelbagai isu tentang kegiatan ceti haram khususnya kegiatan jenayah mereka ke atas peminjam telah mendapat liputan luas di media massa. Kematian adik Seah Siew Cheung, Seah Siew Wen dan Seah Siew Thong yang amat menyayat hati ini diharap dapat menarik perhatian Parlimen ke arah membincangkan isu ini.

Perkara ini juga perlu disegerakan kerana kegiatan ceti haram ini semakin berleluasa pada hari ini tanpa satu tindakan yang konkrit kepada pihak kerajaan. Serangan fizikal dan peras ugut yang dibuat ke atas peminjam memerlukan tindakan segera pihak berkuasa kerana sudah ada peminjam yang sanggup membunuh diri dan keluarga mereka kerana tidak tahan dengan tekanan daripada pihak *Ah Long* ini.

Isu ini juga melibatkan kepentingan ramai kerana semakin hari semakin ramai rakyat Malaysia yang terlibat meminjam wang dari ceti haram ini bahkan menurut laporan akhbar, 450 kes peras ugut oleh ceti haram telah dilaporkan oleh Biro Aduan MCA pada tahun lalu yang menunjukkan isu ini sangat menjejaskan kepentingan ramai dan ketenteraman awam. Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas, saya merasakan Usul ini berhak untuk dipertimbangkan dan dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini. Saya pohon untuk mencadang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kubang Kerian pada hari Isnin, 4 Disember 2006. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini perkara tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, walau bagaimanapun, perkara ini tidak perlu disegerakan.

Kerajaan dan Polis Diraja Malaysia sememangnya memandang serius dan mengambil berat mengenai kegiatan pemberi pinjaman haram dan sentiasa memantau serta mempertingkatkan langkah-langkah mengikut peruntukan undang-undang untuk mencegah dan menangkap penjenayah-penjenayah yang menjalankan kegiatan meminjamkan wang secara haram yang melibatkan kekerasan sehingga menggugat keselamatan awam. Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG HAK MILIK STRATA (PINDAAN) 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Hak Milik Strata 1985; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI BIOBAHAN API MALAYSIA 2006

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai penggunaan mandatori bio-bahan api, pelesenan aktiviti yang berhubung dengan bio-bahan api dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dan Anggaran Pembangunan 2007 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. *[Hari Kesembilan belas]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.60 [Jadual] –

Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan 2007] –

Tuan Pengerusi: Kementerian Pertahanan. Kepala Bekalan B.60 dan Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

11.38 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sebut perkara 040000 - Pertahanan Maritim. Di sini saya harap supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi Dewan ini satu laporan mengenai kedudukan pembelian dan pengesanan Malaysia untuk kapal selam Scorpene dan daripada satu *joint venture* antara Perancis dan Spanish.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Di sini saya percaya bahawa kita tahu mengenai satu isu yang penting yang ada dibangkitkan dalam sesi Parlimen dahulu tetapi sampai sekarang belum disentuh dan jawapan yang memuaskan ada diberikan ialah mengenai kontrak yang ada dimeterai antara Kerajaan Malaysia dengan pembuat-pembuat *submarine* ini ialah RM4.1 bilion dua kapal selam Scorpene dan satu *overhaul Agosta 70 submarine* untuk melatih TLDM ini khasnya, oleh kerana dalam sesi itu satu isu yang mustahak yang ada dibangkitkan ialah mengenai mengapa berlaku komisen USD100 juta atau lebih kurang RM300 juta yang dimiliki oleh satu syarikat yang akhirnya dikawal oleh Abdul Razak Baginda.

Abdul Razak Baginda masa itu dan sekarang pun *analyst* Malaysian Strategic Resource Center dan baru-baru ini terlibat dalam satu kes yang begitu besar ialah mengenai pembunuhan seorang wanita Mongolian dan pun menutupkan badan *exploded into 'midstream'* dan melibatkan pasukan tindakan polis, ada C-4 explosive yang begitu sulit dan didapati. Oleh sebab isu ini sekarang muncul semula dan kita harap bahawa Yang Berhormat Menteri dapat memberikan satu jawapan yang jelas sama ada satu siasatan diadakan mengenai komisyen USD 100 juta, siapa menikmati, siapa *beneficiary* yang sebenarnya komisyen itu, USD 100 atau 300 juta Malaysia Ringgit dan ini ada bersangkutan paut dengan kerajaan ini integriti atau tidak integriti.

Di sini saya mahu tahu bila kapal selam ini akan diserahkan. Pada mulanya ada kata 2007, tetapi dalam lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ataupun Menteri Pertahanan tahun lalu, tarikh itu sudah ditukar kepada 2009. Dua isu itu tetapi apa yang mustahak ialah sama ada kerajaan rela mengadakan satu siasatan terbuka mengenai komisyen USD 100 yang kalau tidak silap diberikan *green light* oleh pegawai yang tertinggi dalam kerajaan Perancis sehingga - *up to very top level of the France government* yang memberikan kelulusan untuk memberi komisyen semacam ini. Kalau kita terlibat, apa kedudukan mengenai integriti, semua kontrak MINDEF ataupun Kerajaan Malaysia. Saya harap ini boleh memberikan satu - oleh kerana kita tidak mahu apa pertalian dibuat dan

oleh kerana itu nampaknya kita ada satu kes yang sensasi yang kita hadapi. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin.

11.42 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sebelum saya memulakan ucapan saya, saya mengalu-alukan kedatangan pemimpin-pemimpin masyarakat dari Dewan Undangan Negeri Bemban dari Parlimen Jasin.

Saya pergi kepada Butiran 03000, Butiran 04000 dan Butiran 05000 iaitu Pertahanan Darat, Maritim dan Udara. Kita berharap supaya Kementerian Pertahanan melalui bajet yang kita luluskan ini. Kita dapati bahawa pada hari ini, kebanyakan kelengkapan dan peralatan angkatan tentera kita, lebih-lebih lagi angkatan tentera darat kita sudah berumur, 20 tahun, 30 tahun.

Kita lihat pada hari ini di rantau Asia, walaupun tidak ada ancaman yang besar bukan kata kita terpaksa membeli alatan-alatan baru ini untuk kita berperang dengan orang. Yang penting bagi kita ialah untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan negara kita. Kalau kita lihat pada hari ini, Singapura, satu pulau yang kecil mereka membelanjakan begitu besar belanjawan mereka untuk membeli peralatan-peralatan baru untuk mempertahankan pulaunya.

Begitu juga yang sedang berlaku di Indonesia dan Thailand dan saya kira sudah sampai masa dan ketikanya supaya angkatan tentera kita lebih-lebih lagi Angkatan Tentera Darat. Saya difahamkan kita ada Kor Armor, dengan kereta perisai yang mana kereta-kereta perisai ini sudah berumur lebih daripada 20 tahun dan didapati bahawa mereka ini dan kereta-kereta perisai ini tidak dapat bergerak. Kalau hendak berperang pun tidak ada *worthy* lagi. Ada yang hanya tinggal 20% dan ada dengar cerita bahawa ada 30% sahaja kereta perisai ini yang boleh bergerak dengan lancar.

Oleh yang demikian kita berharap, kita berharap supaya dengan peruntukan yang bakal kita luluskan ini kementerian ambil serius berkenaan dengan pertahanan tentera darat kerana tentera-tentera kita telah bertugas di mana sahaja di dalam dunia ini apabila diperlukan oleh bangsa-bangsa bersatu. Kalau kita pergi ke Lebanon, kita pergi ke negara-negara yang bermasalah dengan peralatan kita yang *obsolete* dengan izin, ataupun yang sudah lama ini mencemarkan negara kita. Oleh yang demikian kita berharap supaya kementerian dapat memperbaiki sistem kelengkapan...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Kelengkapan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sabak bagi Bernam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Angkatan Tentera kita ini..., supaya ia akan membantu dan menguatkan lagi angkatan tentera kita. Sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya hendak jelas sedikit sahaja dalam konteks peranan angkatan tentera Malaysia negara kita ini dalam turut sama menangani ataupun memerangi musuh nombor satu negara yang sudah ada di dalam negara. Saya berpendapat kalau angkatan tentera turut terlibat dalam menangani masalah dadah khususnya yang datang dari luar negara ia akan menjadi lebih berkesan dalam agenda memerangi dadah habis-habisan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita balik kepada tajuklah!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini isu dadah Tuan Pengerusi, balik kepada tajuk Tuan Pengerusi, jadi bolehlah juga angkatan tentera bersama-sama kerana dadah ini Tuan Pengerusi, musuh nombor satu negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham! Tidak boleh dinafikan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Jadi kalau lebih ramai lagi yang membuat kerja mencegah dadah ini insya-Allah kita boleh selesai tetapi berbalik kepada tajuk kita Tuan Pengerusi, berbalik kepada tajuk kita. Kadang-kadang kita pun ada dengar, kita mendengar bahawa banyak peralatan yang kita beli tetapi kontrak untuk *supply spare part* pun timbul masalah. Kebanyakan peralatan kita, kereta kebal, kereta perisai yang kita hadapi pada hari ini, kita dapat tahu bahawa *spare part* tidak ada Tuan Pengerusi. Jadi yang tinggal itu, besi buruk sahaja...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading sila duduk, sila duduklah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat bagi Sri Gading hendak mencelah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia baru masuk, masuk, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh atau tidak Tuan Pengerusi? Boleh Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya harap Tuan Pengerusi dalam keadaan sihat Tuan Pengerusi. Yang Berhormat ini berkaitan dengan butiran ya, tambahan pula nanti.

Butiran saya, hendak menambah tokok apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tahu, yangyang tadi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tetapi dia beri saya laluan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat keluarkan soalan tadi apa yang dikatakan tidak berkaitan dengan butiran, tambahan pula bukan dalam Kementerian Kesihatan jadi tidak perlu tegurlah, baiklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak, ini soal persenjataan. Tuan Pengerusi, kita bangga Tuan Pengerusi dengan angkatan tentera kita, fizikalnya, kemahirannya berperang kita akui, dan antarabangsa pun memperakui ketenteraan kita. Anggota tentera kita sebab itu diberikan amanah....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pergi ke negara-negara sampai Tuan Pengerusi, sabar Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak mengikuti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hebat, tentera kita hebat Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Jasin, apakah Yang Berhormat bagi Jasin bersetuju dengan saya, bahawa kita untuk menentukan kekuatan negara, pertahanan negara bukan sahaja perlu kepada tentera yang gagah berani, kuat, mahir berperang tetapi peralatan, peralatan harus dimodenkan. Perbelanjaan negara harus diberikan lebih besar kepada persenjataan negara, peluru kita, meriam kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat, cukup!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kapal terbang kita, kapal selam kita, jet kita, perlu agaknya diganti. Ini saya ada dengar sampai 25 tahun punya peralatan, sudah ketinggalan Tuan Pengerusi, jadi saya harap....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat bagi Jasin sedang membangkitkan perkara ini, jadi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu sebab saya hendak sokong dia, menambah dia, apa pendapat Yang Berhormat bagi Jasin...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah sokong, duduklah, siapa sokong, baik!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagaimana kita hendak memperteguh dia, hendak memperkuatkan, hendak melengkapkan senjata-senjata...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk Yang Berhormat bagi Jasin cukup!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...senjata-senjata kepada tentera kita yang hebat-hebat ini Tuan Pengerusi! Kerana peperangan ini Tuan Pengerusi, bukan sahaja fizikal hendak kuat tetapi persenjataan yang penting, yang moden yang ultra moden supaya dapatlah kita dipandang tinggi oleh negara-negara lain dan menjadi satu kebanggaan kepada kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, saya harap Tuan Pengerusi bersabar dengan saya. Bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Jasin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin, sila gulung.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih...kena gulung Tuan Pengerusi? Saya jawab Yang Berhormat bagi Sri Gading sekejap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah tidak cukup, tidak payah, tidak payah, ini memang sokong, beritahu kerajaan sokong, sudah cukup. Duduk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini satu lagi Tuan Pengerusi, tentang Butiran 0500 - Pertahanan Ruang Udara. Saya pun hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapa kita punya jet-jet pejuang ini, kejam-kejam jatuh Tuan Pengerusi? Adakah kapal terbang ini modelnya lama? Adakah *spare part* yang dibekalkan kepada kapal terbang ini sudah ketinggalan zaman? Dalam satu tahun ini, paling tidak pun empat atau lima kemalangan berlaku yang mengakibatkan kita kehilangan perwira-perwira, sayang, kita sudah hantar *training*. Disebabkan kapal terbang buruk, dia jatuh. Walhal, sayang *jet fighter* ini Tuan Pengerusi.

Kita berharap, kita jangan hendak mengambil hati.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Ini gulung Tuan Pengerusi. Ini penting Tuan Pengerusi. Jangan kita ingat hendak ambil hati sesuatu kerajaan, kita beli kapal terbang dia, akhir sekali kapal terbang yang dihantar kepada kita, kapal terbang *second hand*. Itu sebabnya banyak jatuh. Oleh yang demikian Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Larut. 3 minit.

11.50 pg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Kod 20000 - Perkhidmatan dan Bekalan. Butiran 03000 - Pertahanan Darat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, 3 minit apa mahu cakap?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Butiran 050000

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, kalau pandai satu minit pun cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: dan udara. Tuan Pengerusi, kita melihat pentingnya tentera kita tentera pengaman ini. Saya hendak menyentuh elaun-elaun mereka di luar negara. Kalau boleh, selain daripada PBB bayar elaun, kita juga minta supaya elaun tentera kita juga dibayar serentak, sewaktu mereka menjalankan tugas. Bermakna PBB bayar, kita pun bayar. Kerana macam-macam boleh jadi, mereka mengorbankan nyawa mereka, keluarga mereka yang ditinggalkan di kampung. Belum tahu mereka akan pulang, memang kita berdoa mereka ini akan balik,

selamat pulang. Jadi kita berharap supaya perkara ini dapat dilihat tentang pengorbanan yang telah dilakukan oleh tentera-tentera penganan ini.

Keduanya ialah berhubung dengan *pilot*, dengan izin. Juruterbang kita yang mungkin mengambil jalan keluar untuk berhenti perkhidmatan bekerja dengan pihak syarikat-syarikat swasta. Jadi kita hendaklah supaya Kementerian Pertahanan melihat mungkin tentang tawaran yang diberikan. Kita faham bahawa mereka ini kita latih, kita keluarkan belanja dengan cukai rakyat yang bayar untuk melatih mereka ini. Tapi kita tahu dengan keadaan sekarang ini mungkin mereka akan dapat tawaran-tawaran yang lebih baik dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain.

Kalau dengan MAS tidak mengapa lagi. Kita takut dengan syarikat yang mengaut keuntungan dalam negara kita, tapi syarikat yang mendapat kepentingan di tempat lain. Jadi saya berharaplah supaya kementerian melihat keistimewaan yang mungkin boleh dipertingkatkan lagi kepada juruterbang-juruterbang kita.

Saya setuju kalau peralatan kita ini, tentang pesawat MIG-29, buatan Rusia yang dikatakan sudah tidak sesuai lagi, kita kena gantilah. Walaupun kita tidak berperang Tuan Pengerusi, kita mesti membuat persediaan.

Last sekali tentang tabung. Tabung ini ada satu yang saya ingin sentuh ialah berhubung dengan tabung pendidikan. Kita tahu bahawa tabung pendidikan angkatan tentera telah menawarkan pinjaman. Skim tabung pinjaman akademik Tuan Pengerusi, pengajian tinggi angkatan tentera ataupun TAPAT, yang menyediakan pinjaman tanpa faedah sebanyak RM30,000. Jadi saya hendak tahu setakat ini berapa ramai yang telah mendapat peluang ini, yang telah merebut peluang ini. Apakah warga angkatan tentera menggunakan skim tabung ini termasuk mereka yang ada pangkat-pangkat yang lain dan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah, sarjana muda dan tumpuan kepada pegawai-pegawai yang sudah mempunyai ijazah. Kerana kita mahu supaya kedudukan angkatan tentera ini dilihat sebagai satu jawatan yang teramat penting untuk menjaga ketahanan negara kita ini. Jadi Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, 3 minit tepat, bagus. Tuan.

11.53 pg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua perkara sahaja. Yang pertama bagi Butiran 050300 - Latihan. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada kerajaan bagaimanakah proses pengambilan pelatih-pelatih dalam tentera darat. Ada kes di mana pelatih ini sudah diambil, dan telah dibuat pula penapisan dadah dan pelatih ini sudah berlatih selama 5 bulan, tetapi setelah didapati penapisan dadah daripada ADK didapati bahawa dia ada kes mengambil dadah dahulu dan akhirnya disuruh balik sahaja. Ini berlaku di kawasan saya dan saya ingin mencadangkan supaya tidak payahlah disusah-susahkan orang yang dikenakan penapisan ini. Biarlah penapisan itu dibuat semasa temu duga dan bukan selepas dalam latihan. Sebab ini menghancurkan harapan pihak pelatih dan juga menyusahkan ibu-bapa.

Dalam hal yang demikian juga ada pelatih yang sudah berlatih ataupun selepas latihan, mula berkhidmat tetapi dalam kes tertentu dia tidak menghabiskan latihan dia dan dia keluar. Tetapi masalah di sini ialah dalam soal pengeluaran kad pengenalan awam. Sebab semasa dalam tentera mereka diberikan kad tentera dan tidak lagi menggunakan kad pengenalan awam. Apabila lambat diberikan kad pengenalan awam ini, maka pelatih ini akan menghadapi banyak masalah untuk kembali kepada awam untuk mencari pekerjaan dan sebagainya sebab ketiadaan kad pengenalan, disebabkan kelambatan mengeluarkan kad pengenalan awam.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke Butiran 040000 – Pertahanan Maritim. Dalam pertahanan maritim ini saya ucapkan tahniah, terima kasih kepada pihak kerajaan kerana memberikan peruntukan yang agak besar juga. Peruntukan-peruntukan ini lebih satu bilion dan untuk pengurusan, logistik, latihan, operasi dan hidrografi.

Dalam Butiran 070000 iaitu Dasar Baru juga diberikan peruntukan sebanyak lebih RM80 juta dan dalam *one off*, ada lagi peruntukan untuk maritim iaitu RM181 juta lebih. Ini menunjukkan bahawa kerajaan amat prihatin dalam soal pertahanan maritim ini. Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya berharap dengan peruntukan yang begini besar, maka tidak ada lagi alasan-alasan. Kita tidak lagi mahu dengar di Dewan yang mulia ini

mengatakan bahawa kita sukar mempertahankan pantai yang begitu panjang. Apabila kita mempertahankan kebocoran daripada pendatang-pendatang tanpa izin. Biasanya, terutama sekali di negeri Sabah dikatakan pantai terlalu panjang. Oleh sebab itu kita menghadapi kesukaran untuk mempertahankan, menghalang pendatang-pendatang tanpa izin untuk memasuki negara kita.

Tetapi dengan peruntukan yang begitu besar dan dengan hari ini, dengan pertahanan maritim ini saya berharap alasan ini jangan lagi disebut-sebut di Dewan yang mulia ini. Kita berharap dengan hari ini di negeri Sabah dalam soal pertahanan maritim pun sudah dipertingkatkan. Dalam hal ini juga saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan, pihak kementerian khususnya mempertimbangkan supaya diperbanyakkan pegawai-pegawai diambil daripada negeri Sabah.

Kita tidak sangsi dengan pegawai-pegawai ataupun dengan pegawai-pegawai dari negeri lain. Tetapi barangkali apabila kita mengambil daripada negeri Sabah dan berkhidmat di negeri Sabah, mudah-mudahan ada semangat mereka untuk berkhidmat, mempertahankan negeri daripada dicerobohi oleh pendatang-pendatang tanpa izin khususnya daripada negara-negara jiran, Filipina dan Indonesia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Serdang.

11.57 pg.

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 080200 - Pentadbiran dan Dasar Pertahanan. Tuan Pengerusi, saya hendak mengemukakan satu soalan kepada pihak kementerian apakan persiapan, perancangan yang telah dan sedang diatur atau dirancang terhadap pusat latihan serantau bagi mencegah keganasan di Malaysia, dan apa kesannya mencegah berlakunya keganasan sepanjang masa 3 tahun ini.

Adakah penubuhan pusat latihan ini akan membuka pintu masuk kepada tentera asing termasuk tentera Amerika Syarikat yang sentiasa cuba menawarkan diri untuk menyertai aktiviti tentera di Asia Tenggara. Kerana cadangan penubuhan pusat latihan ini adalah terdiri daripada pihak Amerika Syarikat, pasti ada sebabnya, motifnya. Saya minta juga pihak kementerian untuk memberitahu berapa jumlah yang telah diperuntukkan untuk menubuhkan pusat latihan ini.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa perjanjian pertahanan 5 negara telah ditubuhkan lebih 35 tahun lamanya dengan bertujuan untuk mempertahankan keselamatan dan menangani ancaman keselamatan negara Malaysia dan Singapura yang merangkumi semua wilayah di darat, laut dan udara. Memandangkan ancaman keselamatan negara, keselamatan yang terdiri daripada anasir-anasir, komunis telah lenyap yang mengakibatkan tiada rancangan untuk menggunakan perjanjian ini untuk sebarang operasi. Maka adakah fungsi, tugas dan tanggungjawab perjanjian pertahanan ini tidak lagi menjadi relevan pada masa kini atau akan mengkaji semula bagi menyesuaikan dengan situasi semasa ini.

Tuan Pengerusi, sebaliknya Asia, ASEAN wajar meneliti dan mengkaji secara serius sama ada organisasi ini akan membincangkan soal keselamatan, dan bukannya sudah sampai masanya untuk ASEAN muncul sebagai satu pakatan ekonomi dan keselamatan serantau yang relevan dengan cabaran keselamatan keganasan kini, dan akan membebaskan ASEAN daripada sebarang bentuk atau perilaku, campur tangan oleh mana-mana kuasa luar.

Tuan Pengerusi sebenarnya pakatan dan kerjasama ketenteraan antara Malaysia dan Singapura dan Indonesia telah membuat rondaan bersama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini panjang sangat, dasarnya.

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Tidak, ini minta satu pandangan nanti ...telah mencatatkan sejarah membuktikan bahawa Angkatan Tentera Laut ketiga-tiga buah negara mampu bekerjasama dan komited untuk memastikan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini semua dasar Yang Berhormat.

Dato' Yap Piah Hon [Serdang]: Lepas itu sudah minta peruntukan apa perbelanjaan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ringkaskanlah boleh ...

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Walaupun itu dasar, tetapi ada kaitan dengan peruntukan akan dibelanjakan semasa rondaan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham tetapi sebaliknya ini boleh bahas masa ucapan dasar.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tetapi, lepas itu saya minta pandangan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Minta Yang Berhormat, yang minta itu.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...dengan adanya rundingan yang demikian maka saya minta pihak kementerian berapa jumlah peruntukan yang akan dibiayai semasa rondaan dijalankan oleh ketiga-tiga negara kita Malaysia.

Tuan Pengerusi, peranan sains dan teknologi semakin penting dalam pertahanan negara. Saya difahamkan bahawa pihak kementerian kerap melaksanakan berbagai-bagai program pemodenan dalam Angkatan Tentera Malaysia untuk menjadikan ia sebuah angkatan yang berupaya mempertahankan negara daripada sebarang bentuk ancaman. Dengan adanya kompleks induk Institusi Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan dan ibu pejabatnya terletak di Bukit Mewah, Seksyen 9 Kajang, agar pihak kementerian memberi maklum balas tentang fungsi, tugas dan program penyelidikan yang dimainkan oleh institut ini bagi memantapkan pertahanan negara dan jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan untuk institut penyelidikan ini bagi rancangan lima tahun Malaysia yang akan datang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

12.02 tgh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana ambil kira Tangga Batu pasal Tangga Batu ada dua kem, ada 12,000 orang tentera. Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya benarkan bukan sebab itu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Okay, kerana Tuan Pengerusi baiklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Terpandang.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Pengerusi, yang pertama sekali saya ingin menanyakan satu soalan kepada pihak kementerian. Baru-baru ini Kem Komando Sungai Udang telah dipindahkan ke Johor dan saya hendak tahu apakah kedudukan kem komando Sungai Udang tersebut adakah ia masih lagi beroperasi seperti biasa ataupun ia akan ditutup. Itu saya hendak tahu di bawah pentadbiran.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang kedua Tuan Pengerusi, saya kira perkara ini perlu saya sebut iaitu tentang Latihan Khidmat Negara, Butiran 06000. Saya terlibat secara rapat, secara dekat dengan pembangunan Latihan Khidmat Negara ini dan mendapati setiap kumpulan pelatih yang masuk ke Latihan Khidmat Negara ini adalah diasingkan mengikut keupayaan akademik mereka.

Sebagai contohnya bakal masuk tidak lama lagi adalah mereka yang mungkin tergolong dalam golongan yang pandai-pandai, golongan yang kedua dan golongan yang ketiga lazimnya terdapat golongan yang tidak boleh membaca. Jadi akan ada satu masalah lagi kepada pengurus dan pentadbiran kem iaitu untuk mengajar mereka membaca, menulis serta mengira.

Saya minta kementerian supaya melihat perkara ini secara terperinci supaya modul yang disediakan untuk pelatih-pelatih ini Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah sedikit berbeza mengikut kumpulan-kumpulan pelatih yang masuk, tahap yang pertama, kedua dan ketiga.

Perkara kedua di bawah tajuk Latihan Khidmat Negara ini Tuan Pengerusi ialah tentang sakit-sakit yang ghaib ini. Saya menjadi bapa angkat kepada tiga kem di negeri Melaka dan ketiga-tiga kem ini mempunyai sakit-sakit seperti histeria dan sebagainya yang menjejaskan prestasi pelatih. Saya minta pihak kementerian juga menyediakan pakar

perunding ataupun pakar-pakar psikologi yang boleh bergerak dari suatu tempat ke suatu tempat untuk melihat ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: ... kerana ia kadang kala menjejaskan pelatih dan juga menjejaskan kualiti keluarga pelatih tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi sekejap sangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, dua setengah minit. Baguslah tiga perkara bangkit, bagus. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

12.04 tgh.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan berucap ringkas mungkin. Butiran 01000 – Pentadbiran dan Dasar Pertahanan, Butiran 01200 – Logistik di mana saya melihat dalam buku laporan ini, logistik ini adalah berperanan untuk memastikan bangunan dan kemudahan ATM yang dipertanggungjawabkan berada di dalam keadaan selamat dan untuk digunakan juga bahan-bahan termasuk senjata dalam kawalan yang maksimum.

Di sini Tuan Pengerusi, saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian tentang kes insiden rompakan senjata di Sauk sebagai contoh, penggunaan gas pemedih mata semasa lawatan Tun Mahathir ke Kelantan, bekas PM yang dikaitkan dengan seorang anggota angkatan tentera dan bom tangan yang digunakan untuk menghancurkan mayat Altantuya ini, saya ingin kepastian adakah bom itu milik pasukan polis ataupun milik Angkatan Tentera Malaysia kerana begitu mudah alat-alat ini keluar daripada stor simpanan dan kalau ini biasa berlaku, satu fenomena yang meragukan tentang tahap keselamatan di kem-kem pertahanan kita.

Tentang Butiran 02000 – Bantuan Bersama ini yang juga melibatkan aktiviti bersama dengan tentera asing dan juga tentera-tentera negara jiran di bawah Pakatan Lima Negara, saya ingin untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian adakah Kor Risikan ataupun *Intelligence* Tentera memiliki cukup maklumat sebelum menyerahkan apa yang dikatakan kumpulan pengganas kepada bekas Perdana Menteri Thailand iaitu Taksin dalam isu ekstradisi yang diminta oleh negara tersebut yang didedahkan baru-baru ini oleh Jeneral Purnawirawan Surayud Chulanont bahawa akhirnya mereka ini dibunuh oleh pihak tentera ataupun kerajaan Thailand.

Saya ingin penjelasan adakah kita tidak cukup cermat ataupun kita tidak memiliki risikan yang begitu cekap oleh *intelligence* tentera terhadap kemungkinan mereka ini dihantar balik untuk dibunuh dan adakah benar mereka ini berstatus. Kita yakin benar-benar status mereka ini adalah *terrorist* ataupun pengganas.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 03000 – sebagaimana harapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa kita tidak perlu membeli tentang pertahanan darat. Sebagai contoh, kereta-kereta kebal ataupun kereta *tank* yang statusnya *second hand*. Apa salah kita beli... macam Singapura, mereka ada kereta *tank amphibian* yang begitu canggih. Mereka beli tidak banyak, sedikit, baru.. tetapi berkualiti. Tak guna kita beli *second hand* tetapi tidak boleh digunakan. Tidak ada *spare part*. Ini mesti dipandang dengan serius betapa pentingnya dalam isu kita mempertahankan negara kita. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Ketereh.

12.08 tgh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya akan cubalah Yang Berhormat. Saya akan cuba tetapi saya minta kerjasama dan Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh, kita boleh siap sedia untuk jawab pukul 12.30.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Boleh saya teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik teruskan.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya ingin bercakap mengenai beberapa butiran. Pertama Butiran 03000 – Pertahanan Darat. Di kawasan saya ada sebuah kem yang dahulunya Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan datang melancarkan sebuah perumahan tentera di luar daripada kem dalam tujuh tahun yang lepas. Selepas dilancarkan, ramai anggota-anggota tentera masuk ke dalam.

Tetapi pada masa ini didapati rumah di kawasan perumahan tentera ini sudah tidak sesuai untuk diduduki dan tidak ada usaha, tidak ada belanja, tidak ada peruntukan untuk memperbaiki rumah-rumah ini sehingga menyebabkan perumahan itu menjadi kosong dan anggota-anggota tentera yang berkahwin terpaksa memohon untuk duduk di luar yang merupakan adalah suatu perkara yang tidak digalakkan dalam anggota tentera kerana mereka akan menggalakkan bercampur dengan orang-orang awam kemudian akan berulang alik dengan uniform masuk ke dalam kem. Itu yang pertama, perumahannya harus diperbaiki. Saya mohon supaya Kementerian Pertahanan melihat perkara ini.

Yang kedua, tajuk yang sama juga dalam kem itu juga ada *quarters* untuk bujang tetapi *quarters* ini juga telah *out dated*. Kali pertama kem itu dibuka dua puluh tahun yang lepas sehingga sekarang perbelanjaan *maintenancenya* adalah cukup kurang dan saya selalu melawat dalam kem dan di situ terdapat 4,500 orang anggota tentera dan rumah-rumah bujang ini masih berkeadaan dua puluh tahun yang lepas. Kasihanlah dengan anggota tentera kita ini yang berhempas pulas tetapi duduk dalam keadaan yang sangat-sangat tidak baik.

Saya pohon supaya Kementerian Pertahanan mengambil tindakan segera ke arah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup, habis?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak habis lagi. Belum, belum. Tajuk yang kedua ialah mengenai *hydrographic* Butiran 040500.

Saya adalah *qualified hydrographer*. Saya dapati bahawasanya *charting* atau *chart*, atau peta laut yang ada di dalam negara ini semuanya dibuat oleh angkatan tentera. Tetapi untuk keseluruhan Pulau Langkawi sebenarnya tidak ada *chart* yang memuaskan, sedangkan Langkawi adalah merupakan satu kawasan baru yang digunakan untuk kapal layar.

Saya hendak mencadangkan perbelanjaan yang diberikan kepada Unit Hidrografi sebanyak RM12 juta ini perlu dipertingkatkan, ditambah supaya semua kawasan peranginan, kawasan pulau-pulau yang menjadi pusat pelancongan dan juga kawasan perairan yang perlu dibuat *charting*, hendaklah di *charting* dengan segera. Buat masa ini, *chart* yang ada, *chart* ini sebenarnya terbalik daripada peta topo, Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu, tetapi dibuat oleh Unit Hidrografi Angkatan Tentera Laut. *Chart* kita ini yang ada *updatednya* adalah kawasan-kawasan kem tentera sahaja tetapi tidak untuk kawasan pelancongan.

Bahagian lain dalam negara ini, Jabatan Pemetaan (JUPEM) tidak dapat membuat perkara ini sebab mereka tidak ada peralatan hidrografi, yang ada peralatan hidrografi hanyalah Unit Hidrografi Angkatan Tentera Laut. Jadi, mereka ini hanya memikirkan tentang soal ketenteraan sahaja tetapi tidak memikirkan untuk menyediakan *chart* untuk digunakan oleh perkara-perkara yang lain. Saya pohon supaya perkara ini juga diambil pertimbangan.

Akhir sekali saya hendak menyebut mengenai Butiran 0120 – Penyelidikan dan Pembangunan Pertahanan. Saya dapati peruntukan sebanyak RM9 juta untuk penyelidikan pembangunan pertahanan ini sebenarnya terlalu sedikit, sebab sesebuah negara itu *[Membaca sepotong ayat Quran]*. Allah menyatakan bahawa kita orang Islam mestilah mengukuhkan pertahanan negara ini supaya musuh-musuh kita, *[Membaca sepotong ayat Quran]* musuh-musuh Allah ini akan takut, dia gerun melihat kita.

Tetapi kalau penyelidikan angkatan tentera hanyalah sebanyak RM9 juta, macam mana kita hendak menyelidik untuk mencari perkara-perkara yang perlu kita bangunkan untuk memperkukuhkan pertahanan kita. Saya cadangkan supaya penyelidikan dan pembangunan tentera ini hendaklah dipertingkatkan.

Dan, ini yang terakhir sekali....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah berapa kali.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya hendak cadangkan kepada kementerian supaya menambah Maktab Tentera Diraja. Hari ini saya pakai *neck tie* hijau, *tie* daripada Cawangan Putera Maktab Tentera Diraja. Sekarang ini hanya ada satu sahaja. Saya berpendapat sekolah sebegini, yang mempunyai latihan yang terbaik ini perlu ditambah, tidak dapat dua pun, buatlah tiga, bukan satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Maran.

12.12 tgh.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberikan peluang untuk saya membahaskan Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiga minit, Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Beberapa saya hendak sebut. Yang pertama ialah Butiran 03000, Butiran 04000, Butiran 05000 – Pertahanan Darat, Udara dan Maritim. Perkara yang saya hendak tanya ialah tentang kita akui bahawa peranan Kementerian Pertahanan ataupun tentera kita cukup besar kepada negara, bangsa dan sebagainya. Tetapi akhir-akhir ini kita berasa dicalarkan oleh beberapa insiden atau peristiwa yang melibatkan pasukan keselamatan kita, sama ada polis dan tentera.

Saya ingin tahu sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan, berapa ramai anggota tentera kita yang terlibat dengan perbuatan-perbuatan ataupun tindakan-tindakan yang menyalahi undang-undang dan yang boleh memalukan ataupun menjatuhkan imej angkatan tentera ini.

Yang kedua ialah tentang bekas pasukan keselamatan yang bersara. Biasanya sebelum enam bulan sebelum mereka bersara mereka akan diminta untuk menjalani latihan peralihan. Saya ingin tahu berapa ramai bekas angkatan tentera ini ataupun anggota keselamatan ini yang telah diberikan latihan oleh agensi-agensi kerajaan dan berapa orang daripada mereka telah diambil bekerja?

Apakah agensi-agensi kerajaan ataupun badan-badan ini memberikan satu perhatian yang serius ataupun istimewa kepada pasukan-pasukan keselamatan yang telah pun bersara ini? Ini kerana peranan mereka ini sebenarnya amat besar kepada negara kita.

Berikutnya ialah Butiran 06000 – Latihan Khidmat Negara. Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pertahanan kerana telah mengadakan program ini. Akhir-akhir ini pelatih-pelatih kita diberikan latihan tentang penggunaan senjata api yang cukup berfaedah kepada pertahanan dan membina jati diri mereka. Walau bagaimanapun, latihan ini juga menimbulkan perkara yang kadang-kadang memalukan kita. Ini kerana adanya insiden-insiden yang berlaku semasa latihan ini dijalankan yang melibatkan peristiwa-peristiwa seperti rogol, kematian dan sebagainya. Mungkin disebabkan oleh kecuaian pelatih sendiri ataupun memang ini sudah menjadi takdir ataupun surat kepada mereka.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan, berapa banyakkah setiap Pusat Latihan Khidmat Negara ditubuhkan peristiwa-peristiwa seperti ini yang menimpa kepada pelatih-pelatih ini berlaku? Dan, berapa ramai daripada pelatih-pelatih ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ... yang meninggal dunia. Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah tentang khidmat jiwa murni angkatan tentera. Khidmat ini amat baik kepada masyarakat, bukan sahaja boleh mendampingi tentera dengan masyarakat tetapi dapat melaksanakan program-program pembangunan luar bandar. Saya perhatikan bahawa tidak ada peruntukan khusus diberikan oleh kerajaan kepada program ini dan kadang-kadang kita tidak memberi sokongan kepada tentera untuk mengawal selia program ini.

Saya mencadangkan kepada kerajaan, saya hendak tahu berapa banyakkah peruntukan yang disediakan bagi Program Khidmat Jiwa Murni ini dan kalau boleh apakah perancangan, berapa banyakkah program yang telah disusun oleh kementerian ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ...bagi melaksanakan program jiwa murni. Dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sepanggar.

12.15 tgh.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 04000 – Pertahanan Maritim. Tidak dinafikan bahawa satu daripada masalah yang kita hadapi di Sabah ialah pendatang tanpa izin ini datang melalui bot-bot yang buat perniagaan *barter trade*, dengan izin. Oleh kerana di beberapa tempat yang menjalankan perniagaan *barter trade* ini, seperti di Sandakan, Tawau dan Kudat sedang bergiat untuk menjalankan perniagaan seperti ini terutama sekali barang-barang yang dibawa daripada Filipina dan juga dari Sabah ke Filipina.

Saya difahamkan bahawa ramai pendatang-pendatang datang dengan dokumen-dokumen mereka tetapi apabila tibanya mereka di Sabah, maka mereka akan hilangkan dokumen-dokumen itu dan jadi sebagai pendatang tanpa izin di negeri Sabah. Persoalan di sini ialah sudikah kerajaan sekiranya kita hentikan perniagaan seperti ini. Ini kerana perniagaan ini kalau kita hentikan satu-satunya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini melibatkan butiran yang Yang Berhormat....

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Maritim! Pertahanan Maritim.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi bukan polisi, Yang Berhormat. Dasar.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tidak, ini memang saya ingin tanya sama ada kerajaan boleh menghentikan perniagaan *barter trade* ini. Yang kedua mengenai Tentera Laut Diraja, Butiran 00300 – Pembinaan. Memang pada ketika ini pembinaan Tentera Laut Diraja Malaysia di Sepanggar begitu giat dan begitu cepat membangun. Tetapi masalah pada ketika ini ialah beberapa penduduk kampung yang terlibat dengan pembinaan ini begitu masih tidak tahu bagaimana keadaan perkampungan mereka, khususnya di Kampung Gantisan, di mana saya difahamkan Kampung Gantisan ini akan dibina jalan raya oleh Tentera Laut Diraja Malaysia ini.

Saya mohon jika tidak keberatan, sekiranya kementerian ataupun pihak kerajaan memberi pengetahuan sebenarnya apa keadaan kepada kampung mereka ini dan juga datang ke situ untuk memberi taklimat bagaimana mereka dapat memperoleh tempat mereka sendiri. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat. Cukup. Yang Berhormat bagi Ledang.

12.19 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, dua perkara sahaja. Pertama Butiran 60000 – PLKN. Penggunaan M-16. Pertama saya hendak tanya adakah pemakaian M-16 di kalangan peserta PLKN akan diberi peluang kepada semua golongan, semua kelompok sebab tadi Yang Berhormat bagi Tangga Batu ada kumpulan pertama, kumpulan kedua, kumpulan ketiga dan sebagainya. Ada kumpulan cerdik, kumpulan tidak cerdik dan seterusnya..

Kedua, apakah impaknya untuk masa akan datang dan ketiga adakah pemakaian tersebut sampai ke tahap kemahiran. Atau ada rancangan untuk sampai ke tahap mahir, 'so' mereka ini nanti bukan sahaja seronok dengan PLKN tetapi apabila mereka keluar mereka merasa mereka lebih baik daripada orang lain.

Kedua Butiran 70000 – Dasar Baru. Tuan Pengerusi maafkan saya.

Korea Utara sudah membangunkan peluru berpandu nuklear. Jadi, saya nak tanya kita memang tak ada peruntukan yang banyak. Apakah strategi angkatan tentera kita dari segi bergabung ataupun berpakat dengan tentera-tentera dalam negara Asia dalam menghadapi Korea Utara yang membangunkan senjata nuklear. Sekian terima kasih.

12.20 tgh.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Pengerusi, saya hanya satu perkara sahaja iaitu Butiran 06000 - Latihan Khidmat Negara. Saya cuma ingin mencadangkan dari segi seperti yang kita semua sedia maklum, khemah-khemah ini dibina di Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Saya cadangkan agar 50% daripada peserta yang berada di Kem Sabah dan Sarawak datang daripada Semenanjung dan 50% daripada peserta Sabah dan Sarawak seharusnya dihantar ke khemah-khemah di Semenanjung kerana ianya boleh membantu untuk mengeratkan hubungan antara masyarakat di negara kita Malaysia ini. Mungkin ia memerlukan kos yang tinggi tapi dalam soal integrasi dan interaksi sepatutnya ia tidaklah menjadi pertimbangan yang pokok. Sekian terima kasih.

12.21 tgh.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga Butiran, pertama 06000 juga LKN. Saya nak tambah mengenai dengan latihan ini ada rata-rata di setiap Parlimen tetapi hubungan dengan rakyat tidak begitu mesra di sesetengah tempat. Apakah kalau boleh pihak kementerian merapatkan lagi hubungan ini dengan wakil-wakil rakyat tempatan yang sedia ada yang boleh memberi kesan yang positif kepada rakyat setempat khususnya.

Kemudian, 0300 - Pertahanan Darat. Kita dapati di negara kita ini bilangan wanitanya begitu kurang. Sedangkan di merata-rata di sekolah baik di mana-mana pun wanita begitu ketara sekali. Jadi, apakah tidak boleh pihak kementerian menambahkan lagi daripada tentera daripada wanita. Bukan yang anggota relawan seperti wataniah tetapi yang berjawatan tetap. Ini harus di perbanyakkan lagi memandangkan negara kita begitu ramai daripada golongan wanita.

Kemudian, Butiran Latihan 020300. Tadi rakan saya telah menyebut Tentera di-Raja ini adalah begitu baik sekali. Tetapi kita dapati rungutan daripada ibu bapa kerana latihan pada awalnya begitu sekali macam ada apa kita panggil ini yang buat latihan bertubi-tubi sehingga pelatih-pelatih yang baru ini terpaksa pulang. *Ragging*, ya dengan izin. Jadi kalau boleh dikurangkan ini sebab rata-rata mereka ini mendakwa dia kata begitu teruk sekali. Jadi kita kurangkan lah amalan daripada Barat itu supaya boleh diganti dengan latihan-latihan jasmani dan rohani yang boleh memberi kesan yang positif kepada rakyat kita. Sekian, terima kasih.

12.23 tgh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lepas Yang Berhormat ini ada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, Rembau, ini Yang Berhormat ada empat lima. Jadi lepas itu menteri boleh jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya satu setengah sahaja iaitu 020300, Latihan. Tuan Pengerusi, tentera mengabdikan diri untuk khidmat negara dan selepas itu mereka ingin berkhidmat untuk masyarakat. Saya menyarankan supaya kursus pengalihan ataupun apabila mereka ingin bersara itu dipertingkatkan kerana kita belanja banyak duit Tuan Pengerusi untuk kita nak disiplinkan seorang manusia dan dia berkhidmat untuk negara dan mudah-mudahan setelah dia berkhidmat untuk negara, dia mendapat ruang dan peluang untuk berkhidmat selepas dia menjadi angkatan tentera.

Peruntukkan harus diperbanyakkan kepada PERHEBAT. Diberi pendidikan, perniagaan, kos-kos lain yang boleh membimbing mereka supaya apabila mereka keluar, mereka tidak mengatakan seolah-olah kami terbuang setelah kami berkhidmat untuk negara. Kami ini tak ada apa-apa, lepas menjadi tentera kami ini apa pun tak dapat. Akhirnya menjadi jaga, menjadi kerja-kerja yang kadang-kadang menyedihkan kerana anak-anak mereka masih memerlukan bimbingan dan pendidikan. Jadi saya minta pihak

kementerian perbanyakan, pastikan yang bersara ini mendapat tempat yang sewajarnya kerana mengenang jasa dan budi mereka kepada negara.

Yang kedua, yang setengahnya. Ruang Udara Malaysia. Sejauh manakah pihak kita mempertahankan ruang udara kita? Kerana kadang-kadang pihak Singapura membuat latihan-latihan yang terlajak-lajak memasuki ruang udara kita. Sama ada terlajak atau pun sengaja dilajak-lajakkan kerana untuk mengusik-usik kita. Jadi saya mahu tahu daripada pihak kementerian sejauh manakah ruang udara Malaysia ini dapat kita pertahankan dan jangan selalu-selalu memberi alasan mereka terlajak, tersilap latihan itu dan ini dan kalaulah laut kita ini boleh juga di *penetrate* oleh pendatang haram dan sampai ke ibu kota, bermaknanya keselamatan kita ini tidak terjamin.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan mempertingkatkan peruntukkan untuk menjaga benteng negara kita ini. Kalau kita buat rumah besar Tuan Pengerusi, pagar dia tak elok, pencuri akan masuk dalam rumah kita. Jadi, rumah kita ini elok Malaysia. Pagar dia kena bagi kemas Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup.

12.26 tgh.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 60000 - Latihan Khidmat Negara. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana mengadakan program ini yang sangat baiklah dalam usaha kita untuk memupuk satu bangsa Malaysia yang tinggi jati diri, sayang kepada negara dan sanggup berkorban untuk negara. Tetapi oleh kerana pengambilan agak terhad, kita faham bahawa pada 2004, hanya 85,000. Lepas itu tahun 2005, 95,000. Kemudian pada tahun depan sebanyak 100,000 lagi. Tetapi jumlah yang dapat menyertai setakat ini hanya tak sampai 250,000 untuk tempoh tiga tahun. Sedangkan mereka yang layak kalau ikutkan mereka yang dalam sistem persekolahan sahaja yang lepasan SPM, ada 450,000.

Itu tidak termasuk lagi mereka yang berada di luar sistem persekolahan berkenaan. Jadi maknanya tiap tahun ada lebih kurang setengah juta yang layak untuk menyertai program ini. Dan program ini sangat berjaya sebab mengikut kajian yang dijalankan oleh Jabatan PLKN sendiri, daripada 18 soalan yang dikemukakan rata-rata 90% menyatakan mereka seronok, program ini menyeronokkan, memperoleh ilmu dan kemahiran baru termasuk memupuk perpaduan kaum, mencintai negara, mempunyai sikap suka menolong dan bertanggungjawab.

Jadi persoalannya bagaimana kita nak memberi peluang kepada yang lain-lain sebab hari ini setakat kira 15-20% sahaja yang berpeluang menyertai. Jadi saya sarankan kalau boleh, di mana sesuai modul-modul tertentu misalnya yang berkaitan, dia ada empat modul. Modul Fizikal, Pembinaan Karakter, Kenegaraan dan Khidmat Komuniti. Jadi mungkin Pembinaan Karakter dan Kenegaraan ini kita boleh mula di peringkat lebih awal lagi. Peringkat tadika lagi dalam Tadika Perpaduan, tadika KEMAS, Kementerian Pelajaran. Dan kalau boleh benda ini diteruskan di sekolah menengah. Mungkin bagi lepasan PMR. PMR bulan 10. Jadi bulan 11, 12 pelajar-pelajar kita banyak masa. Mungkin modul yang berkaitan dengan Karakter dan Kenegaraan dan juga Khidmat Komuniti tadi boleh dimasukkan dalam program kokurikulum di sekolah yang dianjurkan oleh Kementerian Pelajaran sendiri.

Kemudian, bila lepasan SPM bagi yang tak dapat tadi saya cadangkan pada pihak kerajaan supaya Kementerian Belia sendiri mengambil keempat-empat modul tadi, Modul Fizikal, Pembinaan Karakter, Kenegaraan dan Khidmat Komuniti dalam program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia seperti Y2Y. Jadi dengan ini, maknanya program Pembinaan Bangsa Malaysia yang punya jati diri tadi dah bermula daripada peringkat tadika lagi sampai sekolah rendah, sekolah menengah dan lepasan SPM. Jadi makna kemuncak ini tadi di PLKN. Jadi dengan cara itu, akan ada usaha yang berterusan. Tidaklah hanya di peringkat selepas pelajar itu berusia 18 tahun sahaja.

Dengan cara ini, saya rasa usaha kita memupuk bangsa Malaysia yang bersatu yang sayangkan negara, sanggup berkorban untuk negara akan dapat dilaksanakan lebih

berkesan lagi sebab daripada jawapan-jawapan yang kita terima daripada dapatan yang dijalankan oleh Jabatan PLKN sendiri misalnya 90% menjawab dengan melalui program ini mereka lebih bertanggungjawab. 90% menjawab mereka dapat lebih berdisiplin. Jadi maknanya memang program ini sangat berkesan. Sekali lagi tahniah kepada kerajaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Cuma saya nak kerajaan timbang kalau boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Mungkin perlu diwujudkan Jawatankuasa Penyelaras antara Kementerian Luar Bandar yang ada, satu minit lagi. Luar Bandar yang ada kelas tadika, Jabatan Perpaduan Integrasi Nasional, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Belia supaya modul-modul yang empat tadi sebahagiannya boleh kita pecah-pecahkan di peringkat lebih awal daripada tadika sampailah sekolah rendah, sekolah menengah dan seterusnya kemuncaknya dalam Khidmat PLKN sendiri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah.

12.30 tgh.

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin terus kepada Butiran 070600 iaitu Latihan Khidmat Negara. Saya mengucapkan tahniahlah kerana program ini nampaknya dari masa ke semasa telah melalui kejayaan-kejayaan yang begitu cemerlang sekali kerana pandangan, teguran yang diberikan oleh Ahli-ahli Parlimen dapat diterima dengan secara positif dan keadaan ini sudah bertambah baik. Daripada jumlah 74 kem yang ada sekarang nampaknya ada rancangan untuk menambah lagi kepada 80. Ini sudah tentu akan menyukarkan sedikit dalam soal perhubungan di antara satu kem dan kem-kem yang lain. Apatah lagi di Sabah Sarawak, kedudukannya jauh daripada kawasan pendalaman.

Oleh sebab itu saya ingin bertanya di Dewan yang mulia ini sama ada terfikir pihak kementerian rancangan untuk mewujudkan *system network communication* di antara ibu pejabat PLKN itu sendiri di Kuala Lumpur dengan 74 kem-kem yang berada bertabur di seluruh negara iaitu *system network communication* yang saya fikir memang sesuai diwujudkan pada waktu ini dengan keadaan sistem yang canggih, keadaan kem yang jauh bertaburan di seluruh negara, itu satu.

Yang keduanya ialah berkenaan dengan sedikit masalah tentang kem di Kuala Pilah kerana saya pernah menyebutkan soal pembayaran kepada sub kontraktor yang menjalankan kerja-kerja di kem PLKN di Kuala Pilah sehingga hari ini masih belum dapat diselesaikan. Saya faham dan saya tahu bahawa Kementerian Pertahanan secara undang-undang tidak bertanggungjawab kepada sub kontraktor ini, tetapi saya takut nanti masalah ini telah pun timbul baru-baru ini tunjuk perasaan oleh sub-sub kontraktor itu di khalayak ramai memanggil pihak TV. Jadi saya takut ini menjadi isu politik dan sudah tentu akan mencacatkan sedikit kepada imej kementerian ataupun pengurusan PLKN.

Jadi di Dewan ini saya ingin minta penjelasan setakat mana pihak kementerian dapat sama-sama turut serta menyelesaikan masalah pembayaran kepada sub-sub kontraktor ini sebab saya tidak hendak jadi ini nanti besok keadaannya bertambah buruk, ada perkara-perkara yang tidak baik berlaku. Jadi saya harap ini juga akan mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri. Kuala Pilah menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan.

12.32 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 050000, Pertahanan Udara. Saya hendak memberitahu kepada Timbalan Menteri Pertahanan, saya pernah membangkit berkenaan dengan setingan-setingan di sekeliling lapangan kapal terbang TUDM di Paya "Terbakar", Sungai Puyuh, Butterworth. Walaupun jawapan telah diberi kepada saya bahawa tiada rancangan pada masa ini untuk menghalau atau mengosongkan tapak tersebut tetapi selepas saya mendapat jawapan itu masih menerima pengaduan dari penduduk-penduduk kawasan itu, masih ada pegawai-pegawai TUDM

pergi menyoal siasat butir-butir penduduk-penduduk di sana kononnya hendak mengosongkan tapak.

Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya memberitahu saya nama dan nombor telefon komandan TUDM Butterworth supaya saya boleh memberikan dia hansard-hansard yang diperoleh dan juga jawapan-jawapan bertulis dari Yang Berhormat kepada saya supaya boleh menyelesaikan perkara ini demi untuk menenangkan hati penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Butiran 040000, Pertahanan Maritim. Tuan Pengerusi, di sini ada satu laporan surat khabar yang memaparkan Ahli Dewan Rakyat bagi Bagan Datok juga seorang timbalan menteri dan juga Ahli Parlimen Teluk Intan juga seorang timbalan menteri, kedua-dua ini juga menegur bahawa tentera laut Indonesia masuk ke perairan kita dan jadi lanun-lanun.

Mereka juga kata mereka telah menyampaikan memorandum kepada Menteri Pertahanan kita supaya berunding dengan tentera laut Indonesia berkenaan dengan tentera laut Indonesia yang masuk ke perairan kita, menawan nelayan kita dan menuntut wang tebusan berkenaan dengan hal ini. Nelayan-nelayan dalam satu temu bual berkata dalam sepuluh bulan ini telah membayar RM8 juta wang tebusan kepada tentera laut Indonesia yang menawan perahu-perahu mereka ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat supaya memberitahu adakah sebarang rundingan di antara negara kita dengan tentera laut Indonesia berkenaan dengan kes ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

12.35 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sangat serius Tuan Pengerusi mengenai Butiran 070200.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebelum ini Yang Berhormat tidak seriuslah?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang ini sangat serius.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Selama ini Yang Berhormat memang serius.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Musuh kita menawan rakyat kita 50 orang tiap-tiap hari, satu jam minimum dua orang menjadi penagih dadah. Saya hendak kaitkan ini sebab timbalan menteri yang akan menjawab ini ialah mantan Pengerusi PEMADAM. Beliau sangat jelas bahawa peperangan memerangi musuh nombor satu negara ini memerlukan semua peringkat dan saya yakin kalau angkatan tentera ini dilibatkan dalam permuafakatan pintar bersama dengan agensi yang lain maka masalah kemasukan bekalan dadah itu boleh dikurangkan. Saya ingin mengambil contoh umpamanya dari segi masalah dadah ini kita telah mengenal pasti lokasi tertentu di mana dadah ini bekalan dan juga pengedaran penagihan itu begitu bebas.

Kenapa tidak diletakkan satu platoon angkatan tentera umpamanya di situ untuk tempoh tertentu, dikumpulkan bersama dengan masyarakat supaya masalah pengedaran dan penggunaan itu dapat dikurangkan. Kalau perlu Akta Angkatan Tentera diubahsuai, kita ubahsuai demi bangsa generasi anak kita akan datang. Perkara yang kedua dan akhir ialah sedikit sahaja iaitu mengenai isu PLKN yang baik ini, Butiran 070200. Sabak Bernam ingin bertanya satu kawasan tapak bagi PLKN ini telah disediakan. Kita dimaklumkan oleh pihak kerajaan negeri sendiri. Jadi bermakna kita berharap apabila ia dilaksanakan, di pakat ataupun maknanya Ahli Parlimen diajak pakat supaya pelaksanaan ini nanti akan dapat berjalan dengan lebih lancar dan lebih berkesan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Sebenarnya tadi saya putuskan menteri jawab 12.30 lah tetapi masih ada dua, Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi masuk 12.21, berikan dululah sebab Yang Berhormat bagi Kepong lambat sedikit. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

12.38 tgh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 070600, Fasa Baru Latihan Khidmat Negara. Kalau kita campurkan semua butiran yang saya boleh nampak dalam Bajet Persekutuan 2007 bagi Latihan Khidmat Negara, lebih kurang RM660 juta akan digunakan bagi tahun depan untuk mengurus dan

melaksanakan PLKN ini. Saya ingin tahu daripada pihak kementerian sama ada, ada rancangan tidak dalam masa depan untuk batalkan Program Latihan Khidmat Negara ini? Untuk batalkan Program Latihan Khidmat Negara ini tetapi dalam masa ini meneliti apakah punca-punca tiga objektif ini yang tidak boleh dicapai dalam sistem pendidikan negara ini.

- (i) memupuk perpaduan kaum;
- (ii) cintakan negara; dan
- (iii) pembinaan perwatakan.

Bukankah ini amat membebankan kalau setiap tahun kita menggunakan lebih RM500 juta untuk menjalankan program ini. Saya tidak menafikan pentingkan nilai-nilai objektif ketiga-tiga yang saya nyatakan, cintakan negara, perpaduan, disiplin saya tidak pertikaikan. Tetapi masalahnya kalau pada masa yang sama kita ada pemimpin-pemimpin dalam kerajaan yang masih mempersoalkan bangsa Malaysia, yang masih menghunuskan keris. Bukankah ini tidak konsisten dengan izin dasar, *no no* dasar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini tidak boleh berkaitan dengan Butiran ini, tidak boleh berkaitan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, kalau kita teliti Butiran 070600 dia ada Dasar Baru Latihan Khidmat Negara. Jadi sebab saya sangat keliru setiap tahun guna beratus-ratus juta ini untuk capai objektif ini tetapi pada masa yang sama pemimpin-pemimpin politik dalam Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tumpukan kepada program ini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...mempunyai sikap yang tidak konsisten dengan tiga objektif yang ingin dicapai, yang ingin diterapkan ke atas generasi muda ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak perlu buang masa dengan kaitkan perkara itu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi saya ingin bertanya selain itu saya ingin tahu setiap kali apabila notis dikeluarkan kepada pelatih-pelatih yang dipilih tidak hadir.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat boleh gulung. Sebab pemimpin Yang Berhormat bagi Kepong juga hendak berucaplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sedikit sahaja Tuan Pengerusi. Saya tidak banyak, satu isu sahaja saya bangkit, Program Latihan Khidmat Negara. Setiap kali notis dikeluarkan kepada pelatih yang dipilih tetapi tidak hadir akan diugut dengan kenyataan bahawa akan senarai nama mereka yang dipilih tidak hadir kepada pihak polis untuk ambil tindakan mahkamah, tetapi yang sedia maklum akta yang ada yang mengenakan hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya itu tidak boleh diguna pakai selepas kes Ahmad Harizal. Jadi apakah pihak kementerian dan bilakah sebab kita telah dengar banyak kata-kata akan meminda akta ini untuk membolehkan hukuman sosial dijalankan. Bilakah akan dibuat? Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat bagi Kepong sila dan Menteri boleh jawab.

12.42 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Butiran 010000 - Pentadbiran Pertahanan dan di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat mengenai K-force. Sebenarnya keutamaan peruntukkan diberi terhadap aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan tahap *competency* anggota ATM termasuk perbelanjaan yang menjurus keperluan latihan, biasiswa, perolehan peralatan latihan, perkhidmatan dan hospitaliti, kursus, seminar, program pengajian peringkat sijil dan sebagainya dan juga termasuk *e-learning*. Apakah tahap-tahap pasukan K-force kita ini di Malaysia ini? Kerana pasukan K-force di Malaysia ini untuk menghadapi cabaran yang baru lengkap dengan *computer*, *e-learning*, dan elektronik yang termoden sekali.

Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia mengenai kekuatan dan *competency* K-Force kita sekarang.

Seterusnya mengenai pertahanan maritim, di sini saya sangat-sangat memberi perhatian kepada *offshore petrol boat* kita ada projek yang dahulunya untuk mendapat lebih 20 *offshore petrol vessel* dan sekarang saya hendak bertanya setakat mana kita di dalam kementerian dapat menyiapkan projek ini dengan *offshore petrol vessel* dan setiap *vessel* sekarang apakah kosnya? Pada itu peringkat yang berapa tahun yang dahulu kita ada projek yang pertamanya ada enam *vessel* sekarang. Adakah enam *vessel* ini, enam kapal ini sudah siap dan kalau siap apakah kos setiap *vessel* ini?

Seterusnya mengenai projek Hospital Kinrara. Saya diberitahu bahawa perkhidmatan klinik di Kinrara ini masih diteruskan dan apakah rancangan oleh pihak kementerian. Projek hospital yang menggantikan Hospital Kinrara ini apakah tahap persiapan hospital ini, dan apakah perbelanjaan yang perlu untuk menyiapkan hospital yang menggantikan perkhidmatan Hospital Kinrara. Kita ada RM13 bilion dan di antaranya RM4.76 bilion untuk pembangunan dan di sini misalnya untuk tentera laut kita memberi kelengkapan sahaja kita membelanjakan RM1.2 bilion.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini semua telah dibangkitkan sebelum ketibaan Yang Berhormat bagi Kepong tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak ada lagi, siapa yang sebutkan untuk tentera laut RM1.2 bilion, dan tentera udara RM1.7 bilion.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 20 orang sudah berucap Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Termasuk kapal selam kita ada orang sebut. Kapal selam memang tidak sebut, saya tidak dengar. Apakah terjadi dengan kapal selam sama ada kita siap berapa buah kapal selam kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong tidak ada kapal. Cukup Yang Berhormat. Cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Termasuk tentera darat kita ada itu pembangunan RM886 juta. Ini bermakna kita hendak belanjakan RM4.76 untuk pembangunan dan saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dia memang tahu apakah kelengkapan-kelengkapan yang diperlu untuk tahun depan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri silakan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Pengerusi, pertamanya saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan jawatankuasa pada hari ini. Dan saya ingin menyebutkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Tuaran, Yang Berhormat bagi Serdang, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Yang Berhormat bagi Kerteh, Yang Berhormat bagi Maran, Yang Berhormat bagi Sepang, Yang Berhormat bagi Kuala Krai, Yang Berhormat bagi Jerai, Yang Berhormat bagi Rembau, Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, Yang Berhormat bagi Bagan, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, Yang Berhormat bagi Batu Gajah dan akhir sekali Yang Berhormat bagi Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tertinggal Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Larut. Sesungguhnya saya mengucapkan berbilang terima kasih atas kepekaan dan persoalan-persoalan yang ditimbulkan. Saya minta izin kepada Tuan Pengerusi sekiranya jawapan ini kita terlajak kepada masa yang ditetapkan sehingga ke pukul satu. Kalau dia terlajak ke pukul dua kita akan sampai ke pukul dua. Kalau Yang Berhormat benar saya akan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila jawab.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak tunggu sampai pukul dua saya pun hendak keluar.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Alhamdulillah. Yang Berhormat bagi Larut, kerajaan Malaysia membayar elaun gejala hidup sebanyak RM200 dan elaun khas sebanyak RM600 sebulan bagi semua anggota ATM yang terlibat dalam misi Bangsa-bangsa Bersatu. Dia ada dua perbezaan tentang pembayaran ini, satu kumpulan kita yang berkhidmat di bawah Bangsa-bangsa Bersatu di bawah kontinjen iaitu keseluruhannya maka elaun nya ialah sebanyak USD1028 untuk satu bulan. Bagi anggota kita yang berkhidmat dengan persetujuan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kerajaan negara yang berkenaan, beza pembayarannya adalah sebanyak USD179 sehari.

Bagi yang berkhidmat dengan Persatuan Bangsa-Bangsa bersatu, perkara-perkara yang telah ditetapkan persetujuan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu adalah ditanggung oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu. Yang mana yang perlu kita adakan, kita adakan. Tetapi bagi yang berkhidmat dengan persetujuan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dan kerajaan negara yang berkenaan, sebarang perubahan atau perbelanjaan hendaklah diputuskan sekiranya terdapat tambahan atau percubaan dipersetujui oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu dulu sebelum pembayaran dibuat oleh mereka. Yang Berhormat bagi Serdang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* ...mahu jawapan mengenai isu-isu khasnya kapal selam, mengenai...

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bila tiba soalan tentang Yang Berhormat, saya akan jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Akan jawab?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ini perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang. Saya...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Oleh sebab saya yang pertama berucap, sebab itu mungkin ditinggalkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin dianggap soalan Yang Berhormat ini lebih pentinglah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya. Harap boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jawapan yang terakhir sekalilah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya tidak meminta kepada Tuan Pengerusi untuk Yang Berhormat bercakap dahulu dan Yang Berhormat juga tidak boleh mengarah saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat dahulu. Tetapi saya berjanji...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Untuk peringatan sahaja, ya.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berjanji kepada Yang Berhormat saya akan jawab soalan Yang Berhormat. Ini Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan berkenaan dengan peranan STRIDE perkhidmatan sokongan teknikal kepada Angkatan Tentera Malaysia, seperti penilaian, uji nilai, pengesanan, spesifikasi, perolehan ujian makmal, penyelidikan dan pembangunan. STRIDE juga menyediakan perkhidmatan dalam bidang-bidang bio seperti jentera dan aeroangkasa dan *instrument-instrument* elektronik perlindungan dan bio fizikal teknologi maritim dan teknologi persenjataan. Bagi perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengenai kereta kebal yang telah dikatakan *secondhand*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Boleh minta Yang Berhormat Timbalan Menteri penjelasan berkaitan dengan STRIDE itu? Berapakah jumlah pegawai telah dilantik di kawasan itu dan jumlah peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan untuk memajukan lagi institusi itu?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Itu soalan tambahan. Saya menjawab soalan Yang Berhormat bertanya tadi ya? Jadi, kalau Yang Berhormat perlukan berapa bilangan pegawai dan berapa peruntukan, insya-Allah saya jawab secara bertulis. Setuju?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: [Angguk kepala]

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, Kementerian Pertahanan akan hanya membeli kereta kebal baru sebagaimana perolehan. MBT PT-91M daripada Poland yang bernilai RM1.44 bilion. Perolehan kenderaan *Armored Personnel Carrier* (APC) yang diperoleh daripada Turki juga adalah merupakan kenderaan baru yang mempunyai teknologi canggih. Untuk dua perkara ini kita tidak beli yang *secondhand*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh tanya sikit Yang Berhormat? Sama ada daripada negara lain akan dipertimbangkan juga untuk pembelian ini termasuk daripada Romania mungkin yang mempunyai peralatan sesuai dan relevan dengan kegunaan pada hari ini?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Larut, apa pun yang kita akan beli, satunya kita memikirkan alat-alat kelengkapan ataupun keperluan itu adalah yang kita rasa baik dan sesuai. Kemungkinan kita anggap perkara itu baik dan sesuai tetapi pengeluarannya tidak mahu jual, kita tidak boleh beli. Umpamanya kalau contoh, ada negara yang mengeluarkan benda itu, tetapi bila kita hendak beli kemungkinan ia tidak beri. Atas alasan kemungkinan kita tidak ada hubungan diplomatik umpamanya. Itu sebagai kenyataan yang biasa kita hadapi. Insya-Allah, kalau mana-mana negara yang mempunyai dan ada tawaran sekiranya pengeluaran alat-alat itu adalah baik untuk digunakan oleh tentera kita dalam masa yang sama ada wang untuk kita beli. Kita boleh pertimbangkan. Yang Berhormat bagi Jasin membangkitkan pemodenan peralatan tentera darat terutamanya yang melibatkan kenderaan *Armored*. Tadi kita jawab tentang *tank*, ya? Pihak tentera darat telah pun selesai melaksanakan projek kanibalisme kenderaan *Armored 'Sigmas'* yang melibatkan sebanyak 88 buah. Sekarang ini sebanyak 81 buah telah siap.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta laluan sikit. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri belum duduk. Mungkin dia tidak bagi laluan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dia angkat tangan, Tuan Pengerusi. Dia angkat tangan. Dia benarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, tunggu dia duduk baru berucap. [Ketawa]

Dato' Zainal Abidin bin Zin: [Duduk]

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasihlah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini satu peluang yang saya tunggu tadi. Sebenarnya saya mahu mencelah dengan Yang Berhormat bagi Jasin tentang alat-alat yang sudah diguna pakai, kita punya *Armored* dan sebagainya. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila saya melawat ke sesetengah kem tentera... Kerana satu kem tentera ada di kawasan saya. Saya lihat ada lambakan kereta-kereta yang tidak boleh dipakai lagi ataupun yang tidak ekonomik untuk dipakai terutama sekali kenderaan-kenderaan logistik. Lori-lori jenis Mercedes lama yang tinggi, yang tentera British selalu pakai dahulu. Jadi, ini melibatkan ruang yang besar bagi *scrap-scrap iron* semua ini. Adakah pihak kementerian sedar bahawa pentingnya alat-alat yang tidak diguna pakai ini dilupuskan ataupun dibuat *Board of Survey* dengan izin, supaya hasil daripada pelupusan itu dapat dikembalikan kepada tabung kerajaan? Minta penjelasan sedikit.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat. Kita ada sistem pentadbiran dan pengelolaan. Dalam bahagian logistik kita, sudah tentu bila kita membeli yang baru, hayatnya sudah lepas dan kekuatannya sudah tidak boleh digunakan, maka kita akan membuat pelupusan. Pada tahun 2004 dan 2005, kita membuat pelupusan yang banyak dan semua pelupusan yang akan kita lakukan yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa dan bahagian kumpulan pelupusan ini, kita putus dalam kementerian dan dengan itu kita mesti minta kebenaran daripada pihak *treasury* (pihak kewangan) untuk kita membuat pelupusan ini. Satu penilaian dan pengawasan alat-alat yang akan dilupuskan. Ini mesti dilihat oleh *committee* yang diwakili oleh pihak kewangan dan logistik daripada

Kementerian Pertahanan. Selepas daripada itu, barulah satu panggilan tender yang dibuat untuk menentukan bahawa pelupusan ini dijalankan. Ya?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sedikit Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sedikit. Yang Berhormat nak masuk...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini saya nampak lambakan ini sudah terlalu lama. Sebab tempat saya sendiri ini, berdekatan dengan kem tentera. Saya nampak ini menjadi *eyesore* dengan izin.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat pun tahu daripada segi pelupusan, proses nak buat pelupusan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukuplah. Boleh sambung nantilah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Oleh sebab masanya cukup...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa untuk kita semua cukup. Selepas makan tengah hari, Yang Berhormat boleh balik jawab.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Oh. Saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ataupun Yang Berhormat hendak selesaikan dalam 15 minit?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: 15 minit, saya setuju atau 10 minit pun saya setuju. Tetapi saya tidak jawablah yang lain.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Majlis bersidang semula. Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dari. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang ini. Dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari esok, Khamis 7 Disember, 2006".

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, sila sambung jawapan.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bagan telah membangkitkan mengenai tempoh sebulan yang lepas bayaran RM10 juta telah dibayar kepada Tentera Laut Indonesia, adakah terdapat sebarang rundingan dalam perkara ini?

Setakat ini tidak ada laporan rasmi dibuat oleh mana-mana pihak di atas dakwaan Ahli Yang Berhormat tersebut. Sekiranya terdapat bayaran yang telah dilakukan dan dilaporkan, siasatan dan tindakan akan diambil.

Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan masalah dua buah petrol *vessel* yang telah siap dibina dan ditauliahkan. Petrol *vessel* yang telah dibina siap ditauliahkan dalam perkhidmatan TLDM pada tahun ini, 2006. Perolehan baki empat buah petrol *vessel* akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan di bawah pengurusan baru iaitu Boustead Navel Ship Yard dan dijangka siap pada akhir Rancangan Malaysia Kesembilan. Kos bagi satu buah petrol *vessel* adalah RM1.1 bilion.

Tuan Pengerusi, saya mohon maklum dan izin saya baca mengikut muka surat yang ada pada saya ini kerana hendak menyusunnya agak rumit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terpulang kepada Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Larut telah bangkitkan elaun juruterbang.

Jurulatih:

Kapten berpangkat Jeneral	-	RM4,000 sebulan;
Leftenan	-	RM2,000 sebulan;

Juruterbang Tempur:

Kapten berpangkat Jeneral	-	RM3,500 sebulan;
Leftenan	-	RM3,000 sebulan;
Leftenan Muda	-	RM2,000 sebulan;

Juruterbang Angkut dan Helikopter:

Jeneral	-	RM2,500 sebulan;
Kapten dan Leftenan	-	RM2,000 sebulan;
Leftenan Muda	-	RM1,500 sebulan dan
Anak-anak kapal	-	RM1,000 sebulan.

Yang Berhormat bagi Sepanggar, jumlah rumah yang terlibat dengan pembinaan jalan ke pangkalan TLDM Teluk Sepanggar adalah 131 buah rumah. Iaitu 15 buah di Kampung Gentisan, 13 buah di Kampung Wak Wak dan 113 di Kampung Lok Porin. Mereka ini akan dipindahkan ke Kampung Numbak yang mana pembinaan telah siap sepenuhnya. Perpindahan dijangka pada akhir bulan Disember ini.

Saya balik kepada Yang Berhormat bagi Kepong, isu penggantian Hospital Kinrara. Kementerian telah memulakan pelaksanaan sebuah hospital di Jalan Genting Kelang, Kuala Lumpur. Tujuannya menggantikan Hospital Kinrara yang telah pun ditutup. Setakat ini pembinaan hospital ini telah mencapai ke tahap 45% dan dijangka projek siap pada awal tahun 2008.

Yang Berhormat bagi Tuaran - tapisan dadah dibuat sebelum bermula latihan tentera. Latihan pegawai kadet bagi pegawai ATM dan latihan rekrut bagi anggota lain-lain pangkat. Kementerian ingin memaklumkan bagi kedua-dua temu duga ini iaitu ujian air kencing dibuat semasa temu duga dijalankan. Ini termasuk ujian pemeriksaan kesihatan. Itu sebab temu duga memakan masa selama 12 hari. Jika didapati positif dadah, kesihatan yang tidak mencapai tahap yang diperlukan, mereka tidak akan diambil memasuki ATM.

Yang Berhormat bagi Tuaran juga membangkitkan masalah anggota diberhentikan semasa dalam latihan atau dalam perkhidmatan - lewat terima kad pengenalan awam. Apabila proses lengkap dibuat oleh bahagian perkhidmatan atau pusat latihan dalam masa satu bulan, borang permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan awam akan dihantar ke Jabatan Pendaftaran Negara. Seterusnya anggota akan berurusan terus dengan JPN untuk mendapatkan kad pengenalan awam mereka. Proses ini untuk pengetahuan adalah di luar bidang kuasa Angkatan Tentera Malaysia.

Yang Berhormat bagi Kuala Krai membangkitkan tentang bilangan anggota wanita kurang dalam Angkatan Tentera Malaysia. Angkatan Tentera Malaysia mempunyai dasar-dasar tertentu mengenai pengambilan anggota wanita. Sebagaimana yang sedia maklum tumpuan adalah kepada operasi-operasi ketenteraan yang mana keperluan lebih ramai kaum lelaki diperlukan. Walau bagaimanapun bilangan yang hadir untuk temu duga sama ada untuk peringkat pegawai dan lain-lain pangkat, wanita adalah sangat menggalakkan.

Yang Berhormat bagi Maran membangkitkan Program Jiwa Murni ATM (Perubatan dan Pergigian). Program yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini di sepanjang tahun 2006, sebanyak 63 aktiviti Program Jiwa Murni (Perubatan dan Pergigian) di seluruh negara. Di sepanjang tempoh itu, perbelanjaan yang telah digunakan adalah sebanyak RM302 ribu.

Yang Berhormat bagi Ketereh membangkitkan perumahan yang disediakan tidak sesuai diduduki dan uzur. Peruntukan untuk meningkatkan perumahan tersebut diminta oleh Yang Berhormat. Peningkatan perumahan ATM di seluruh Malaysia diberi keutamaan bagi rumah-rumah yang mempunyai dua bilik tidak ekonomik untuk dibaiki dan diduduki serta melibatkan perumahan yang berusia lebih daripada 30 tahun di mana struktur masanya tidak kukuh. Peruntukan yang disediakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sebanyak RM6 juta. Dalam masa yang sama, sekiranya rumah yang ada satu unit satu bilik yang berdekatan bersambung, kita telah mengambil keputusan untuk menjadikan rumah ini dijadikan satu unit – dua unit dijadikan satu unit – untuk menambah bilangan ruang dan bilangan bilik.

Yang Berhormat bagi Ketereh membangkitkan rumah ATM yang uzur dan bujang yang perlu dipertingkatkan. Dalam rancangan perumahan sentiasa diberi keutamaan termasuk menaikkan taraf blok-blok bujang anggota akademi tentera. Jabatan Arah Perumahan dan Pembinaan sentiasa membuat penyelenggaraan terhadap bangunan sedia ada di samping pembinaan bangunan dan rumah baru.

Saya balik kepada Yang Berhormat bagi Bagan. Yang Berhormat bagi Bagan membangkitkan tindakan tentang kemasukan setinggan ke atas tanah-tanah TUDM di Butterworth.

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian telah disedarkan dan telah mengadakan mesyuarat tentang perkara ini pada 4 Disember 2006. Keputusannya UPEN di Pulau Pinang mestilah mendapat kelulusan kerajaan negeri untuk mengalih setinggan dari kawasan tersebut.

Keputusan kerajaan ini haruslah diperolehi sebelum tahun 2007 sebelum akhir Disember. JKPTG akan mengeluarkan tindakan yang telah diperolehi dari kerajaan negeri. Kementerian Pertahanan akan membantu dalam menyelesaikan tindakan tersebut bersama-sama dengan JKPTG. Kementerian akan sedia peruntukan bagi pengalihan setinggan tersebut.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bagan. Bagi jalan?

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya berbalik kepada soalan tadi iaitu tentera laut Indonesia – maaf saya kena balik ke sana. Satu memorandum telah dikatakan oleh

wakil dari Bagan Datok iaitu Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi kepada Timbalan Perdana Menteri iaitu Menteri Pertahanan. Adakah itu dilihat sebagai satu pengaduan *official*, satu pengaduan rasmi atau ia perlu diikuti dengan laporan-laporan yang lain. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini sebenarnya diambil tindakan. Cuma tentang pembayaran RM10 juta itu tidak ada laporan. Tidak ada laporan pihak kita menerima dan biasanya tindakan yang dibuat tentang keselamatan dan pemerasan ini mestilah dilaporkan kepada pihak polis. Tentang laporan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bagan Datok tentang tindakan yang dibuat oleh pihak tentera laut, kita telah melaporkan kepada pihak Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Luar Negeri telah pun menjalankan tindakan dan ini jawapannya akan didapati di Kementerian Luar Negeri tentang urusan, tindakan dan persefahaman diplomatik yang ada di antara Indonesia dengan kita.

Saya ingin menarik perhatian tentang persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah tentang kes Ahmad Rizal dan beberapa perkara yang lain, pelatih dijatuhkan hukuman denda RM500 di Kuala Pilah.

JLKN telah membuat laporan polis bagi peserta yang gagal hadir iaitu 1,426 orang pada 19 Oktober 2006 dan 587 orang pada Siri 2/2005 dan 839 orang pada Siri 3/2006. Pihak polis masih menjalankan siasatan. Selepas siasatan polis selesai, Jabatan Peguam Negara akan memutuskan sama ada mendakwa atau tidak peserta-peserta yang ingkar ini.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang saya bangkitkan ialah memandangkan jelas selepas kes Ahmad Rizal, telah timbul banyak suara yang tidak setuju dengan seksyen yang mengenakan hukuman penjara atau denda atau kedua-duanya ke atas pelatih. Memandangkan juga pegawai-pegawai polis kita sudah dibebankan dengan kerja-kerja keselamatan dan kekurangan kakitangan, juga ada laporan menyatakan akta ini akan dipinda untuk menggantikan hukuman penjara ini dengan hukuman sosial, apakah ini langkah lebih positif menangguk segala tindakan dan mengemukakan dan menggantikan pindaan hukuman sosial ini dan tidak dibebankan juga pihak polis dengan kes-kes ini. Ini boleh jimat masa, jimat kos dan kurangkan *backlog* dalam mahkamah. Tangguk segala tindakan ke atas pelatih-pelatih yang tidak hadir ini sementara..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...mengemukakan dan membentangkan dalam Dewan ini pindaan ke atas seksyen berkenaan hukuman penjara tersebut.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih Yang Berhormat. Jabatan Latihan Khidmat Negara ini ditubuhkan dengan peraturan dan undang-undang yang telah dipersetujui dan sebarang undang-undang yang akan diambil kepada sesiapa yang terlibat dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara sama ada pelatih ataupun pegawai, mestilah berdasarkan kepada peraturan dan *act* yang ada, dan ini juga tertakluk kepada keputusan yang akan dibuat oleh pihak mahkamah.

Kalau pihak mahkamah mengatakan ianya tidak bersalah berdasarkan fakta-fakta dan sebab-sebab yang ada, Jabatan Latihan Khidmat Negara akan mematuhi keputusan ini, maka kita bergantung pula kepada peraturan dan undang-undang serta keputusan mahkamah. Cadangan Yang Berhormat itu sebenarnya telah pun diperbincangkan dan kita menunggu pandangan daripada pihak-pihak yang tertentu untuk memberi pandangan dan alternatif kepada kita untuk memperbaiki keadaan.

Jabatan Latihan Khidmat Negara sentiasa terbuka untuk mencari jalan yang lebih baik tetapi dalam masa yang sama, kita akan meneruskan Latihan Khidmat Negara ini walaupun seperti Yang Berhormat katakan, adakah fakta-fakta yang telah ataupun jenis-jenis latihan dan pendekatan latihan diadakan dalam khidmat negara ini tidak cukup dibuat melalui Kementerian Pendidikan. Ini juga menjadi persoalan dan pertimbangan, di mana kalau ianya dapat dipersetujui ataupun dapat digunakan boleh meringankan Kementerian

Pertahanan dalam Jabatan Khidmat Negara dan dalam masa yang sama seperti Yang Berhormat cadangkan dan yang lain-lain telah mencadangkan supaya ada sebahagian ini hendaklah dibuat oleh kementerian yang lain.

Saya tidak berhajat untuk menentukan tanggungjawab ini dibuat oleh kementerian 'A' atau kementerian 'B'. Tetapi, kita memberi penekanan dan penerangan apa yang telah kita buat, bagaimana kita boleh mengelakkan dan mengatasi kesulitan yang ada, terima kasih.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam telah membangkitkan masalah berpakat dengan kawasan dipunyai Kem Latihan Khidmat Negara. Kementerian telah menubuhkan pasukan naziran negeri untuk membuat pemantauan berkaitan kualiti dan kuantiti. Perkhidmatan prasarana di kem-kem Latihan Khidmat Negara dan anggota pasukan naziran negeri terdiri daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, EXCO, ahli parti politik, NGO dan lain-lain.

Yang Berhormat bagi Kuala Pilah mencadangkan supaya satu sistem jaringan komunikasi diwujudkan agar komunikasi dari ibu pejabat JLKN dan kem-kem lebih berkesan. Saya percaya bahawa jaringan komunikasi ini sentiasa ada. Bukan sahaja dengan pegawai-pegawai kita di kem-kem ini, bahkan dengan kontraktor-kontraktor dalam kem yang berkenaan pun sentiasa ada. Pihak-pihak kontraktor boleh berhubung dengan Kementerian Pertahanan dan JLKN dan begitu juga kita sentiasa memberi respons kepada ibu bapa atau sesiapa sahaja yang menghubungi kita tentang masalah yang dihadapi ataupun yang terkena pada peserta-peserta PLKN.

Yang Berhormat bagi Kepong, tahap pelaksanaan projek hospital, saya sudah jawab tadi 40% lebih. Yang Berhormat bagi Sepanggar isu *barter trade* di Perairan Sabah merupakan isu lama, dan sebenarnya isu *barter trade* ini kalau hendak cakap tentang perdagangan, Kementerian Pertahanan khususnya TLDM tidak membuat perdagangan dan sama ada *barter trade* ataupun bukan *barter trade* ianya terlibat dengan satu kementerian lain. Kita tidak ada hak untuk menjawab dan menyelesaikan. Cuma kita juga berunding dengan pihak polis dan imigresen supaya perkara yang kita rasa boleh memudaratkan dan

menjadikan keadaan situasi di kawasan kita tidak baik dan tidak selamat, kita akan dapat bantuan dan nasihat daripada kementerian-kementerian yang berkenaan.

Tentang laluan-laluan pendatang tanpa izin dan sebagainya, ini pun adalah di bawah kuasa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ataupun Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Yang Berhormat bagi Maran, anggota LTM yang akan menamatkan perkhidmatan mengikut khusus latihan, ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai tentang bilangan anggota tentera yang mengikuti latihan perkhidmatan dan latihan perjawatan ataupun profesional *course*, semi profesional *course* ataupun satu kursus yang ringan untuk mereka mendapat pengalaman dan pengetahuan apabila mereka berhenti.

Saya ingin jelaskan bahawa anggota tentera kita mereka tidak disekat untuk mengambil *trades courses*, dengan izin di dalam waktu mereka berkhidmat. Maka mereka boleh menggunakan pengalaman dan pengetahuan ini apabila mereka sudah selesai atau tamat perkhidmatan dan biasanya sebelum mereka tamat perkhidmatan, pihak penganjur sentiasa memberi peluang kepada mereka untuk mengikuti kursus-kursus yang dipilih oleh mereka. Cuma terdapat ada mereka memilih kursus yang senang akhirnya lepas pada itu, apabila mereka tamat perkhidmatan, mereka meminta satu perjawatan yang susah mengikut kursus untuk menjadi seorang *technician* atau akhirnya minta perjawatan sebagai seorang *engineer*. Ini susah, kalau buat perniagaan kedai runcit hendak buka satu perniagaan gudang agak susah. Tetapi, walaupun setelah itu pihak angkatan tentera khususnya Bahagian Hal Ehwal Veteran akan sentiasa membimbing mereka walaupun mereka sudah meninggalkan jawatan ketenteraan ini.

Yang Berhormat bagi Jerai memohon tambahan peruntukan kepada PERHEBAT. Saya percaya pendekatan PERHEBAT bukan sahaja menggunakan peruntukan yang ada pada PERHEBAT, dan PERHEBAT ada kerjasama dengan agensi-agensi ataupun *group-group* swasta yang ingin memberi khidmat kepada angkatan tentera yang akan bersara dan mencari pekerjaan setelah mereka bersara. Saya biasa telah merasmikan dan menyampaikan sijil bagi anggota-anggota tentera yang ingin mengikuti khusus untuk kepakaran dalam *telecommunication*. Pihak Telekom Malaysia telah memberi kursus ini

dan alhamdulillah, saya percaya kebanyakan boleh dikatakan keseluruhan daripada mereka berpuas hati dan sudah tentulah untuk mendapat pekerjaan, mereka kenalah berusaha sendiri mencari peluang di mana peluang ini terdapat dan di mana ada kekosongan untuk mereka menyertai. Ya, silakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rata-rata, kadang-kadang mendapat *feedback* daripada bekas perajurit-perajurit kita ini tentang masalah mereka untuk mendapat... Contohnya permohonan-permohonan permit, permit-permit teksi walaupun pengerusi permit tidak ada dalam Dewan, dia ada *Post Cab* mungkin, begitu juga dengan permohonan-permohonan mereka, anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran dan sebagainya.

Jadi boleh atau tidak Dato', supaya pihak kementerian memberi *back up* kepada permohonan mereka ini. Maknanya mungkin ada bahagian di Kementerian Pertahanan permohonan-permohonan mereka ini mungkin boleh disalur melalui kementerian dan kementerian kemukakan kepada pihak-pihak yang berwajib untuk menolong mereka. Kadang-kadang mereka tidak terdedah. Jadi, yang mereka kadang-kadang yang *other rank* itu mungkin bagi mereka boleh mendapat satu permit teksi sudah cukup untuk mereka menyambung hidup mereka dan membesarkan keluarga mereka. Jadi, inilah kadang-kadang rungutan-rungutan, kadang-kadang dia terpaksa menyewa permit orang untuk membawa teksi untuk cari makan.

Lagi satu Dato, saya faham, saya telah melawat PERHEBAT, tetapi saya melihat bahawa kursus perniagaan ini harus kita pertingkatkan kepada mereka kerana tabung-tabung yang diwujudkan oleh kerajaan ini juga boleh membantu mereka dengan sokongan daripada pihak PERHEBAT ataupun pihak kementerian. Jadi, saya tidak mahu melihat Dato' bekas tentera-tentera kita sama ada daripada peringkat atasan sampai ke bawah ini dia tidak ada haluan setelah mereka meninggalkan perkhidmatan mereka itu, terutama sekali yang menandatangani kontrak ataupun *short service* dia panggil, perkhidmatan jangka pendek.

Jadi apabila mereka berhenti mereka masih muda dan bertenaga. Jadi kita perlu gunakan tenaga-tenaga ini untuk membangunkan mereka dan keluarga mereka. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Jerai, apa Yang Berhormat cadangkan itu memang tidak ada bangkang daripada Kementerian Pertahanan. PERHEBAT pun tak bangkang. Kita ada bahagian Veteran yang akan membantu mereka dan PERHEBAT membantu mereka. Semua kursus ini berdasarkan kepada pandangan dan saranan daripada pihak pemohon iaitu peserta-peserta kita di dalam angkatan tentera seperti yang saya katakan tadi sesetengahnya hendak mencukupkan syarat untuk mereka bersara dan mereka mesti mengikuti kursus perjawatan ataupun profesional *course* ini. Mereka memilih kursus itu, tapi sudah tentu Yang Berhormat kita tak bagi kursus untuk memohon teksi. Tapi kalau mereka memohon teksi kita bagi sokongan cuma kita tak dapat satu *privileges*, apa yang kita sokong itu mereka akan dapat kerana teksi ini bukan dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan kerana lesen permit teksi ini dikeluarkan oleh kementerian lain.

Kita juga boleh menyeru dan saya juga hendak menyeru kementerian yang berkenaan kalau sokongan daripada kita itu akan diberi pertimbangan. Tapi mereka juga ada membuat penyiasatan adakah orang ini layak ataupun orang ini tak layak. Itu yang kita hadapi tentang penyesuaian dan kategori serta fakta-fakta yang mereka anggap tidak sesuai tapi kita kata sesuai.

Tentang cadangan Yang Berhormat untuk memberi peluang ini insya-Allah saya akan bercakap terus dengan PERHEBAT untuk menentukan. Cuma saya minta anggota tentera menentukan apakah jenis kursus yang mereka anggap mereka boleh hidup dan menambahkan pendapat yang lebih selesa pada masa mereka berhenti. Saya sangat suka dan kalau Yang Berhormat bagi Jerai rasa susah hati, saya juga rasa susah hati. Bila mereka bertanya apa saya hendak buat, saya kata kita hendak masuk pun kita beritahu. Sekarang ini anggota tentera kita minta dan merayu kepada mereka jangan berhenti sekerat jalan. Tunggu sehingga umur 20 tahun lebih sehingga dapat pencen baru berhenti. Hendak dapat pencen pun kita cakap pergi ambil kursus dahulu lepas itu barulah pencen.

Tapi ada yang tak ambil kursus. Kemungkinan sebahagian daripada mereka ini yang tidak mengambil peluang dan kursus mereka mengadu hal kepada kita.

Saya juga memberi sokongan kepada mereka yang memohon anak-anak mereka untuk melanjutkan pelajaran ataupun dapat biasiswa. Yang Berhormat bagi Jerai, saya beri pengakuan, saya sendiri tandatangan, saya sendiri buat surat sokongan, tapi penilaian saya tak buat. Itu jawapan Yang Berhormat ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya rasa Yang Berhormat sudah puas hati.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya kurang puas hati Dato'.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tak apa.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya mahu pihak Kementerian Pertahanan dan kementerian-kementerian lain mungkin dalam jemaah Kabinet menekankan bahawa keutamaan harus diberi kepada bekas tentera, bekas polis yang telah berkhidmat. Jasa ini kena kenang Yang Berhormat. Kadang-kadang hari ini askar itu bersara besoknya dia sudah masuk dalam kategori sebagai orang miskin (PPRT) kerana pencennya yang begitu rendah dan mereka terpaksa. Kadang-kadang saya tengok kasihan Yang Berhormat. Kita jihad, kerana kita tak mahu mereka ini terbawa-bawa ke arah yang lain yang akhirnya akan menyusahkan kerajaan balik.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Baik, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi rumah mereka harus kita ambil kira. *Welfare* Dato'. Bukan semua orang boleh jadi tentera. Saya kalau hendak suruh jadi tentera saya tak berani. Tapi hendak jadi tentera ini kena semangat kuat, berani dan sebagainya. Saya tang berani dan semangat itu ada tapi mungkin tenaga tak ada.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tak kuat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Eloklah Yang Berhormat tak jadi tentera.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tapi untuk maklumat Yang Berhormat saya kena redha.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih. Saya kata betullah Yang Berhormat kata itu. Kalau Yang Berhormat rasa susah hati saya pun susah hati. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib pun susah hati. Tapi kebanyakan yang mereka bangkitkan tentang pencen ini adalah kes yang dahulu. Kebanyakan daripada sekarang ini kalau mereka berhenti pencen, kita pencen setengah gaji dan mereka *start* gaji mereka pun sudah tinggi. Waktu mereka pencen memang lebih daripada paras kemiskinan, yang sekarang. Yang dahulu memang berlaku dan kita beri peluang juga yang dahulu untuk kita menolong. Insya-Allah Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kepong membangkitkan status implementasi konsep *K-Army* atau *knowledge base army* bagi tentera darat Malaysia memandangkan prasarana asas seperti komputer dan sambungan kepada internet masih amat berkurangan di kem-kem tentera di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, konsep *K-Force* atau *knowledge base army's* sedang dilaksanakan secara berperingkat dan berterusan. Pada masa ini prasarana ICT yang melibatkan perangkaan komputer dan rangkaian internet telah pun dirangkaikan dan beroperasi sepenuhnya di semua markas formasi tentera darat, semua. Manakala perluasan prasarana ICT ke kem-kem tentera darat yang lain sedang dilaksanakan secara berperingkat selaras dengan pemodenan tentera darat.

Konsep *K-force* atau dikenali sebagai *knowledge force* adalah bertujuan untuk meningkatkan kebolehan dan profesionalisme pegawai dan anggota lain-lain pangkat. Bagi maksud ini pelbagai insentif dan program telah diadakan untuk meningkatkan kecekapan *to generate* dan khususnya seperti dalam bidang ICT.

Dalam pada itu, berkenaan juga diberi bagi pegawai dan anggota ATM yang sedang berkhidmat untuk memperoleh kelayakan akademik di peringkat diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan juga doktor falsafah di institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri. Cuma apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tentang untuk menambahkan kolej angkatan tentera. Kita telah mengambil keputusan hanya ada satu sahaja kolej angkatan tentera. Tetapi dalam masa yang sama kita telah mengambil keputusan untuk menubuhkan Universiti Pertahanan Negara untuk membolehkan sama ada anggota tentera, bukan anggota tentera untuk mengikuti kursus di peringkat universiti pertahanan negara pada mulai tahun depan.

Yang Berhormat bagi Ketereh juga melaksanakan pencapaian R&D untuk memantapkan ATM. *Strike* telah melaksanakan memanjangkan jangka hayat peralatan tentera dan modifikasi peralatan tentera sebagai aktiviti R&D. Setakat ini ATM berpuas hati dengan pencapaian tersebut. Yang Berhormat bagi Tangga Batu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habis Yang Berhormat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ada lagi, ada lagi. Banyak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cepat sedikit Yang Berhormat.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Kem Komandan di Melaka kita masih gunakan sebagai pusat latihan terdapat di kem tersebut. Yang Berhormat bagi Jerai, saya rasa saya sudah meliputi Yang Berhormat bagi Jerai tentang peralatan udara dan sebagainya. Sudah jawab.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, insiden penyerahan semula warga Thailand. Sebenarnya dalam perundingan dengan kerajaan kita, pihak Thailand dalam kerajaan yang dahulu telah berjanji untuk menyelamatkan orang-orang yang kita hantar.

Orang-orang yang kita hantar ini pun setelah mereka bersetuju untuk pulang tetapi kita rasa kecewa kerana mereka tidak menjalankan janji yang telah dibuat. Oleh sebab itu pada masa yang akan datang, kita terpaksa berhati-hati dan menentukan supaya ada satu etika persefahaman bahawa keselamatan orang-orang yang kita lepas pulang adalah selamat dan mesti diberi pengakuan oleh Kerajaan Thailand sendiri. Tetapi walau bagaimanapun, persetujuan adalah kita kehendaki daripada batang tubuh yang berkenaan.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Sedikit penjelasan tentang isu pembunuhan yang dilaksanakan itu. Adakah Kementerian Pertahanan akan mencadangkan suatu tindakan ke atas isu ini untuk dibawa ke tribunal antarabangsa supaya kita serius dengan insiden ini. Bukan kerana mereka Islam atau mereka agama apa, tetapi ini isu kemanusiaan. Adakah Kementerian Pertahanan akan mengesyorkan untuk kita mencadangkan pihak yang membunuh Kerajaan Thailand ini, Thaksin itu dibawa ke mahkamah antarabangsa seperti Slobodan Milosevic untuk dihukum dengan seadilnya. Adakah kementerian bercadang begitu? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Cadangan Yang Berhormat itu yang boleh kita rasa diangkat untuk pertimbangan tetapi mestilah mendapat pandangan daripada pihak Peguam Negara dan pihak undang-undang yang mana daripada segi undang-undang ketenteraan dan undang-undang negara yang berkaitan. Insya-Allah saya akan kemukakan Legal Advisor, Kementerian Pertahanan dan seterusnya kepada pihak Peguam Negara.

Yang Berhormat bagi Ledang membangkitkan tentang *Regional Forum* yang sepatutnya diadakan dan telah diadakan pada November. Esok senjata nuklear Korea Utara telah dibincangkan dan dipersetujui. Perkara ini akan dibawa ke Persidangan ASEAN akan datang dan sememangnya konsep Zon Aman, Bebas dan Berkecuali serta South-East Asia Nuclear Weapons Free Zone. Ini bermakna Malaysia tidak akan bersetuju atau menyokong sebarang usaha penggunaan nuklear sebagai senjata.

Yang Berhormat bagi Tuaran, peruntukan off-program sebanyak RM180 juta mencukupi bagi mengawasi perairan Malaysia. RM180 juta ini adalah untuk pasukan yang kita panggil PASKAL dan wang ini digunakan untuk pembelian kelengkapan yang diperlukan bagi pasukan PASKAL yang ada di Semporna, Sabah dan juga PASKAL yang ada di Lumut. Biasanya peruntukan-peruntukan ini akan dilihat dari segi penyesuaian dan penggunaannya. Di atas keperluan yang tertentu kadang-kadang pada tahun-tahun yang akan datang, kita akan memohon peruntukan tambahan.

Yang Berhormat bagi Maran meminta adakah bekas tentera mendapat apa-apa keistimewaan daripada agensi-agensi kerajaan. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai bercakap tentang perkara yang sama. Kita boleh menyarankan bahawa keistimewaan-keistimewaan yang kita minta, tetapi sama ada agensi kerajaan ataupun swasta adalah terpulang kepada orang-orang yang berkenaan. Cadangan dari Yang Berhormat bagi Jerai supaya ada persefahaman di dalam kerajaan, semua agensi ataupun kementerian untuk melihat bagi penggunaan tenaga tentera ini pada masa yang akan datang setelah mereka bersara.

Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan *Five Powers Defends Agreement*. Salah satu aktiviti dalam perjanjian ini adalah mengadakan latihan bersama di kalangan mereka yang terlibat. Latihan bersama ini dilaksanakan bagi meningkatkan kesefahaman dari aspek prosedur dan teknik peperangan dan ianya dilaksanakan setiap dua tahun sekali. Tidak ada rondaan maritim dilaksanakan oleh negara-negara yang terlibat di dalam perairan negara ini. Perbelanjaan peruntukan hanya untuk menampung keperluan kapal-kapal TLDM yang terlibat semasa latihan bersama yang dilaksanakan.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah ada membangkitkan tentang alat Program Latihan Khidmat Negara tidak perlu dipinda. Seperti yang saya katakan tadi, mana-mana yang diperlukan sentiasa dipertimbangkan, peruntukan hukuman khidmat masyarakat belum berkuat kuasa sebab tarikh kuat kuasa belum ditetapkan oleh kementerian berkenaan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya bertanya sama ada ia akan dipinda? Jika ya, bilakah ia akan dibentangkan untuk pinda? Memandangkan buat masa ini, penguatkuasaan ke atas mereka tidak dapat dijalankan kerana orang ramai marah terhadap hukuman penjara tersebut di mana dari awal, pihak saya di sini juga membantah dengan adanya hukuman penjara.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sebenarnya hukuman ini bukan PLKN yang buat, hukuman apabila dibawa ke mahkamah dan mahkamah yang putuskan. Mahkamah akan putus bila keputusan ini tidak ada kuasa pada PLKN dan kalau pandangan Yang Berhormat ini mereka mendengar dan kita juga menyarankan mana-mana yang patut dipinda dan yang mana patut dipertimbangkan, pihak kehakiman akan pertimbangan perkara ini.

Yang Berhormat bagi Rembau membangkitkan masalah supaya pengisian PLKN dalam modul dimansuhkan dalam kurikulum. Sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah, supaya perkara ini diserapkan di dalam kurikulum di peringkat sekolah. Kita tidak dapat buat, tetapi Kementerian Pelajaran boleh menimbangkan perkara ini.

Yang Berhormat bagi Serdang membangkitkan adakah ASEAN akan menukar hala kepada keselamatan dan bukan tertumpu kepada ekonomi sahaja. ASEAN telah mengadakan kerjasama dalam bidang keselamatan. Ianya dimulakan dengan *Defends Official Meeting* pada tahun ini, ASEAN telah memberi kesempatan agar kerjasama berkenaan dibuat pada peringkat Menteri Pertahanan. Mesyuarat pertama ASEAN *Defends Ministerial Meeting* telah dibuat pada 9 Mei 2006 di Kuala Lumpur.

Beliau juga membangkitkan mengenai satu latihan keganasan sama ada ianya akan dijadikan platform kepada Amerika Syarikat untuk campur tangan di dalam keselamatan negara. Pusat Latihan Anti-Keganasan dibina dengan menggunakan peruntukan sepenuhnya dari Malaysia. Walaupun Amerika Syarikat ada menawarkan bantuan dan ianya lebih berbentuk peralatan kecil, *technology board*, alat bantuan mengajar, *projector* dan lain-lain.

Kementerian menyedari *interest* Amerika Syarikat di rantau ini. Sehubungan dengan itu, kerajaan amat berhati-hati sebelum menerima sebarang tawaran bantuan. Yang Berhormat bagi Serdang juga membangkitkan masalah sokongan dalam mengatasi ancaman luar peringkat sederhana dan tinggi. Pada masa sekarang kementerian

mendapat *Five Powers Defends Agreement* masih lagi relevan dan *agreement* berkenaan ternyata telah berjaya memberi pengalaman dan pendedahan kepada anggota tentera Malaysia terutama dalam *exercise* (latihan) bersama.

Yang Berhormat bagi Maran membangkitkan perkara yang telah saya jawab tadi tentang latihan dan penugasan yang diberi kepada anggota-anggota tentera kita dan Yang Berhormat juga menanyakan berapa ramai dan jawapannya ialah praperalihan - 76,925 orang; latihan peralihan - 7,625 orang; pasca latihan peralihan 23,343 orang; kursus selepas peralihan, jumlahnya 107,893 orang keseluruhan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak nampak tulisan Yang Berhormat?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Bukan, saya tengok supaya saya tidak menjawab dua kali.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu, pasukan terdiri daripada pakar psikologi, pakar perundangan dan lain-lain. Kerajaan menetapkan *staff* perubatan dari kor kesihatan Angkatan Tentera Malaysia di setiap kementerian. Apabila pelatih mengalami kesakitan atau mendapat penyakit di luar kemampuan dan kebolehan *staff* perubatan di kem perubatan akan dihantar ke hospital, pusat kesihatan yang berdekatan. Pihak hospital akan mengambil tindakan selanjutnya. Pasukan khas yang bergerak dari kem ke kem akan melibatkan kos tinggi dan kerja bertindih dengan pakar-pakar di hospital.

Yang Berhormat bagi Kota Belud telah meminta bilangan pelatih dari Sabah, 50% orang Sabah datang ke Semenanjung dan orang Semenanjung pergi ke Sabah. Jadi kita tahulah mereka tidak boleh berjalan dengan bas untuk murah, mesti dengan kapal terbang ataupun kapal laut. Ini menjadikan kos agak tinggi. Walau bagaimanapun kita secara praktikalnya kita telah mengadakan pertukaran tempat penyertaan di pusat latihan ini. Sama ada di Sabah ataupun di Sarawak, daripada Semenanjung, Kelantan, Johor dan sebagainya, mereka datang yang di sini tukar tempat ke Sabah dan Sarawak. Untuk 50% ini akan kita lihat tentang kekuatan kewangan kita.

Jumlah kes kematian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Maran di dalam PLKN, kita ada terdapat dalam 204,206 terdapat 17 kes kematian iaitu lapan pelatih dan sembilan jurulatih. Di antara sebab kematian adalah seperti lemas, kemalangan jalan raya, sakit jantung, asma dan jangkitan virus. Walau bagaimanapun kebanyakan kes kematian adalah di luar daripada kem.

Yang Berhormat bagi Kuala Pilah, bayaran oleh kem kepada subkontraktor mereka. Kita sentiasa melihat dan memberi peluang sekiranya *genuine cases* yang dikemukakan kepada kementerian khususnya PLKN dan kita akan menentukan bahawa tidak ada tergendalaan ini. Tetapi kebanyakan sebahagiannya kontrak daripada mereka membuat antara mereka. Apabila berlaku perselisihan dan persengketaan persefahaman ini maka sepatutnya mereka menyelesaikan di kalangan mereka. Tapi ada juga apabila dikemukakan kita panggil kedua-duanya untuk cara penyelesaiannya. Tapi kita juga kena lihat bahawa kalau kontrak itu oleh kontrak, dan kontrak yang menerima bayaran, kontrak itu akan menyelesaikan bayaran, menerima bayaran daripada kita, menyelesaikan bayaran kepada subkontraktor. Walau bagaimanapun saya suka perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat ini, boleh kita beri pertolongan.

Memang Latihan Khidmat Negara ini kita harap bahawa kita akan berterusan beri kepada anak-anak watan di dalam negara ini. Cuma sehingga ini kita hanya dapat melatih setahun, tahun lepas sampai kepada 100,000. Mungkin pada tahun yang akan datang berdasarkan kepada kemampuan kita kalau kem bertambah, kita boleh tambah pengambilan pelatih dan kewangan kita juga bertambah. Kita tidak boleh tambah kem, tambah pelatih, kewangan bertambah, maka akan datang satu rasa tidak puas hati kepada pelatih tentang makanan dan penyesuaian keselesaan tempat hidup. Insya-Allah kepekaan Yang Berhormat ini kita sentiasa memberi perhatian.

Pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan beberapa Yang Berhormat lain tentang kategori pelatih-pelatih yang ada di dalam negara kita, biasanya *fresh* untuk tahun, umpamanya tahun 2007. Kita ambil kebanyakannya *fresh* daripada selepas SPM. Tapi ada juga kita bukan berdasarkan kepada SPM kita berdasarkan kepada umur pada tahun yang berkenaan. Tetapi sudah tentulah apabila kita mengambil ada pada umur tahun yang berkenaan antara pelatih ini yang tidak cekap, timbul persoalan yang telah dibangkitkan ada

pelatih yang tidak tahu membaca umpamanya dan ada pelatih yang di kalangan Islam yang tidak tahu membaca Al-Quran umpamanya. Kita tidak ada satu modul tetapi PLKN telah menyediakan kemudahan-kemudahan ini supaya mereka dapat berpeluang dalam tempoh tiga bulan, diajar membaca dan diajar membaca Al-Quran dan sebagainya dan diajar sembahyang. Ini kita jalankan walaupun dikategorikan dalam perkara yang berkenaan tentang membaca dan tidak boleh membaca, tidak boleh menulis, tapi dalam latihan fizikal adalah sama tidak ada beza dengan mereka yang datang dengan kelulusan *grade* 1, ataupun kelulusan yang baik.

Praktikal adalah sama tetapi kita juga mendapat kerjasama daripada pelatih-pelatih ini untuk membantu kawan-kawan mereka yang ada kekurangan dalam bidang ilmu bacaan dan menulis. Terima kasih kepada pelatih-pelatih yang secara sukarela telah membantu kawan-kawan mereka untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi.

Last sekali Tuan Pengerusi, saya hendak terangkan kedudukan perbelanjaan kapal selam Scorpene dan pembinaan kapal selam di Perancis dan Spain. Kapal selam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kapal selam Scorpene yang pertama dijangka tiba di Malaysia pada Julai 2009, manakala kapal selam Scorpene yang kedua dijangka tiba pada Februari 2010. Kos keseluruhan perolehan ini berjumlah dalam bentuk Euro€969 juta bukan dolar, bukan ringgit. Itu satu jawapan.

Yang kedua, kata Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, ada *commission* USD \$100 juta, bermakna kementerian mengakui ada mengikat kontrak dengan syarikat 'Freemaker' Sdn. Bhd. berjumlah Euro€114 juta. Tapi bertujuan untuk pembayaran *coordination and support services* bukan *commission*, *coordination and support project services team* di Perancis dan Sepanyol dan juga pelatih-pelatih kapal selam. Tiada sebarang pembayaran komisen sebagaimana yang didakwa atau yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Terima kasih, sungguhpun ada angka yang diberi dalam Euro tetapi lebih kurang itu.. dan sebenarnya ini pun ada dikeluarkan bahawa yang dikuasai oleh Abdul Razak Baginda dan kita tahu masa itu beliau dengan orang-orang pemimpin negara kita dan oleh kerana kes sensasi yang baru-baru yang bangkit. Siapa yang sebenarnya beneficiary, saya tidak sebut mengenai kontrak *support* dan *coordination* tetapi mengenai kapal selam dan dua kapal selam itu dengan DCN International dan 'Talis' yang menubuhkan *joint venture* yang bertanggungjawab dalam itu dan mengenai France Augusta submarine untuk tujuan melatih.

Siapa yang sebenarnya yang *beneficiary* 10 daripada kontrak itu dan di mana sangat jelas di sini bahawa dengan izin, *all the pay offs for the Malaysian Business Defense analyst estimate. Therefore all the effort and for what is continued involvement in the contract "Terry Mekka"* yang disebut oleh Yang Berhormat *were received over the next six years 8% of the total contract value or about RM288 million and possibly more as the Euro on which the contract is based as appreciated 13% against the ringgit since signing.*

Ini dikeluarkan dalam *Far Eastern Economic Review* empat tahun dahulu dan sampai sekarang belum ada satu penjelasan dan sebab itu saya tanya apakah siasatan dalam perkara ini. Adakah rela, adakah satu siasatan terbuka *independent inquiry* supaya menunjukkan kerajaan *uphold integrity* dalam perkara ini dan pun bahawa apa yang berlaku baru-baru ini soalan yang timbul kenapa boleh berlaku pembunuhan wanita Mongolia dan lain-lain lagi.

Ini ada bersangkut paut, apa *connection* ini supaya *open* siasatan diadakan supaya semua soalan boleh dapat jawapan apa yang berlaku dalam *summary contract*, apa yang berlaku mengenai pembunuhan wanita Mongolian, apa yang berlaku yang bersabit dengan Abdul Razak Baginda.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, terima kasih atas persoalan ini. Saya telah menjawab, pihak kementerian ingin sekali lagi menyatakan tidak ada komisen dan semua perbelanjaan kita adalah kita bentangkan dalam Dewan dan perbelanjaan Kementerian Pertahanan diaudit. Sebarang kesilapan, sebarang tambahan yang dikeluarkan oleh pihak kewangan Kementerian Pertahanan akan dipersoalkan.

Saya percaya jawatankuasa daripada kementerian juga ataupun daripada Parlimen telah melihat tentang perbelanjaan daripada Kementerian Pertahanan ini. Kita

menyatakan bahawa kita tidak membayar sebarang komisen kerana kita adalah pembeli dan kita bayar kepada pembekal ataupun yang memberi kita alat-alat yang telah kita belikan dan oleh itu kita tidak berhajat untuk hendak dan kita tidak ada fakta untuk hendak kita katakan bahawa kita ataupun Yang Berhormat ada fakta itu sebagai bukti bolehkah Yang Berhormat menerangkan dan kemukakan kepada pihak-pihak tertentu boleh laporkan kepada pihak audit dan boleh laporkan kepada pihak orang kata pencegah rasuah kalau Yang Berhormat anggapkan perkara itu salah.

Kementerian Pertahanan juga tidak berhajat dan tidak berhak untuk menyatakan bagaimana kejadian pembunuhan perempuan Mongolian dan siapa yang terlibat, kenapa terlibat, kenapa perkara itu boleh terjadi. Ia di bawah kuasa siasatan Polis Diraja Malaysia. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih. Minta penjelasan. Yang Berhormat berkata bahawa MINDEF tidak bayar komisen USD100 juta lebih kurang wang itu, betul. Kita tahu ini dibayar oleh pihak Perancis dan akhirnya bukannya pembayaran ini masuk dalam harga jumlahnya, akhirnya perlu dibayar oleh pembayar-pembayar cukai rakyat Malaysia. Itulah komisen tak kira bukan kata dibayar oleh kerajaan Malaysia tetapi dibayar oleh pihak Perancis dan Sepanyol di sana. Kenapa ini dan akhirnya ini dalam bil yang terakhir. Kenapa ini boleh dibenarkan.

Kedua mengenaibetul Yang Berhormat tidak boleh menjawab mengenai kes pembunuhan wanita Mongolian itu ada bersabit dengan Abdul Razak Baginda, tetapi kenapa C4 *explosive* yang dimiliki MINDEF boleh begitu dapat dengan senang digunakan untuk melakukan jenayah dan begitu sensasi memberi gambaran yang buruk kepada Malaysia di antarabangsa. Adakah siasatan diadakan?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat bertanya kepada saya adakah siasatan diadakan. Saya telah beritahu kepada Yang Berhormat bahawa polis yang membuat siasatan ini. Saya tidak boleh menjawab kerana polis yang menyiasat. Kalau saya yang membuat siasatan, saya pun tidak tahu pasal tentang persenjataan dan bom ataupun perkara yang telah digunakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi C4 *military*, alat *military* bukan? Dalam kepunyaan *military*.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Yang Berhormat mengetahui dan pakar dalam bidang ini dan Yang Berhormat boleh rujuk kepada polis akan menjawab perkara ini. Polis yang membuat penyiasatan dan bukan saya yang membuat penyiasatan. Kementerian Pertahanan pun tidak membuat penyiasatan dan ini diserahkan kepada polis.

Yang kedua mengenai saya katakan kita tidak mengeluarkan komisen. Kalau Yang Berhormat kata Perancis atau Finland, Itali yang mengeluarkan komisen, itu kerja dia. Kita peringkat awal *willing buyer, willing seller*.

Itu kita jalankan berdasarkan kepada kos yang akan diminta oleh pihak pembekal dan kos yang dipersetujui oleh kita yang telah dipersetujukan oleh pihak kementerian.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi itu komisen akhirnya *in the final bil* bukan?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Oh! Kita tak dapat tahan kalau Perancis hendak bagi kepada Yang Berhormat pun? Saya tak dapat tahan kerana itu dia punya duit. Kita bayar itu duit dia. Tetapi itu persetujuan yang di sebelah pihak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi, tidak nafilah? Sekurang-kurangnya Yang Berhormat tidak nafi, okay.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Saya tak mengatakan ya, tetapi saya katakan apa yang sepatutnya berlaku kalau Yang Berhormat kata itu yang Perancis bayar, kalau Yang Berhormat kata itu betul, itu betul, tetapi bukan duit kita, itu Perancis. Perancis yang membuat keputusan dia. Bukan keputusan kita. Keputusan dia, dia buat. Kita tanggungjawab bayar kepada dia. Dia hendak bakarkah, dia hendak bagi kepada Yang Berhormat atau hendak bagi kepada siapa, itu dia. *We don't have right....*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi, *the bil* akhir perlu dibayar oleh kerajaan. Itulah masalah. Itulah *the issue*.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kita sudah bersetuju *willing buyer, willing seller including the cost everything*. Kita setuju, kita bayarlah. Dia hendak bagi kepada siapa, kita tak soal. Dia pun tak soal kita, dia hendak beri kepada siapa dan kita pun tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah Yang Berhormat. Banyak lagi?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor minta.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah habis?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kata sudah habis.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta penjelasan. Penjelasan, ini adalah mengenai

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kata Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah habis.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagi laluan. Dia bagi laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat beri laluan ataupun sudah habis? *[Tujukan soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan]*

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Habislah, sudah saya duduk dah?

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Hah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia sudah kata habis.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bagaimana satu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM8,629,622,300 untuk Maksud B.60 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM8,629,622,300 untuk Maksud B.60 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalah ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM4,763,239,800 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM4,763,239,800 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Maksud B.61 [Jadual]

Maksud P.61 [Anggaran Pembangunan 2007]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Kepala Bekalan B.61 dan Kepala Pembangunan P.61 terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Larut.

3.39 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak pergi di bawah Butiran 030000 – Imigresen.

Pertama sekali saya hendak bertanya kepada pihak Imigresen tentang pemprosesan pasport antarabangsa ini apakah sekarang ini dua hari akan dipertingkatkan lagi mungkin dalam tempoh yang lebih cepat dalam masa satu jam atau dua jam.

Kemudian passport ini hilang apakah akan dikenakan denda yang lebih berat lagi supaya tidak mudah mereka bertanggungjawab ke atas passport yang hilang.

Keduanya, saya hendak bertanya pihak Imigresen apakah mereka bersedia mengadakan kaunter pada waktu rehat tengah hari untuk memudahkan orang yang datang dari jauh untuk memproses passport, terutama sekali passport yang penting, yang mereka perlukan perjalanan.

Seterusnya ialah tentang penguat kuasa yang masih lagi berlaku kekurangan tenaga. Sekarang ini imigresen menggunakan RELA. Kita bersetuju, bagus. Tetapi masalahnya, Tuan Pengerusi, imej RELA ini, sudahlah tercemar dengan berlakunya penggunaan uniform RELA dalam rompakkan baru-baru ini. Saya hendak minta kepada pihak kementerian, kalau kita hendak naikan imej RELA, uniformnya, segala peralatannya diberilah oleh pihak kementerian. Ini kesian mereka, terpaksa minta kepada wakil rakyat, pembangkang langsunglah, tidak akan bagi.

Jadi ini, seolah-olah mereka ini macam jadi peminta sedekah, sedangkan mereka melakukan kerja-kerja penguat kuasa. Jadi, saya minta kepada pihak kementerian, supaya [*Disampuk*] ialah, sukarela pun Beluran, sukarela jugalah, ada masa kita boleh suka rela, ada masa kita kena serius. Kalau kita hendak jadikan RELA itu sebagai penguat kuasa yang ada imej, yang ke hadapan, lakukan sesuatu, sudah tiba masanya. Kita tidak boleh, ini sukarela, uniform cari sendiri, kasut cari sendiri, senapang, senapang patah. Macam mana hendak jaga kawalan.

Jadi, saya minta kementerian serius tentang hal ini, carilah peruntukan untuk membantu mereka. Mereka masuk RELA untuk menjaga kawalan. Kita kena ingat dahulu waktu konfrontasi, RELA lah yang turut berada, membantu di barisan hadapan. Saya minta pada pihak kementerian kalau RELA hendak digunakan sebagai barisan yang penting, imej yang tinggi, untuk membantu tugas-tugas penguat kuasa ini bagilah satu imej yang baik kepada RELA ini. Janganlah mereka.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, hendak gulunglah ini. Saya hendak gulung sudah. Saya minta Tuan Pengerusi, RELA ini menjadi satu unit yang turut sama membantu menjaga keselamatan. Kalau kita betul-betul hendak bagi imej kepada RELA ini di suatu tempat yang dikatakan terbaik, kita mestilah memberi segala kemudahan yang diperlukan. Jangan hanya setakat '*Melepas Batuk Di Tangga*'. Dengan itu saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Beluran.

3.42 ptg.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 03000 – Imigresen. Saya prihatin dengan tanggungan tugas yang terpaksa di buat oleh kakitangan imigresen, di pejabat Imigresen Kota Kinabalu. Tetapi saya juga prihatin dengan masalah kesesakan yang dihadapi oleh mereka yang berurusan dengan pejabat Imigresen di Kota Kinabalu, yang terpaksa menunggu terlalu lama untuk berurusan disebabkan oleh kakitangan yang tidak mencukupi dan keadaan Pejabat Imigresen di tingkat 4, di Kota Kinabalu yang sempit, yang kadangkala *aircon*nya tidak hidup. Saya minta agar kementerian melihat kekurangan yang ada di Pejabat Imigresen, Kota Kinabalu ini. Pejabat Imigresen Kota Kinabalu, adalah ibu Pejabat Imigresen di negeri Sabah. Saya lihat banyak perkara yang perlu dipertingkatkan oleh pejabat ini dan tentulah ia melibatkan kos, dan juga melibatkan tambahan kewangan yang perlu disalurkan oleh Imigresen Kuala Lumpur kepada Pejabat Imigresen Kota Kinabalu.

Perkara kedua adalah Butiran 022000 – Pendaftaran Pertubuhan. Tuan Pengerusi, banyak insiden, pertelingkahan parti yang berlaku di negara kita. Ini seolah-olah memperlihatkan tindakan membisu oleh pihak-pihak Pendaftar Pertubuhan (ROS). Ada pertelingkahan-pertelingkahan itu yang boleh diselesaikan, boleh diambil keputusan oleh ROS tetapi ROS lebih memilih untuk membisu dan membiarkan pertelingkahan berlaku dalaman parti sehingga keputusan akhirnya yang dibuat oleh ROS adalah untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan parti politik.

Itu satu imej, satu imej lagi seolah-olah pihak ROS ini memihak kepada mana-mana kumpulan dalam pertelingkahan. Kita lihat kes parti PBDS umpamanya. Ada

kumpulan yang didaftarkan parti. Dalam pertelingkahan itu ada dua kumpulan, satu kumpulan didaftarkan parti PRS, kemudian satu kumpulan dibiarkan tanpa parti sedangkan pertelingkahan itu telah mewujudkan dua pihak. Satunya tidak benar, yang satunya pula tidak benar, kedua-dua tidak benar dari sudut pandangan ROS.

Tetapi apabila keputusan dibuat, setelah parti tidak didaftarkan pendaftaran mereka, ROS seolah-olah memihak kepada suatu parti dan tidak kepada suatu parti kumpulan yang lain. Imej ini menjadi bualan orang. Jadi, nampak seolah-olah pihak ROS ini memihak kepada mana-mana parti dalam pertelingkahan parti politik. Kalau ini adalah disebabkan oleh undang-undang, peraturan dan perlembagaan ROS, saya melihat bahawa ini satu perkara yang harus dilihat oleh pihak Kementerian untuk memperlihatkan imej yang tidak memihak kepada mana-mana pihak dalam pertelingkahan parti. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Serdang.

3.45 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Serdang nampakkan ramai yang bangun.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Yalah, saya sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nampak, ya.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Butiran 040000 – RELA. Tuan Pengerusi, pasukan RELA telah menyumbangkan tenaga untuk membantu pihak polis bagi mencegah kegiatan jenayah sepanjang masa ini.

Sumbangan dan perkhidmatan pasukan RELA ini sepatutnya dihargai. Tetapi oleh kerana terlalu ramai anggota ahli RELA itu telah didaftarkan terdapat segelintir ahli RELA telah menyalahgunakan kuasa, terlibat dengan kegiatan jenayah. Ini telah merosakkan imej pasukan RELA atas tindakan oleh segelintir pasukan ahli RELA itu.

Dengan demikian, apakah tindakan oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ini. Sama ada seseorang yang menyertai sebagai ahli RELA itu dapat disemak latar belakangnya untuk menentukan kelayakan untuk menjadi ahli RELA. Sama ada pihak RELA dapat latihan secukupnya untuk memenuhi hasrat pasukan RELA.

Tuan Pengerusi, Butiran 050400 – Jabatan Pendaftaran Negara. Saya mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendaftaran Negara di mana telah menubuhkan cawangan Sri Kembangan beberapa tahun dahulu. Tetapi saya melihat bahawa Pejabat Pendaftaran Cawangan Sri Kembangan begitu padat pada waktu ini. Saya mendapati bahawa setiap hari, mulai tahun ini Januari hingga Oktober ini, permohonan MyKad sebanyak berjumlah 12,000 permohonannya dan serahan MyKad dalam tempoh 10 bulan ini lebih 20,000 kadnya. Pendaftaran kematian dan kelahiran berjumlah 2,754 orang dan cabutan sijil kelahiran dan kematian itu lebih 672.

Bererti, sebulan lebih kurang 350 kes permohonan telah diterima di Pejabat Cawangan Sri Kembangan. Dengan demikian oleh kerana di kawasan Serdang ini pesat pembangunan dengan adanya 50,000 rumah telah disediakan di Bandar Putera Permai di Pasar Borong Selangor. Apakah cadangan pihak Kementerian untuk menambah lagi ruang atau menambah lagi ruang Pejabat Pendaftaran Sri Kembangan untuk memenuhi hasrat pemohon di sekitar kawasan tersebut.

Satu lagi Butiran 050300 – Jabatan Imigresen Malaysia. Tuan Pengerusi, saya telah membuat permohonan untuk membuka Pejabat Imigresen di kawasan Serdang tetapi surat permohonan tidak diterima, disetujui oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia, di mana bersetuju untuk membuka cawangan di Sri Kembangan.

Yang penting sekali kata dikotakan, janji dilaksanakan. Tetapi sehingga kini belum lagi pejabat cawangan Imigresen di buka. Asalkan Ibu Pejabat Imigresen telah dipindahkan ke Putrajaya tetapi di ibu pejabat itu tidak akan memproses permohonan passport.

Maka ini Pejabat Cawangan Imigresen di Sri Kembangan penting diwujudkan. Saya mintalah pihak Kementerian timbang semula supaya..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulung Yang Berhormat. Gulung.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:supaya Pejabat Imigresen di Serdang ini dapat dikotakan demi kepentingan permohonan daripada sekitar kawasan Serdang dan sekitarnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

3.50 ptg.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 04000 - RELA dan 030000 - Imigresen yang ada kaitannya dengan PATI (Pendatang Tanpa Izin). Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kementerian khususnya RELA yang bertungkus-lumus untuk memastikan masalah kebanjiran PATI dapat dibendung di dalam negara ini. Tetapi kita sedia maklum bahawa kita menghadapi beberapa kekangan dan di antaranya adalah soal depot. Depot penahanan PATI yang ada dalam negara kita tidak cukup, tidak memadai. Dan apa yang saya dapati hari ini, pegawai-pegawai RELA di peringkat daerah apabila nak buat operasi terpaksa menghubungi depot-depot berkenaan sama ada, ada kekosongan atau tidak.

Dan saya anggap perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Saya nak mencadangkan supaya pertama, urusan penyimpanan PATI di depot-depot dapat dipercepatkan sama ada yang hendak didakwa ataupun yang nak dihantar balik ke negara masing-masing di samping ianya menjimatkan perbelanjaan.

Yang keduanya saya mencadangkan oleh kerana PATI ini keluar masuk terlalu ramai. Dan saya nampak kegigihan pegawai RELA di daerah dengan semangat kerja yang kuat, saya mencadangkan supaya operasi dijalankan secara berterusan. Jangan tunggu kekosongan di depot. Dan saya mencadangkan di peringkat daerah, diwujudkan pusat tahanan sementara yang melibatkan mungkin bangunan-bangunan kerajaan yang dinaik taraf.

Satu lagi Tuan Pengerusi, hari ini RELA memberi tumpuan untuk menangkap PATI di kawasan-kawasan projek perumahan umpamanya. Tapi kita jangan terlepas pandang bahawa PATI juga ramai masuk ke ladang-ladang bekerja sebagai buruh di ladang.

Dan satu lagi, untuk memastikan nelayan tempatan tidak terjejas pendapatannya, hari ini tauke-tauke ikan menggaji pendatang asing tanpa izin untuk menjadi nelayan. Jadi saya berharap Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertindak secara bersepadu untuk menangkap mereka yang berkenaan bersama juga dengan pihak polis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Jadi, itu sahaja yang saya nak cadangkan. Terima kasih.

3.53 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 02000 - Bahagian Penerbitan dan Kawalan Filem. Tuan Pengerusi, ini saya tak sebut surat khabar apa dan saya tidak sebut juga siapa artis dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah ini berkaitan dengan butiran?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Butiran mengenai penerbitan. Kalau inilah gambar Tuan Pengerusi yang ditayangkan kepada anak-anak muda, yang ini Kementerian Dalam Negeri kena tengok. Saya tak sebut nama artis, saya tak sebut juga surat khabar mana. Tapi yang ini anak muda artis lelaki dukung artis perempuan. Tak sesuai dalam negara kita, tak sesuai ditayangkan dalam mana-mana surat khabar kerana...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin ini surat khabar lama?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Surat khabar baru. [Ketawa] Surat khabar baru bertarikh 14 November 2006.

Seorang Ahli: Ini biasalah dalam surat khabar Cina.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Perkara kedua Tuan Pengerusi, ada pesanan daripada orang kampung. Butiran 30000 iaitu kalau boleh pasport warga emas sama ada dikurangkan, diskaun 50% dan sebagainya. RM10 ke, RM50 bukannya RM300.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, tentang warga asing ini. Ada juga cadangan yang agak *brutal* sebab ramai sekarang ini warga asing masuk dalam negara kita, mula-mula dia ada permit, kemudian dia cuba nak lari. Mungkin agaknya dah sampai masanyalah kita kenakan satu rekod 'cip' ke 'apa' yang patut dibawa ke mana-mana, tanam dalam badan ke 'apa' tetapi tidak menyakitkanlah. Mungkin ada kaedah terkini yang moden, 'cip' ke 'apa' supaya mereka ini boleh dikesan. Tidaklah seperti pelancong datang ke dalam negara kita kemudian hilang seperti yang disebut oleh sahabat kita daripada Jasin. Pat Pong dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

3.55 ptg.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 030000 - Imigresen. Saya rasa ada hubungan kait dengan Yang Berhormat bagi Ledang tadi juga iaitu berhubung dengan pasport antarabangsa. Kalau dulu RM150 sekarang RM300. Saya cadangkan supaya kos ini dikurangkan sedikit. Kerana apa kita dapati banyak di antara pemilik-pemilik pasport antarabangsa ini dia guna sekali atau pun dua kali sahaja. Misalnya pergi umrah sekali guna lepas itu simpan. Habis lima tahun kena buat yang baru.

Jadi saya rasa kalau bolehlah kerajaan memikirkan perkara ini supaya kosnya dikurangkan dan kalau nak ambil tambahan kewangan, kita tambah kepada mereka yang kerap pergi ke luar negara itu kenakan duit. Setiap kali dia nak keluar mungkin kena RM50 ke RM100 untuk sekali keluar daripada negara ini. Itu yang pertama.

Yang keduanya tentang Pendaftaran Negara iaitu kad pintar. Kita mendengar ura-ura kerajaan ingin meletakkan bermacam-macam kemudahan dalam kad pintar. Touch n Go, bank dan juga maklumat kesihatan di dalam kad pintar. Dan kalau kita lihat kad pintar yang ada sekarang bandingkan dengan kad pintar sebelum ini, memang yang sekarang ini mutu dia agak kurang ataupun kurang berkualiti dibandingkan dengan kad pintar yang lalu.

Dan kos untuk membuat, saya ingin tahu berapa satu kos setiap kad pintar yang dibuat oleh setiap rakyat Malaysia ini, kerana denda yang akan dikenakan pada tahun depan adalah RM100 kalau mereka hilang tiga kali dan dendaan ini kemungkinan akan dinaikkan lagi. Jadi saya harap benda ini dapat perhatian daripada pihak kementerian. Yang satu lagi, pembuat-pembuat kad pengenalan di tempat saya iaitu di Pendang. Kebiasaannya mereka yang telah membuat kad pengenalan ini tidak diberitahu tarikh. Kalau diberitahu pun tidak menepati tarikh yang diberitahu oleh pejabat itu.

Misalnya dia kata dua minggu, apabila kita pergi dua minggu, tak siap. Dia kata dua minggu lagi. Sampai berkali-kali pemilik kad pengenalan itu pergi, masih belum siap. Akhirnya kad pengenalan berlonggok-longgok di pejabat di Pendang tersebut dan saya nak tahu berapa lamakah sesuatu pejabat itu boleh menyimpan kad pengenalan yang telah siap sebelum dihantar semula ke ibu pejabat. Kerana ini mungkin menyebabkan kesusahan kepada orang yang membuat kad pengenalan tersebut kerana terpaksa pergi ke pejabat tiga atau empat kali. Sekali pergi kena RM30 sewa teks.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Yang Berhormat bagi Bukit Gelugor.

3.57 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 040000 - Pendaftaran Negara. Pihak Pendaftaran Negara Tuan Pengerusi, ada kuasa untuk mengisukan MyKad dan isi kandungan MyKad adalah apa yang dalam fikiran pihak Pendaftaran Negara harus dimasuki dan boleh dianggap apa yang ada di dalam MyKad itu, isi kandungannya adalah benar dan boleh diterima sebagai benar. Dan baru-baru ini dalam kes Rayappan. Dalam kes Rayappan, apa yang terjadi adalah Tuan Pengerusi, Rayappan adalah apabila dilahirkan agama dia adalah *Christianity*. Dia

berkahwin dengan seorang Kristian. Dan selepas itu berkahwin dengan seorang perempuan Islam.

Tapi sebagai melalui suatu *deed poll* dan kembali ke agama asal dia iaitu *Christianity*. Dan pihak Pendaftaran Negara terima *deed poll* itu dan nama dia ada ditukar dalam MyKad kepada Rayappan Anthony dan tidakkah ada apa-apa dalam MyKad yang menunjukkan dia kekal sebagai seorang Islam. Kenapa pihak khasnya JAIS berdegil untuk mendapat jenazah dia untuk dikebumikan.

Jika seseorang tidak mahu kekal dalam Islam, kenapa JAIS berdegil untuk menentukan dia dikebumikan sebagai seorang Islam walaupun dia diterima oleh pihak pendaftaran negara sebagai seorang yang bukan Islam. Bolehkah saya dapat penjelasan daripada kementerian kenapa tidak asas diberi kepada Perkara 11 dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu kebebasan untuk pilih agama. Ini adalah satu perkara yang penting dan saya mahu satu jawapan daripada kementerian selepas ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat bagi Jaslin.

4.01 ptg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jaslin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 01000.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu perkara Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jaslin]: Satu perkara sahaja iaitu Pengurusan Dasar Hal Ehwal Dalam Negeri, berkenaan dengan pengambilan buruh asing terutamanya dalam segi pengambilan buruh asing yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Buruh Asing, pekerja daripada Bangladesh. Yang saya hendak tanya kepada kementerian, apa istimewanya pekerja Bangladesh yang mana kilang-kilang memohon kepada kementerian dan apabila mendapat kelulusan, kementerian telah menyatakan dalam surat kelulusan itu mesti melalui sebuah syarikat yang dinamakan BAIRA Sdn. Bhd.

Walhal kita telah mengambil buruh asing dari Indonesia, Myanmar, Vietnam, Cambodia, Sri Lanka dan macam-macam tetapi tidak ada syarat ini hanya Bangladesh sahaja yang ada syarat mengambil daripada BAIRA Sdn. Bhd. Saya telah menyiasat di pertubuhan syarikat, didapati bahawa Baira Sdn. Bhd. ini dipunyai oleh seorang Ahli Parlimen Bangladesh dan rakan kongsinya orang tempatan ialah seorang bekas pegawai imigresen dan isterinya...baru-baru ini kerajaan telah meluluskan lebih daripada 10 ribu pekerja Bangladesh untuk dibawa masuk tetapi sehingga hari ini saya difahamkan tidak sampai 1000 dibawa masuk kerana saya dimaklumi bahawa BAIRA ini telah mengutip kepada agen-agen Bangladesh hampir RM2,000 satu pekerja.

Itulah sebabnya bahawa pada hari ini pekerja-pekerja Bangladesh kurang datang ke negara ini walaupun kelulusan *calling Visa* sudah keluar kerana terpaksa bayar kepada BAIRA. Saya hendak minta kementerian siasat siapa di belakang BAIRA ini? Bolehkah di mana maruah kita, di mana maruah negara kita yang kita membenarkan seorang Ahli Parlimen daripada Bangladesh tubuh syarikat dengan kerjasama rakyat tempatan selepas itu konon untuk mengawal, mengawal keadaan pekerja-pekerja Bangladesh di dalam negara dengan *payment*. Baru-baru ini saya difahamkan bahawa orang-orang BAIRA oleh sebab dia sudah kira hampir RM2,000, kalau kerajaan membenarkan masuk 100 ribu dia akan dapat hampir RM1 bilion.

Mereka pada hari ini datang ke negara kita dengan *private jet*. Saya minta kerajaan kalau benda ini dibuat untuk Bangladesh mengapa tidak buat kepada pekerja Indonesia, mengapa tidak buat kepada pekerja Vietnam, mengapa tidak buat kepada pekerja Myanmar? Hanya mengapa kepada pekerja Bangladesh, oleh demikian saya minta kerajaan kita ada maruah kita sendiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jaslin]: Maruah kita sendiri dan kalau kita hendak pekerja Bangladesh mereka mesti datang ke negara kita dengan syarat dan peraturan yang kita tetapkan, negara kita tetapkan. Mengapa harus ada orang tengah BAIRA ini yang sengaja diwujudkan hendak mengambil keuntungan daripada pekerja. Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat bagi Jasin. Yang Berhormat bagi Setiu.

4.05 ptg.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 040200 - Rekod Pendaftaran Penduduk. Ini perkara yang ingin saya menyentuh mengenai kelahiran anak-anak bayi-bayi kecil contohnya di kawasan bersempadan Besut, Terengganu yang melahirkan anaknya di Hospital Universiti, Kubang Kerian. Apabila berlaku kelahiran di negeri Kelantan maka kod kelahiran tersebut ialah 11 akan tercatat di dalam kad pengenalan yang akan kekal sampai bila-bila. Begitu juga kalau di Kelantan, lahirnya di Terengganu akan meninggalkan kod 03, kalau di Terengganu kod 11. Jadi yang menjadi masalahnya ialah apabila anak tersebut lahir di Kelantan, hak-hak keistimewaan yang ada yang melibatkan di negeri Terengganu akan terjejas.

Begitu juga kalau anak yang Kelantan itu lahir di Terengganu dia tidak akan mendapat hak istimewa kecuali melalui beberapa proses yang agak sulit. Boleh tidak kementerian mengkaji balik supaya pemilihan kod kelahiran ini ditentukan hak keluarga ibu bapa mereka.

Yang kedua mengenai RELA, Butiran 04000. Apa kata sekiranya berlaku di kalangan anggota RELA itu didapati penagih dadah? Ataupun pernahkah di kalangan anggota RELA itu dibuat ujian air kencing? Sekiranya air kencing mereka didapati positif dengan dadah, apakah tindakan yang sepatutnya diambil? Begitu juga hari ini saya ingin menyorotkan kepada pihak kementerian supaya memberi lebih kekuatan kepada RELA kerana sering kali hari ini kita dengar kes-kes pecah rumah, rompak, samun di kawasan luar bandar begitu ketara sekali.

Apa salahnya diberi insentif kepada anggota RELA ini yang bekerja untuk membendung masalah sosial, masalah rompak samun dan sebagainya ini supaya menampakkan lebih lagi kehebatan RELA ini benar-benar terlaksana di peringkat akar umbi. Saya rasa itu sahajalah, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat bagi Rasah.

4.07 ptg.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh isu Pendaftaran Pertubuhan, Butiran 020100. Didapati ada sebilangan kecil kumpulan masyarakat, sebelum mendapat kelulusan pendaftaran pertubuhan biasanya ada menubuhkan satu jawatankuasa penaja untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu. Oleh sebab tiada pendaftaran yang sah jawatankuasa penaja ini kadangkala boleh melakukan kegiatan dengan tidak betul. Jadi didapati ada juga sesetengah jawatankuasa penaja itu menjalankan aktiviti sehingga dua, tiga tahun dan juga tidak tahu sama ada jawatankuasa penaja itu ada membuat permohonan pendaftaran pertubuhan atau sengaja tidak melakukannya.

Didapati dalam jawatankuasa penaja ini cuba melibatkan dua, tiga orang sahaja yang aktif dan barangkali orang-orang ini ada sedikit kenamaan dalam masyarakat tempatan untuk mendapatkan kutipan wang dari orang ramai untuk tujuan tertentu. Kadangkala kutipan wang itu juga ada banyak sekali sehingga ratus ribu. Akaun kutipan dan perbelanjaan juga tiada diumumkan dan juga tiada dapat diketahui sama ada wang kutipan itu ada dibelanjakan dengan sempurna atau sudah disalahgunakan oleh dua, tiga orang jawatankuasa penaja ini. Tuan Pengerusi, oleh itu saya cadangkan jawatankuasa penaja itu mesti ada hak tempoh masa untuk didaftarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Kerajaan patut ambil tindakan ke atas jawatankuasa penaja yang menjalankan kegiatan sehingga dua, tiga tahun masih belum buat permohonan kepada jabatan. Hukuman berat perlu dikenakan kepada mereka yang sengaja tidak memohon untuk didaftarkan. Jadi Pegawai Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri perlu buat siasatan lebih sedikit dengan sendiri turun ke padang. Saya percaya jika pegawai-pegawai kementerian kita ada ambil serius ambil aktif pasti orang ramai dapat beri info atau maklumat yang banyak untuk menjalankan siasatan. Ini akan dapat mengelakkan

orang-orang tertentu menggunakan Jawatankuasa Penaja untuk keuntungan dan kepentingan diri sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bintulu, tiga minit. Kalau boleh, berucap. Kalau tidak boleh, saya hendak bagi kepada orang lain.

4.10 ptg.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya cubalah. Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini saya mahu sentuh dua masalah. Satu masalah Butiran 030000 - Imigresen dan satu lagi Butiran 040000-Pendaftaran Negara.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila tukar tempat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini mengenai imigresen, Bintulu sekarang ada masalah *illegal immigrant*. Saya ingin bertanya kepada imigresen kenapa tidak ada tempat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak minta Yang Berhormat bagi Sri Gading balik tempat dia.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini sudah satu minit habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, itu saya boleh tolak.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini masalahnya kita hendak minta Imigresen ambil tindakan tetapi Imigresen kata kita tidak boleh buat apa-apa. Saya tanya apa masalah? Dia cakap tangkap boleh, tempat hendak simpan tidak ada. Tetapi saya difahamkan Jabatan Imigresen atau kementerian sudah membina Pusat Tahanan Sementara Imigresen di 'Pekenu'. Tarikh bermulanya projek ialah 13 November 2003. Tarikh siap projek ialah 30 November 2005. Tarikh rasmi ialah 26 Jun 2006. Ketua Pengarah Imigresen rasmi tetapi sampai hari ini belum lagi mula operasi. Saya mahu tanya apa masalahnya?

Saya diberitahu daripada pegawai tiada kakitangan. Saya difahamkan depot ini diketuai oleh seorang pegawai imigresen dan lima orang penolong penguat kuasa dan 240 orang anggota. Sampai hari ini kenapa jawatan Ketua Imigresen atau KSU dari kementerian ini tidak berbuat apa-apa. Kalau depot itu tidak boleh diguna, bagus kita minta orang kampung masuk pelihara ayam. Cantik juga, semua sudah ada pakar, semua sudah siap. Tetapi simpan sahaja, masalah di Bintulu tidak boleh selesai. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Satu lagi, tentang pendaftaran negara ini saya minta lagi sekali Jabatan Pendaftaran Negara ambil perhatian dan tindakan yang serius mengenai isu-isu iaitu orang belum lagi daftar, dapat IC dan surat lahir di kawasan pedalaman. Sebulan yang lepas saya sudah beritahu orang hidup pun susah, orang mati pun susah. Saya tidak tahu Tuan Pengerusi, apa hendak buat lagi. Saya haraplah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat beri penjelasan sedikit. Sekian, Terima kasih.

4.13 ptg.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 030200 - Kawalan Imigresen. Tuan Pengerusi, di dalam Perancangan Wilayah Pembangunan Iskandar terdapatnya satu kawasan yang dipanggil *free access zone* (kawasan bebas pergerakan) yang melibatkan di jambatan kedua kawasan seluas lebih dari 600 ekar. Sementara di kawasan CIQ, lebih 25 ekar kawasan ini digazet atau dicadangkan sebagai kawasan *free access zone*. Maka ini mengikut takrifan saya, *free access zone* bererti bahawa akan wujud kawasan komersial di mana pergerakan warga negara jiran bebas keluar masuk di kawasan ini.

Maka satu ketika dahulu Imigresen ada mengeluarkan pasport terhad. Saya ingin mencadangkan kalau boleh untuk setidak-tidaknya masyarakat di Johor diberikan kelonggaran untuk memiliki pasport terhad ini supaya mereka yang terlibat dengan kegiatan di *free access zone* mempunyai juga peluang untuk keluar masuk ke negara jiran dengan lebih mudah lagi kalau berbanding dengan mereka yang memiliki pasport antarabangsa. Jadi, saya ingin di dalam Butiran ini mencadangkan kepada kerajaan supaya dapat mempertimbangkan pengeluaran semula pasport terhad ini kepada masyarakat khususnya

di Johor yang terlibat di dalam kawasan Pembangunan Wilayah Iskandar ini yang mempunyai kawasan *free access zone*. Sekian, terima kasih.

4.15 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang bijaksana. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya kasihi Butiran 02000 - Bahagian Penerbitan dan Kawalan Filem. Saya berharap Tuan Pengerusi, pihak kementerian boleh memperketat dari segi garis panduan bagi semua majalah yang ada di dalam negara kita dan tidak kira dalam atau luar negara. Kita tidak mahu selit untuk *business* dan untuk menarik pelanggan, gambar-gambar yang boleh menjolok mata. Kerana ini akibatnya boleh berlaku kepada sumbang mahram. Salah satu sebab, saya buat kajian walaupun tidak secara *detail*. Ini juga boleh menyebabkan haruan makan anak. Dan ini juga boleh menyebabkan bapa tiri makan anak tiri. Ini akibat daripada majalah-majalah yang bebas dan yang tidak terkawal.

Yang kedua ialah kerana filem-filem kita terlepas pandang. Sebab itu saya kata dalam Malaysia ini kita tidak mahu ada dua mekanisme. Untuk penapis filem mesti satu. Ini Astro saya dapat tahu ada penapisan filem tersendiri. Yang duduk pula di penapisan filem ini tidak ada *basic* tentang nilai murni, tua pula. Apabila tengok filem dua jam terlepas pandang. Maka dengan filem-filem ini juga contohnya (*by example*) dengan izin Tuan Pengerusi, cium ini tidak ada dalam budaya kita. *Kiss* kata orang putih. Tidak ada dalam budaya kita dan kalau ditunjukkan kepada anak cucu kita bercium di dalam TV dia akan bawa...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: 'Cik Puteh' diam dahulu. Saya hendak cerita.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Menyampuk] [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, kalau hendak bercakap sila bangun.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Jadi akhir sekali Tuan Pengerusi... Mereka orang DAP, perempuan kalau dengar bercium, dia tidak faham tetapi dia bising.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat pernah cium isteri atau cucukah? Adakah?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya tidak beri laluan sebab masa tidak cukup. *Romance* kalau kita kata, romantik. Kemudian satu lagi Tuan Pengerusi, RELA ini kita mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat kita tadi beri cukup positif. Kita hendak apabila RELA ini penuh rela berkorban untuk bangsa, agama dan negara kita beri dia *facilities*. Itu sahaja. Ubi kayu biji...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Belum lagi. Ubi kayu biji beli di Lenggong. *Thank you*, terima kasih saya menyokong.

4.18 ptg.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya minta penjelasan tentang Perkara P.61, Butiran 02000 - Bahagian Penerbitan dan Kawalan Filem yang berhubungan dengan pengurusan dasar hal ehwal dalam negeri. Kementerian yang bertanggungjawab tentang kawalan buku dan penerbitan adalah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Jadi, izinkan saya bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapa bahagian dan berapa kementerian yang sebenarnya terlibat dalam pembentukan dan pelaksanaan dasar dan peraturan yang berkaitan dengan kawalan buku sepertimana yang dilaporkan dalam media baru-baru ini iaitu karya-karya klasik, sastera klasik dan ternama yang digunakan dalam kursus sastera yang digunakan di universiti-universiti kebangsaan dengan izin, seperti *Things Fall Apart* oleh Chinua Achebe, *The Malayan Trilogy* oleh Anthony Burgess, *Midnight Children* oleh Salman Rushdie dan *Immortality* oleh Milan Kundera.

Adakah ini merupakan satu kes dengan izin, *overlapping* antara pengurusan kedua-dua kementerian tersebut? Soalan susulan yang ingin saya bertanya kepada pihak kementerian ialah berapa pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan P.61 Butiran 02000 dan apakah kegiatan-kegiatan yang sebenarnya dijalankan?

Perkara kedua yang saya ingin minta penjelasan terkandung dalam Butiran 04000 iaitu RELA. Kita jelas melihat iaitu baru-baru ini kerajaan lebih bergantung pada pihak RELA untuk menjalankan operasi besar-besaran dengan pihak imigresen dan polis. Tetapi terdapat juga akhbar tempatan dan antarabangsa dan termasuk kajian daripada NGO hak asasi manusia yang telah melaporkan bahawa terdapat penyalahgunaan kuasa yang ketara. Contoh-contohnya ialah seperti berikut:-

- (i) pada bulan Februari terdapat beberapa laporan bila mana pihak RELA telah mengasari 61 warganegara India yang berada di hadapan Kedutaan India. Walaupun masalah mereka sebenarnya berkaitan dengan majikan mereka yang tidak mahu membayar gaji;
- (ii) Operasi Imigresen yang dijalankan pada bulan Mei di Pasar Selayang dan Sri Kembangan juga terdapat beberapa tuduhan penyalahgunaan kuasa yang serius terhadap pihak RELA seperti keganasan dan juga aduan mengenai rasuah;
- (iii) kes pelarian-pelarian politik dari negara Myanmar termasuk kanak-kanak dan wanita yang hamil juga menjadi sasaran semasa operasi yang dijalankan oleh pihak RELA. Walaupun isu mereka adalah satu isu antarabangsa dan diiktiraf sebagai masalah besar oleh pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga oleh ASEAN. Tetapi seperti mana yang dinyatakan oleh Menteri Luar Negara sendiri. Saya telah pun menerima beberapa laporan dan kajian di mana pihak RELA dituduh terlibat dalam ugutan, rasuah dan pencurian;
- (iv) terdapat juga beberapa laporan akhbar di mana ada pelarian yang meninggal seperti kes dua kanak-kanak Filipina yang mati semasa operasi dan kes dua orang Myanmar yang mati lemas semasa satu operasi di Selayang.

Soalan pokok saya ialah, tidakkah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberi latihan di mana pihak RELA dididik dalam hak asasi manusia? Adakah mereka menjalankan latihan terperinci dan mendalam seperti mana terdapat dalam kursus latihan polis?

Apabila kita berhadapan dengan pelarian politik yang sengsara seperti contohnya dari negara Myanmar, kita sepatutnya ada peraturan khas bagaimana kita menangani isu tersebut. Tanpa penggunaan taktik yang kasar dan langsung tidak berperikemanusiaan. Kerajaan kitalah yang akhirnya terpaksa bertanggungjawab kalau ada adegan-adegan pihak RELA mencemari imej dan nama baik negara kita.

Peruntukan untuk butiran ini sebanyak RM30 juta kelihatan satu perbelanjaan yang terlalu besar dan longgar dan kita harus menyoal diri adakah peruntukan ini digunakan secara wajar untuk kebaikan negara? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

4.23 ptg.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Butiran 0200, iaitu bahagian kawalan filem. Saya ingin merujuk kepada Akta Penapisan Filem 2002, iaitu seksyen 5, memiliki menyebar, mengedar, menayang, mempamerkan bahan-bahan lucah dan juga bertentangan dengan kesopanan awam. Saya kira akta serupa ini dalam konteks alam *cyber* sekarang ini agak sukar untuk kita kawal. Saya baru terima dalam '*cyfrom*' 33377, pukul 13.5510. "RM000 *Hot Pictures. Get sexy girls in your handphone now!*" Ya, baca sekali lagi. Barangkali kalau hendak pun, dapat ini. Ini daripada *address* ini 33377, RM00. Tak ada kos barang kali ini. "*Hot pictures, get sexy girls into your handphone*". Tetapi ada tulis lagi itu bagaimana? Kerana ada ditulis di sini

RM2.50. Saya hendak tanya sekarang ini, bagaimanakah kita dapat mengawal *cyber pornographic*? Apakah dengan Akta Penapisan Filem 2002 ini, mempunyai daya kuasa dan penguatkuasaan bagi kita mengawal segala kelucahan perkara-perkara yang tidak sopan ini?

Selain daripada itu juga, saya berpendapat dan berperasaan kerjasama daripada kementerian ini dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dalam usaha mereka menyerbu pusat-pusat atau tempat-tempat yang mengeluarkan bahan-bahan serupa ini, saya kira tidak akrab. Kadang-kadang rahsia dan kesulitan itu. Kerahsiaan dan perkara-perkara sulit itu bocor di tengah jalan. Akibatnya hendak mengeledah tempat-tempat itu tidak berjalan dengan sepatutnya.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 04000 saya merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara berhubung dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Daripada laporan ini saya kira kementerian harus mengambil tindakan yang segera dalam mengorak langkah untuk merancang peruntukan dan perbelanjaan untuk tahun yang akan datang ini. Iaitu terdapat beberapa kegagalan. Mengikut kontrak, semua sistem IJPN sepatutnya beroperasi sepenuhnya pada bulan Mei 2006. Walau bagaimanapun, hanya tiga daripada sebelas daripada sistem tersebut telah dapat disiapkan dan beroperasi. Ertinya terdapat kelompangan dari segi pelaksanaan.

Bagi tempoh 2003 sehingga 2005, sebanyak 29,000 permohonan MyKad tidak dapat diproses mengikut tempoh yang ditetapkan kerana maklumat tidak tepat, data pemohon diragui dan masalah perbandingan cap jari. Terdapat lagi isu-isu lain yang berbangkit dalam laporan audit ini. Saya mohon sekiranya bahagian yang berkenaan, jabatan yang berkenaan, Jabatan Pendaftaran Negara menyemak dan mengambil tindakan di atas laporan audit ini agar tidak sekali-kali menjadikan laporan audit sebagai kosmetik dan laporan yang tidak ada diambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Mambong bangun lebih awal daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat bagi Mambong, sila.

4.26 ptg.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang Butiran 030200 - Kawalan Imigresen. Pada mesyuarat Parlimen tahun lepas, saya juga ada sentuh tentang pemindahan Pos Imigresen daripada Kampung Padawan ke Kampung Sepit. Jawapan oleh kementerian ialah jika pihak Indonesia sudah bersetuju, pos itu akan dipinda. Sekarang saya difahamkan bahawa pihak Indonesia sudah bersetuju dan pihak Indonesia juga telah pun meletakkan tentera mereka dekat sempadan. Masalah sekarang terjadi, yang pertama, askar Indonesia kerap datang ke Kampung Sepit untuk minta ayam, minta beras, dan lain-lain makanan. Itu masalah pertama.

Yang kedua, sekarang ada penjualan senjata api yang dibuat oleh orang-orang di Indonesia di kampung-kampung. Ini masalah besar. Penjualan senjata api di Kampung Sepit. Jika ada pihak imigresen dekat situ, tentu ini tidak berlaku. Tetapi sekarang sudah berlaku. Saya sudah melaporkan kepada pihak polis di Pekan Batu 10, untuk menyiasat perkara ini sama ada benar atau tidak? Sebab saya mendapat maklumat daripada orang-orang kampung. Jadi ini sudah jadi masalah *security* dan saya harap pihak imigresen dengan secepat mungkin memindahkan Pos Imigresen daripada Kampung Padawan ke Kampung Sepit. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

4.29 ptg.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut berbahas bagi Butiran 04000 - Pendaftaran Negara dan Butiran - 040200 Rekod Pendaftaran Penduduk. Jabatan-jabatan Pendaftaran Negara telah diberikan satu peruntukan yang agak besar juga. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kenapakah pihak Jabatan Pendaftaran Negara telah gagal menghadiri jemputan ataupun panggilan daripada *Select Committee Integrity* yang ingin bertanya pihak Jabatan Pendaftaran Negara tentang

penambahan penduduk negeri Sabah yang luar biasa. Saya difahamkan sudah dua kali dipanggil tetapi ini boleh dikira *contempt of Parliament* sebab Jabatan Pendaftaran Negara gagal untuk menghadiri. Dalam beberapa soalan yang saya telah bawa meminta penjelasan tentang penambahan penduduk Sabah yang luar biasa ini.

Saya ingat pada hari ini semua penjelasan adalah tidak boleh diterima. Antara penjelasan mengatakan bahawa dulu tiba-tiba banyak rakyat Sabah yang dulunya tidak ada surat beranak, tidak ada kad pengenalan, tiba-tiba mereka berjaya untuk memperoleh kad pengenalan melalui gerakan pemberian kad pengenalan dan sebagainya. Dan ini kepada orang-orang tempatan Sabah ataupun anak-anak peribumi di Sabah, kita tidak menerima itu sebab kalau itu berlaku di negeri Sabah, kenapa pulak dari Sarawak. Saya ingat pada hari ini tidak ada jawapan. Oleh sebab itu pada hari ini ramai di negeri Sabah menyatakan bahawa sebenarnya PATI ataupun PTI di negeri Sabah, pendatang tanpa izin sudah berubah menjadi PADI, pendatang asing dengan izin, bukan lagi tidak izin tetapi sudah pendatang tetap dengan izin.

Dan mereka inilah yang menyebabkan banyak masalah di negeri Sabah. Sabah ini dikatakan mempunyai kadar kemiskinan tertinggi, mereka inilah. Sabah ini mempunyai kadar air tidak terhasil sebab orang inilah. Sabah ini banyak jenayah, fasal orang inilah. Dan oleh sebab itu, jelas bahawa Jabatan Pendaftaran Negara ini telah gagal dan barangkali ini disebabkan oleh struktur jabatan ini. Saya ingin mencadangkan Tuan Pengerusi supaya Jabatan Pendaftaran Negara ini mengambil jejak langkah Jabatan Operasi yang tidak lama lagi akan dijadikan sebagai Suruhanjaya Operasi. Saya ingin mencadangkan supaya Jabatan Pendaftaran Negara dijadikan sebagai satu suruhanjaya sebab ia melibatkan hal-hal kewarganegaraan yang amat penting. Mana boleh seorang ketua pengarah ataupun seorang Pengarah Jabatan Pendaftaran di peringkat negeri membuat keputusan sama ada seseorang itu akan diberi kewarganegaraan ataupun tidak.

Saya mencadangkan supaya ditubuhkan suruhanjaya ini supaya dengan adanya suruhanjaya ini maka lebih senanglah kita memantau. Dan dengan itu juga, suruhanjaya itu akan diminta untuk memberi laporan-laporan tahunan yang akan dihantar ke Parlimen supaya kita boleh memantau soal-soal kependudukan, soal-soal kewarganegaraan di negara kita.

Seterusnya Tuan Pengerusi dan yang terakhir, saya ingin beralih ke Butiran 030000 - Imigresen. Dalam hal ini, saya ada satu perkara ingin dibangkitkan iaitu apabila pihak imigresen telah menahan beberapa buah buku yang dibawa oleh sebuah gereja di negeri Sabah iaitu Gereja Jesus Benar. Buku-buku itu adalah buku-buku nyanyian dalam gereja dan tiga kotak dibawa daripada Indonesia dan ditahan di KLIA. Sebenarnya buku-buku itu bukanlah apa, ia cuma buku-buku nyanyian. Dan apabila kita menyatakan bahawa bahasa Melayu ini adalah bahasa yang digunakan oleh semua, yang boleh digunakan dalam pelbagai urusan, sama ada urusan keagamaan, urusan pentadbiran, urusan perniagaan dan sebagainya.

Tetapi buku-buku ini telah ditahan sehingga pada hari ini dan saya selaku Ahli Parlimen apabila pihak kerajaan telah mengadu kepada saya, saya telah menulis surat beberapa kali, balasan pun tidak. Langsung tidak ada balasan dan saya telah mengadu, saya telah menyatakan perkara ini dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Perpaduan dan seorang pegawai telah menyatakan pada saya, Yang Berhormat beritahu pada saya, saya ambil telefon dia, saya menghantar maklumat-maklumat tetapi sehingga hari ini tidak ada balasan. Saya ingin tahu apakah sebabnya, kenapa buku yang bertajuk "Kidung Allah" ini satu buku, di dalamnya hanyalah nota-nota muzik, sebab dia gunakan nyanyian dalam gereja. Kenapakah ia ditahan? Apakah buku ini dianggap sebagai satu ancaman kepada keselamatan negara ataupun bagaimana?

Dan apabila pihak gereja sekali lagi malah pagi tadi pun ada juga SMS daripada pihak "pastors", saya menyatakan bahawa saya ingat barangkali langkah sebaik mungkin pihak gereja boleh pergi ke mahkamah dan menuntut melalui mahkamah tentang tiga kotak buku ini. Sebenarnya Tuan Pengerusi, hal-hal seperti ini memberi imej kepada negara kita keadaan yang tidak baik. Sebab ini sesuatu untuk pembangunan rohani. Jadi saya ingin bertanya apakah kotak-kotak itu, tiga buah kotak buku-buku ini masih di KLIA ataupun sudah dibakar ataupun bagaimana? Itu sahaja Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

4.35 ptg.

Datuk Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 040200 dan 040300 iaitu berkenaan dengan rekod pendaftaran penduduk dan kawalan pendaftaran. Saya ingin tahu kedudukan tentang kes pendatang tanpa izin yang berlaku lebih dari 20 tahun yang lalu, yang mana mungkin mereka ini datang pada peringkat awal adalah secara sah tetapi oleh kerana mereka tidak memperbaharui ataupun majikan mereka tidak memperbaharui rekodnya, maka mereka ini jadi tidak sah dan mereka ini tinggal jauh di pedalaman, di dalam ladang-ladang dan sebagainya. Mereka ini ada yang datang suami dan isteri, jadi apabila datang suami dan isteri maka ada di antara mereka yang mendapat anak. Dan anak ini lahir di dalam negara ini kemudian anak ini didaftarkan oleh orang tengah. Yang mana ada di antara sijil kelahiran mereka ini yang tidak lengkap misalnya tidak ada nama penuh ibu bapa mereka, tidak ada tarikh lahir dan sebagainya. Tetapi apabila anak ini membesar lebih daripada 12 tahun, anak ini telah pun mendaftar untuk mendapatkan kad pengenalan. Dan ada di antara mereka ini telah pun diberikan kad pengenalan ataupun penduduk tetap yang mempunyai tarikh *expired* ataupun tarikh lupus. Dan yang menjadi masalahnya ialah apabila tarikh ini lupus, tetapi mereka ini tidak boleh untuk memperbaharui kad ini. Jadi mereka tinggal sebagai pendatang yang tidak tahu kedudukannya kerana mereka lahir di sini dan untuk balik ke tempat asal mereka, mereka pun tidak tahu sebab ibu bapa mereka masih lagi tinggal di sini. Jadi yang mendatangkan masalah ialah apabila mereka ini ingin berkahwin atau sebagainya.

Ada di antara mereka ini yang menggunakan kad pengenalan orang lain untuk berkahwin dan sebagainya. Sebab itu kita ada dengar dulu di Johor, bernikah menggunakan kad pengenalan orang lain. Apabila mati buat tuntutan EPF dan sebagainya, orang lain punya. Jadi saya hendak tahu status ataupun kedudukan orang-orang ini yang mempunyai kad pengenalan yang tidak boleh diperbaharui ini. Terima kasih.

4.38 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya menyentuh satu perkara sahaja 030200 - Kawalan imigresen. Saya hendak minta kementerian melihat semula kepada masalah kesesakan di Tambak Johor yang berlaku hampir setiap hari dan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah kesesakan di Tambak Johor.

Tuan Pengerusi, setiap hari bilangan pengguna Tambak Johor adalah 213 ribu, itu setiap hari. Dan itu bagi Januari hingga November tahun ini. Dan angka ini termasuk rakyat Malaysia dan pelancong dari seluruh dunia. Kalau diambil kira pelancong sahaja, pelancong yang masuk ke Malaysia melalui Tambak Johor, setiap hari adalah 89 ribu iaitu dari Januari hingga November 2006.

Jadi menjelang Tahun Melawat Malaysia 2007 dan juga satu rancangan pembangunan raksasa iaitu Pembangunan Wilayah Iskandar di Johor, saya minta langkah-langkah diambil untuk menambahkan kaunter pemeriksaan imigresen di *check point* Johor Bahru supaya melicinkan lagi pemeriksaan imigresen di Johor Bahru.

Dan saya ingin mencadangkan juga kerajaan berbincang dengan pihak berkuasa kerajaan Singapura supaya satu pas istimewa digunakan untuk rakyat Malaysia dan juga rakyat Singapura bagi tujuan masuk ke Malaysia dan Singapura.

Saya berpendapat bahawa langkah ini pasti akan merapatkan hubungan sosial dan ekonomi antara dua negara dan juga mendatangkan manfaat kepada Projek Pembangunan Wilayah Iskandar dan selain daripada melicinkan lagi pemeriksaan imigresen di Tambak Johor. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

4.40 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh tentang tiga perkara 030100 tentang imigresen. Saya sebagaimana rakan-rakan yang lain ingin mendapat satu penjelasan apakah definisi sebenarnya *free access zone* ini iaitu Projek Pembangunan Wilayah Iskandar ini, adakah bermakna rakyat Singapura, Selatan Johor ini akan masuk dan keluar daripada negara ini

dengan tidak menggunakan sebarang dokumen ataupun passport. Ini saya minta penjelasan supaya tidak terkeliru dengan apa yang dikatakan *free access zone* ini.

Yang kedua, tentang laporan-laporan yang saya baca daripada Human Right Budge, kemudian *MST International* di mana satu kelompok ataupun kumpulan yang masih bermasalah termasuk yang tinggal dalam negara kita ialah tentang pelarian Rohingya yang masih lagi tidak ada satu keputusan dan pelaksanaan yang konkrit terhadap masalah mereka. Mereka perlu mendapat pekerjaan, anak-anak mereka perlu bersekolah dan adakah telah ada suatu dasar dan pelaksanaan bagi menyelesaikan masalah mereka.

Kerana apabila saya mengadakan kunjungan hormat untuk berjumpa dengan pihak pengurusan UNHCR, saya mendapati bahawa seolah-olahnya mereka dikategorikan sebagai golongan kelas tiga, bukan dua. Mereka tidak *direcommend* dengan sungguh-sungguh untuk dihantar ke negara ketiga, tidak semacam pelarian dari Vietnam dahulu ataupun mana-mana kumpulan pelarian yang lain. Mungkin kerana faktor agama mereka yang menyebabkan mereka tersisih ataupun terlepas pandang daripada pihak UNHCR.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, Butiran 040200 tentang Rekod Pendaftaran Penduduk ini. Saya membawa satu isu di mana seorang warganegara Malaysia yang secara kebetulan berkahwin dengan seorang warganegara Indonesia, isterinya sekarang ini dan kebetulan tamat tempoh pas permit kerjanya dan terpaksa pulang mengikut undang-undang untuk balik semula ke negara asal, Indonesia dan memakan masa enam bulan, barulah boleh pulang balik ke Malaysia. Sekarang ini dia mengandung tiga bulan, sudah tentu ini mendatangkan masalah kepada suami tersebut dan anak yang dilahirkan.

Oleh itu, adakah satu *special condition* di mana dalam hal yang melibatkan perkahwinan ini, mereka telah pun berkahwin, maknanya pihak kementerian boleh melonggarkan ataupun menetapkan ada *condition* ataupun syarat baru yang membolehkan isteri ini datang kembali ke Malaysia kerana dia adalah isteri yang sah yang telah didaftarkan di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

4.44 ptg.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga perkara ringkas yang ingin saya bangkitkan. Yang pertama sekali ialah 030000 iaitu Imigresen tentang pengurusan dan kawalannya sekali.

Tuan Pengerusi, kita ingin mengucapkan tahniah jugalah kepada pihak imigresen kerana berjaya mengurus kawalan masuk tetamu-tetamu negara kita terutamanya di pintu masuk utama di KLIA dan lapangan-lapangan terbang antarabangsa yang lain. Tetapi yang menyedihkan, Tuan Pengerusi, ialah apabila kita melihat pegawai-pegawai Imigresen kita di KLIA umpamanya, menggunakan pakaian seragam *2-piece* iaitu *kot* dan seluar dan kita dapati pakaian yang digunakan oleh pegawai-pegawai imigresen ini tidak melambangkan seorang pegawai yang kemas apabila terlampau banyak kenyataan di blazer mereka. Umpamanya nama di sebelah kiri, "Berkhidmat Dengan Kualiti" di sebelah kanan dan pelbagai lagi slogan "*Visit Malaysia Year*" dan sebagainya, penuh.

Jadi ini apabila sudah pakai itu nampak berat jatuh ke bawah, jadi nampak ketidakkemasan pegawai-pegawai imigresen kita yang sepatutnya menunjukkan sikap yang tegas, kemas dan sebagainya. Ini akan menggambarkan imej yang tidak baik kepada pegawai-pegawai kita. Jadi saya minta supaya pegawai Imigresen kita ini janganlah dibebankan dengan slogan-slogan kerajaan di pakaian mereka.

Yang kedua ialah tentang kawalan imigresen, kadangkala mungkin terdapat kesesakan di pintu masuk dan kita dapati apabila kemasukan kumpulan ini telah mengatasi ruang dan mereka ini diminta duduk di atas lantai. Ini akan memberikan satu tanggapan yang negatif kepada pengunjung-pengunjung dan tetamu-tetamu lain terutamanya apabila mereka ini berkumpul, bila duduk di atas lantai seolah-olah mereka ini adalah pesalah imigrasi. Jadi ini perlu diatasi dengan menambah ruang untuk mereka duduk rehat di atas kerusi dan sebagainya.

Perkara yang ketiga yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan dengan RELA, Tuan Pengerusi, iaitu 04000 di mana saya berpendapat sudah sampai masanya untuk pihak kementerian meletakkan satu jadual harga tetap. Walaupun namanya RELA,

berkhidmat sukarela, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia tetapi kita faham bahawa khidmat mereka kadang-kadang menjangkau masa dan juga sempadan. Jadi saya mencadangkan supaya pihak kementerian meletakkan satu jadual harga tetap bagi kadar upah yang perlu dilunaskan kepada pekhidmat-pekhidmat sukarelawan rakyat ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

4.47 ptg.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh 040000 – Pendaftaran Negara. Tuan Pengerusi, di kawasan luar bandar, khususnya di Sarawak dan juga di kawasan saya di Bukit Mas, semakin ramai penduduk kita ataupun rakyat Malaysia yang tidak mempunyai dokumen mahupun kad pengenalan dan surat beranak bagi kanak-kanak.

Berhubung kait dengan perkara ini saya minta supaya tahun depan dengan peruntukan yang agak banyak di pihak Pendaftaran Negara, minta supaya pasukan kakitangan dapat datang ke kawasan-kawasan di luar bandar seperti di kawasan Bakelalan dan juga Bario kerana untuk penduduk-penduduk kampung datang ke pejabat untuk tujuan mendaftar anak-anak yang baru lahir mahupun urusan pengambilan dokumen-dokumen yang lain perlu belanja RM300 ke RM500. Ini untuk satu perjalanan turun ke pejabat di daerah.

Jadi ini membebaskan rakyat dan saya sekali lagi mohon supaya pihak jabatan dapat menghantar pasukan. Untuk tujuan ini, memang jabatan memerlukan kakitangan yang lebih dan supaya pihak jabatan juga dapat menyediakan kakitangan yang mencukupi.

Perkara yang kedua, ramai penduduk di kawasan daerah Limbang dan Lawas khususnya, yang dahulu kalau ibu-ibu mengandung ini waktu beranak terpaksa ke Brunei Darussalam kerana di daerah Limbang dan Lawas dahulu tidak mempunyai klinik-klinik ataupun hospital. Jadi rakyat kita terpaksa pergi ke Brunei. Apabila beranak di Brunei, tentulah laporan surat beranak atau surat kelahiran didapati dari pihak Brunei dan apabila mereka ini cukup umur untuk mendapatkan khususnya kad pengenalan, mereka diberi taraf penduduk sementara di Malaysia.

Mereka ini sudah pun memohon untuk mendapatkan penduduk tetap Malaysia tetapi sehingga hari ini saya ada beberapa permohonan yang dirujuk kepada saya telah pun memohon selama sepuluh tahun ada, tujuh lapan tahun pun ada, tetapi belum mendapat kelulusan untuk penduduk tetap melainkan masih di tahap penduduk sementara ataupun mempunyai kalau dahulu kad merah. Saya beralih kepada Butiran 034000 – Imigresen. Tuan Pengerusi, saya berterima kasih kepada pihak Jabatan Imigresen kerana sudah menyiapkan CIQ di Pendaruan di daerah Limbang dan juga akan mulai satu CIQ di daerah Terusan di Mengkalap.

Saya minta supaya projek ini dapat dilaksanakan khususnya yang baru mula ini dipercepatkan dan di Limbang itu pun di Pendaruan ini belum beroperasi. Jadi, bilakah agaknya CIQ ini dapat beroperasi. Satu lagi permintaan rakyat di daerah Limbang iaitu minta satu CIQ lagi di Pendam iaitu sempadan dengan daerah Limbang dengan Brunei Darul Salam. Jalan raya di kedua-dua belah pihak iaitu Brunei dan juga di Limbang sudah pun dilaksanakan dan digunakan secara haram oleh kedua-dua pihak rakyat di Limbang dan juga di Brunei. Oleh sebab itu CIQ di Pendam ini diperlukan, jadi saya mohonlah supaya projek ini dapat dipertimbangkan di dalam *mid-term review* nanti. Jadi, itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tawau.

4.54 ptg.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 031000 - Pengurusan Imigresen mengenai prosedur baru pengambilan pekerja asing di Negeri Sabah. Sebelum prosedur baru dilaksanakan majikan-majikan setelah diberikan kuota, hanya perlu membayar levi ke atas bilangan sebenar pekerja-pekerja yang diambil. Pada kebiasaannya majikan-majikan tidak menggunakan kesemua bilangan pekerja yang dibenarkan dalam kuota untuk mengambil kira perkara-perkara yang berlaku di luar jangkaan seperti menggantikan pekerja-pekerja yang berhenti tanpa memberi notis. Kesemua proses kerja ini boleh dilakukan di Jabatan

Imigresen tempatan oleh majikan sendiri ataupun melalui ejen-ejen mereka. Walau bagaimanapun, prosedur baru yang mula dilaksanakan bulan lepas telah menjadikan proses itu lebih mahal dan menyusahkan.

- (i) levi untuk kuota pekerja yang diberikan perlu dibayar penuh tanpa mengira sama ada bilangan pekerja yang diambil kurang daripada yang dibenarkan dalam kuota atau tidak;
- (ii) bakal majikan sendiri perlu pergi ke Kota Kinabalu untuk sesi temu duga dengan Jawatankuasa Panel Perunding Pekerja Asing.

Kelemahan yang terdapat pada prosedur baru ini ialah majikan terpaksa membelanjakan lebih banyak wang iaitu membayar levi bagi pekerja yang belum lagi bekerja dan di samping itu juga perlu membayar kos perjalanan ke Kota Kinabalu dan berada di bandar itu bagi mereka dari luar Kota Kinabalu sehingga urusan selesai. Masa untuk menguruskan pengambilan pekerja asing ini lebih lama kerana prosedur yang berubah haluan (*turn around time*) dengan izin keadaan yang menyulitkan ini akan memaksa majikan untuk mengambil pekerja tambah didokumenkan. Pada pendapat saya, kerajaan tidak sepatutnya memungut wang sebelum masanya iaitu bayaran levi bagi pekerja yang belum lagi bekerja.

Selain itu, dicadangkan supaya kerajaan mengagihkan kuasa dari pusat ke kawasan atau daerah itu *decentralization* dengan izin bagi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu. Ini sepatutnya dilakukan untuk kemudahan orang awam dan bukan untuk kemudahan kakitangan kerajaan. Salah satu moto perkhidmatan kerajaan ialah “kecekapan” yang bermaksud sistem penyampaian yang efektif dan berkesan untuk faedah orang awam. Dalam hal ini, perkhidmatan seolah-olah bergerak dalam arah yang bertentangan. Lebih banyak *red tapes*, dengan izin dan perbelanjaan meningkat. Saya berharap Jabatan Imigresen akan menyemak semula masalah yang telah saya kemukakan tadi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Lipis. Saya cuba bagi semua bercakap, tetapi Yang Berhormat ringkaskan ucapan.

4.56 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Tuan Pengerusi, bagi Maksud Bekalan dan Pembangunan 61 ini, saya akan bercakap dua butiran, yang pertama sekali Butiran 020100 - Pendaftaran Pertubuhan dan yang keduanya Butiran 040000 - RELA. Tuan Pengerusi, saya percaya atau saya penuh yakin bahawa kebanyakan badan, kelab, pertubuhan atau persatuan dalam Malaysia berdaftar dengan pendaftar pertubuhan. Walau bagaimanapun, mungkin ada badan, pertubuhan atau kelab ini yang tidak berdaftar dan mungkin ada juga yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau SSM.

Jadi, sini saya hendak bertanya adakah menjadi satu kesalahan jika sesuatu pertubuhan atau badan yang mendaftar dengan SSM tetapi bergerak sebagai pertubuhan amal semacam mendaftar di bawah pendaftar pertubuhan? Adakah pihak pendaftar pertubuhan memantau perkara ini agar badan-badan atau persatuan-persatuan ini tidak menyalahgunakan pergerakan mereka, itu yang pertama Tuan Pengerusi.

Keduanya dari segi RELA, yang pertama sekali saya memohon pihak RELA mengemaskinikan pendaftaran keahliannya agar yang benar-benar aktif sahaja yang didaftarkan sebagai ahli RELA. Saya berharap juga keahlian RELA ini ada had masanya, mungkin dua tahun atau tiga tahun. Jadi, kalau selepas dua tahun ataupun setahun, kalau kita lihat anggota-anggota RELA ini tidak aktif, maka, pendaftarannya bolehlah kita gugurkan atau kita batalkan pendaftaran keahliannya. Jadi, tidaklah nanti menjadi satu beban kepada pasukan RELA, ahlinya ramai, ada dalam tiga empat ribu orang dalam sesuatu daerah, tetapi yang aktifnya mungkin tiga empat ratus orang sahaja.

Itu yang pertama, yang keduanya dari segi kedudukan platon, jadi, saya berharap agar kedudukan platon ini memang kekal dalam satu daerah, sebagai contohnya di dalam kawasan Parlimen Lipis, ada platon yang memang dalam daerah Lipis, itu terletak, ditempatkan dalam daerah Jerantut. Jadi, ini sudah pasti menyusahkan bagi pihak-pihak yang hendak memberi bantuan. Kerana, apabila saya bertanya ada satu platon, iaitu Platon Cheka, dia kata platon ini walaupun terletak dalam daerah Lipis, dari segi lokasinya

tetapi dia diurus, atau ditadbir urus oleh Pejabat RELA daerah Jerantut. Jadi, saya berharap perkara-perkara macam ini tidak berlaku di mana diletakkan.

Yang ketiga dan terakhir Tuan Pengerusi, saya juga berharap kepada pihak RELA memikirkan balik tentang kedudukan pegawai-pegawai RELA supaya dinaikkan taraf setara dengan pegawai-pegawai daerah atau pegawai-pegawai jabatan di daerah seperti yang lain. Contohnya, pegawai RELA mungkin setara dengan pegawai ketua polis daerah atau kalau ada kem mungkin sama dengan pegawai pemerintah batalion atau juga setara dengan pegawai kebajikan daerah dan sebagainya kerana dalam keadaan sekarang saya dapati pegawai RELA dari segi gred gajinya lebih rendah tarafnya daripada pegawai-pegawai kebajikan daerah, pegawai pelajaran daerah, superintendent ataupun ketua polis daerah dan sebagainya, kerana pegawai RELA yang ada saya rasa hanyalah diletakkan gred gaji setaraf dengan kumpulan sokongan satu atau dua dalam SSM sedangkan pegawai-pegawai di jabatan-jabatan di daerah yang lain dan Jabatan Persekutuan yang lain di daerah semuanya adalah pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Jadi ini menyusahkan hubungan dari segi kerja di antara pasukan-pasukan ini. Jadi saya berharap walaupun pangkatnya sekarang telah setara tetapi dari segi gred gajinya tidak setara. Jadi saya minta pihak kementerian mengkaji balik dan menaikkan taraf pegawai-pegawai RELA daerah ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

5.01 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 040000 - RELA yang menerima peruntukan sebanyak RM30 juta. RELA dahulu kurang dikenali masyarakat tetapi sekarang menerima perhatian masyarakat berikutan dari semasa ke semasa ada sahaja berita yang memuatkan salah laku dan salah guna kuasa anggota-anggota RELA di pelbagai tempat dalam negara sejak tahun 2003 hingga 2006. Bila mereka terlibat dalam operasi menjejaki pendatang tanpa izin bersama pasukan imigresen dan polis, terbaru ialah berita beberapa hari yang lalu yang memuatkan aduan kilang-kilang di Klang mengenai sepasukan 30 hingga 40 anggota RELA beruniform dan tidak beruniform menahan 64 pekerja asing. Membelasah mereka dan mencuri wang tunai dan barang-barang berharga semasa serbuan dibuat pada hari Sabtu 2 Disember 2006. Lima kilang di Klang itu yang membuat aduan polis di IPD Polis Klang mengenai kekasaran tindakan serbuan dan pemeriksaan pasukan RELA ke atas pekerja-pekerja mereka yang terdiri daripada pekerja asing. Sebahagian mereka telah ditahan di kem tahanan Semenyih.

Saya tidak bermaksud menyokong mana-mana majikan menyimpan pekerja asing tanpa permit, tapi yang menjadikan kekesalan mereka ialah cara anggota RELA bertindak terlalu kasar yang menyebabkan ada pekerja tercedera. Tuan Pengerusi, sebelum itu ada dilaporkan tindakan serbuan RELA ke atas pekerja asing di pasar terbuka Selayang pada tengah malam 11 Februari 2006, yang mana menurut saksi para pekerja itu dipukul dan dilayan macam lembu.

BBC melaporkan kira-kira lima orang mati semasa cuba melepaskan dari tangkapan. Lima mayat itu dijumpai dalam lombong berdekatan pasar Selayang Baru. Hospital Kuala Lumpur mengesahkan empat mayat diambil dari lombong dan satu mayat lagi dikebumikan dengan cepat. Walaupun menteri mengesahkan kematian hanya dua orang dan menafikan kematian berpunca dari operasi tetapi tidak ada faktor siasatan yang menyokong kenyataan menteri.

Tuan Pengerusi, saya percaya banyak aduan telah dibuat kepada Suhakam, polis dan ibu pejabat RELA sendiri. Saya menyeru kerajaan mengarah enkui bebas dan terbuka dijalankan mengenai menyalahgunakan kuasa dan kekasaran anggota-anggota RELA ke atas setiap aduan yang dibuat selama ini.

Kerajaan hendaklah membersihkan dan menapis pasukan RELA dari anggota-anggota yang tidak berdisiplin yang ada dalam mana-mana pasukan RELA tempatan. Bawa mana-mana anggota yang didapati melakukan salah guna kuasa dan bertindak ganas atau kambing hitam ke muka keadilan. Saya akui memang perlu melibatkan anggota

RELA dalam membanteras kemasukan pendatang asing secara haram, tetapi tindakan mereka mestilah disertai bersama pasukan polis dan imigresen. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sepanggar.

5.05 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 030100 - Pengurusan Imigresen.

Sejak kebelakangan ini khasnya di Jabatan Imigresen Kota Kinabalu kita dapati kesesakan di kaunter proses passport. Ini disebabkan saya rasa oleh kerana cuti sekolah dan ramai kanak-kanak dengan ibu bapa kesesakan itu kita dapati.

Pada penghujung tahun ini memang ramai kanak-kanak yang ingin bersama-sama dengan keluarga untuk melancong, maka sebab itulah saya mohon agar jabatan ini memberi sedikit masa bagi mereka untuk proses passport. Contohnya, pegawai-pegawai di kaunter itu haruslah memberi masa ataupun kalau boleh mereka gunakan *overtime* untuk memproses passport bagi pemohon-pemohon ini.

Seterusnya Butiran 040200 - Rekod Pendaftaran Penduduk. Sejak kebelakangan ini kita dapati bahawa suku kaum khasnya di Sabah tidak termasuk suku kaum etnik-etnik di dalam bancian penduduk contohnya kita dapat lihat, di mana hanya suku kaum yang terbesar misalnya bumiputera Islam dan bumiputera bukan Islam yang dapat kita lihat dalam rekod-rekod dalam bancian penduduk ini.

Saya memohon oleh kerana memang kita bangga sekiranya suku kaum kita sendiri walaupun suku kaum etnik yang kecil, tapi kita bangga kaum kita sendiri masuk dalam rekod pendaftaran penduduk ini.

Saya memohon oleh kerana sejak kebelakangan ini kehilangan rekod suku kaum ini kita agak kesal disebabkan kita tidak ada termasuk dalam rekod pendaftaran ini. Kita memohon kepada bijaksana pendaftar ini supaya memasukkan kembali rekod-rekod di mana suku kaum etnik-etnik walaupun kecil masuk di dalam rekod pendaftaran penduduk khasnya di Sabah ini. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tenom.

5.08 ptg.

Tuan Raimi Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 040000 - Pendaftaran Negara. Apabila kita melihat di negeri Sabah terutama di kawasan pedalaman banyak di antara kampung-kampung memang susah untuk datang ke pekan. Jadi dari sudut ini Jabatan Pendaftaran Negara saya mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mengadakan satu skuad gerak untuk mendaftar masyarakat-masyarakat di luar bandar terutama yang sukar dihubungi oleh kita untuk mendaftar kad pengenalan, sijil kelahiran dan lain-lain kerana kita lihat di luar bandar ini mereka susah hendak datang dan ini banyak membantu mereka.

Saya juga berharap dapat diadakan satu program khas terutama kepada kawasan-kawasan luar bandar dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian, kerana pada tahun-tahun lalu mereka ada juga mengadakan gerakan-gerakan seperti ini. Jadi saya harap pada masa-masa akan datang gerakan-gerakan untuk mendaftar penduduk-penduduk kampung yang tidak mempunyai sijil kelahiran ataupun yang tidak mempunyai kad pengenalan dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, di sini saya merujuk kepada Butiran 020000 - Pendaftaran Pertubuhan, Butiran 010000 - Pengurusan Dasar Hal Ehwal Dalam Negeri.

Isu pertama yang saya ingin bangkitkan ialah tentang pindaan perlembagaan CAP yang mana telah pun diluluskan oleh kongres dalam parti, *convention* DAP pada 19 Mac tahun ini yang mana selepas kami membentangkan pindaan perlembagaan itu kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Negeri Selangor, kami menerima surat yang meminta kami menjelaskan tentang objektif yang termaktub dalam perlembagaan pindaan kami. Ini

termasuk yang dalam *preamble* “*The Merdeka Constitution is a Secular Document*”, kami diminta jelaskan. Selepas itu dari segi objektif :

- (i) *to strive by parliamentary means for the establishment of social democracy in Malaysia;*
- (ii) *to reaffirm and restore to Malaysia Constitution in his original secular framework as a supreme law of the land dan sebagainya;*
- (iii) *to promote an ASEAN community base on good governance democracy and respect the human rights;*
- (iv) *to promote expand and enlarge democracy at all levels particularly restoring local government election dan sebagainya.*

Objektif yang seperti ini adalah objektif yang agak umum. Kami diminta untuk menjelaskan apakah maksud semua ini. Apabila kami terima surat seperti ini daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Selangor kami rasa sangat hairan kenapakah objektif yang begitu umum yang kita boleh lihat di mana-mana dan apa-apa dokumen rasmi antarabangsa ini, kami dipersoalkan untuk memberi penerangan.

Jadi di sini saya menyeru mungkin bagi pegawai yang membuat keputusan yang penting dalam Kementerian ini, mungkin pihak Kementerian harus menghantar pegawai-pegawai ini untuk menghadiri lebih kursus ataupun latihan sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri untuk menambah pengetahuan dan *general knowledge* mereka supaya surat seperti ini yang mana susah juga untuk dijawab boleh dikeluarkan daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan yang mana ini akan secara tidak langsung menjejaskan imej pihak Kementerian. Dan saya juga menyeru pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan haruslah memberi lebih ruang dan kebebasan kepada persatuan untuk merangka perlembagaan mereka sendiri dan jangan selalu mengadakan gangguan seperti ini terhadap objektif dan juga perlembagaan sesuatu persatuan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya tentang filem ‘*Lelaki Komunis Terakhir*’. Kenapakah filem dokumentari tempatan ‘*Lelaki Komunis Terakhir*’ yang diarah oleh Amir Muhammad itu di mana telah pun diluluskan oleh bahagian penerbitan dan kawalan filem tetapi diharamkan oleh Kementerian selepas itu. Semua Ahli Parlimen telah pun dijemput untuk menonton tayangan filem tersebut oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan kami yang telah menonton filem ini mendapati tidak ada apa-apa masalah dalam filem ini kerana ia adalah sebuah filem dokumentari hiburan. Yang ada masalah adalah pengkritik yang hanya lihat atas nama tajuk filem itu tetapi tanpa menonton isi kandungan filem itu.

Jadi apa juga yang menghairankan saya ialah kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Beliau dilaporkan berkata bahawa keputusan sama ada menayang filem itu terletak pada UMNO. Jadi saya hendak tanya, bilakah keputusan yang sepatutnya dibuat oleh pihak Kementerian diatur pada UMNO dan bukannya ini menunjukkan satu kekeliruan dari segi tanggungjawab di antara parti dan Kementerian. Memandangkan pihak Kementerian masih belum meluluskan penayangan semula filem ini jadi saya ingin tanya, apakah rasional Kementerian untuk mengharamkan tayangan filem ini dan bukannya ini salah satu bentuk sekatan terhadap kesenian dan juga kreativiti dan kebebasan penghasilan seni di negara kita.

Sehubungan itu saya juga ingin tanya, yang saya tahu ‘*Malaysia Kini*’ satu media *online* mereka telah pun membentangkan permohonan mereka untuk mengeluarkan surat khabar harian. Jadi sampai hari ini mereka pun belum dapat kelulusan dan saya ingin tahu apakah sebabnya.

Akhir sekali saya juga ingin bangkitkan isu tentang kekerasan yang dilakukan oleh pegawai RELA yang mana telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bukit Bintang dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tadi. Soalan saya ialah sejak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberi kuasa kepada anggota RELA untuk menahan pendatang asing tanpa izin, kita lihat kes dan aduan tentang keganasan dan kekerasan oleh anggota RELA itu pun semakin meningkat. Ramai anggota RELA tidak pernah menjalani apa-apa bentuk latihan seperti pasukan polis. Kadang-kadang berlagak seperti *gangster*. Keadaan

ini adalah amat nyata apabila mereka menjalankan serbuan untuk menangkap pendatang asing tanpa izin.

Saya pernah menerima aduan di mana anggota RELA melayan pendatang asing tanpa izin seperti binatang. Mereka pecah masuk ke rumah warga asing, pukul dan cederakan mereka kemudian mengheret mereka ke pusat tahanan imigresen. Dalam operasi jenis ini terdapat anggota RELA yang menahan pelarian yang memegang surat UNHCR dan juga pekerja asing ataupun pembantu rumah yang mempunyai dokumen rasmi. Kadang-kadang mereka malah menahan warga asing dan pelawat dan pelancong...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...yang mempunyai visa dan pasport yang sah. Saya juga pernah menerima aduan di mana mereka anggota RELA masuk ke rumah warga Malaysia dan mengheret pembantu rumah warga Indonesia yang pasportnya disimpan oleh majikan, ke pusat tahanan imigresen dan ditahan dalam pusat imigresen itu selama beberapa hari.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, satu *point* lagi, dalam kes rompak mikrochip di *free trade zone* Batu Maung pada 20 November itu, empat di antara dua puluh orang perompak ini memakai pakaian seragam RELA. Jadi saya ingin tanya berapakah ganjaran yang diberi oleh kementerian kepada anggota RELA yang berjaya menahan pendatang asing tanpa izin. Yang kedua ialah apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian terhadap keganasan yang dilakukan oleh anggota RELA.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, cukup Yang Berhormat, cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah mereka mempunyai lesen untuk melakukan keganasan seperti ini, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sabak Bernam, selepas itu Batu Gajah dan selepas itu menteri menjawab.

5.17 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, sebab nila setitik rosak susu sebelanga.

Seorang Ahli: Hoh, tahniah!

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Ini Butiran 04000 mengenai RELA ini. Jadi saya harap kementerian ada suatu...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Itu nila Seputehkah? [Ketawa]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Boleh saya sambung Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya harap kementerian ada satu kaedah ataupun metodologi untuk menapis kumpulan kecil ini yang telah mencemarkan nama kementerian dan RELA. Perkara yang keduanya ialah saya ingin bertanya kementerian ini yang boleh menjadi satu pihak yang signifikan dalam agenda memerangi najis dadah ini. Apakah peranan yang diberikan oleh RELA dan juga Jabatan Imigresen. Yang saya lihat di situ memang boleh Malaysia memainkan peranan yang signifikan untuk mencegah kemasukan bekalan dadah dari luar negara dan juga pengedaran di dalam negara.

Yang akhir sekali, Butiran 040200 kematian dan kelahiran di negara kita ini sebenarnya setiap hari berapa ramai? Itu Sabak Bernam hendak tanya dan dalam konteks kematian apakah sebenarnya punca-punca kematian itu supaya kita dapat turut sama memberikan perhatian khususnya saya difahamkan yang teratas sekali ialah kerana sebab menghisap rokok. Jadi kalau ini dipaparkan benar menyebabkan kanser dan seumpamanya seharusnya mereka yang dalam kumpulan tidak boleh tinggalkan rokok ini harus dinilai semula. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Batu Gajah.

5.18 ptg.

Cik Fo Pong Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada dua perkara iaitu berkenaan dengan Jabatan Pendaftaran – Butiran 040000, di mana nombor kad pengenalan kita sedia maklum ramai mengetahui bahawa kalau nombor angka digit yang genap dia memberi persepsi bahawa ia adalah kad pengenalan jantina pemegangnya adalah seorang wanita tetapi akhir ganjil ialah lelaki. Tetapi saya telah menerima beberapa kes di mana dia adalah wanita tetapi nombor kad pengenalan yang diberi kepadanya ialah nombor ganjil. Apabila dia membuat urusan di bank, bank telah mempertikaikan nombor kad pengenalannya yang mengatakan bahawa sistem kami tidak boleh memproses dan apabila saya meminta dia untuk menghubungi Jabatan Pendaftaran Negara, beliau dinasihatkan oh! Ini bukan semua boleh dapat nombor ini. Kalau *you* hendak tukar kepada nombor genap semula, semua dokumen sebelum ini perlu ditukar.

Jadi apakah ini menunjukkan ada kelemahan dalam sistem? Sistem pengagihan nombor kepada warga negara kita dalam aspek ini. ini telah menimbulkan banyak kesulitan, mereka hendak berurus tetapi sistem di sektor-sektor tertentu tidak boleh memproses kerana telah diset, dengan izin. Ditetapkan nombor ganjil ialah untuk jantina lelaki dan nombor genap adalah untuk wanita.

Saya pohon penjelasan atau mungkin saya boleh cadangkan agar pihak kementerian boleh memberi satu surat *certification* kepada pihak sektor-sektor tertentu untuk memaklumkan bahawa ia adalah nombor sah. Sebelum ini langkah sepatutnya diambil terlebih dahulu. Saya pohon penjelasan dalam aspek ini.

Perkara kedua yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan dengan akta imigresen, passport. Akta imigresen dahulu. Bilakah ia akan dipinda? Saya masih melihat bahawa Akta Imigresen ini mendiskriminasi kaum wanita. Kalau kita melawat laman web kementerian ini, permit masuk isu yang asing 5 tahun berturut-turut pas sosial lawatan mereka boleh memohon permit masuk, tapi tiada maklumat diberi kalau warganegara wanita sini mempunyai suami yang asing. saya pernah menguruskan kes yang sedemikian. Begitu susah untuk membawa suami asingnya masuk dan hanya memberi mereka pas lawatan 3 bulan.

Bukan sahaja permit masuk Tuan Pengerusi, baru minggu lepas saya buat satu kes di mana bulan lepas seorang warganegara wanita Malaysia berkahwin dengan lelaki Singapura, dia tidak boleh masuk dan menetap di sini juga diberi pas lawatan 3 bulan kalau hendak lebih panjang masa, dia kata, *You must proof your earning is more than RM2000* atau isteri *more than RM2,000* atau ada penaja baru boleh bagi pas sedemikian lebih lama. Tapi kalau untuk isteri asing tidak ada masalah ini, mengapa masih mendiskriminasi kaum wanita kalau kita selalu mengatakan bahawa Perdana Menteri begitu sensitif kepada wanita. Ada Jawatankuasa Kabinet *Gender* Hak Kesaksamaan. Tetapi dalam aspek imigresen menghalang ke atas wanita untuk berkahwin. Menyulitkan mereka kalau jodoh sudah sampai dan ditakdirkan oleh Tuhan mereka berkahwin dengan warga asing, mengapa memberi mereka kesulitan sedemikian. Ini adalah tidak menghormati hak asasi.

Jadi saya pohon kalau selalu alu-alukan setiap kali hari wanita, kata hari wanita kita hapuskan undang-undang, peraturan mendiskriminasi, ini yang paling asas, hadiah yang paling baik ialah laksanakannya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita menjemput kementerian menjawab. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, sila.

5.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat jawatankuasa bersangkut dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Seramai 30 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun bangun membahaskan kesemua jabatan yang ada di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Pendaftar Pertubuhan, Lembaga Penapis Filem

dan juga RELA. Ahli-ahli yang tersebut adalah Yang Berhormat dari Larut, Beluran, Serdang, Kuala Selangor, Ledang, Pendang, Bukit Gelugor, Jasin, Setiu, Rasah, Bintulu, Pontian, Pasir Puteh, Permatang Pauh, Kuala Terengganu, Mambong, Tuaran, Sekijang, Tebrau, Kubang Kerian, Tangga Batu, Bukit Mas, Tawau, Lipis, Bukit Bintang, Sepanggar, Tenom, Seputeh, Sabak Bernam dan akhir sekali Batu Gajah.

Saya akan menjawab segala pandangan, teguran dan juga cadangan-cadangan serta gesaan-gesaan supaya disiasat penyelewengan dan sebagainya mengikut urutan jabatan. Saya akan menjawab dulu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai RELA.

Yang Berhormat daripada Larut telah pun mencadangkan supaya pihak kerajaan memandangkan peranan RELA yang begitu aktif pada hari ini, pihak kerajaan dicadangkan menyediakan pakaian seragam kepada anggota rela dengan secukupnya. Terima kasih, pihak kementerian sememangnya sentiasa dan peka terhadap peranan dan sumbangan RELA terhadap pembangunan negara. Maka justeru itu, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan RELA akan menyediakan pelbagai kemudahan lain selain daripada *uniform*. Kemudahan logistik kepada anggota RELA termasuk kenderaan dan sebagainya. Pakaian seragam sebelum ini anggota RELA diberi satu pasang pakaian seragam. Tapi mulai tahun hadapan, tahun 2007 anggota RELA yang aktif akan diberi dua pasang pakaian seragam yang lengkap dan usaha-usaha seterusnya akan di ambil untuk menaikkan imej anggota RELA.

Hari ini insya-Allah dengan adanya pusat latihan, 3 buah pusat latihan RELA sedang beroperasi sekarang iaitu di Sungai Udang Melaka, untuk Wilayah Selatan, di Bukit Selambau untuk Wilayah Utara dan di Kuala Berang untuk Wilayah Timur dan satu di Sabah yang akan siap pada penghujung tahun ini dan di Sarawak akan dibina. Jadi dengan adanya pusat-pusat latihan ini, kita akan mempertingkatkan kewibawaan dan kecekapan anggota RELA melalui pelbagai program latihan di semua peringkat.

Yang Berhormat bagi Serdang telah membangkitkan tentang sebilangan kecil anggota RELA yang terlibat dengan jenayah dan mencadangkan supaya anggota RELA yang memohon untuk menganggotai RELA disemak dan diberi latihan kepada anggota RELA. Saya suka menjelaskan berhubung dengan penglibatan ataupun anggota RELA yang terlibat dengan kes-kes jenayah seperti mana tindakan-tindakan di pihak yang lain, anggota RELA juga tidak terlepas daripada sebarang tindakan kalau sekiranya mereka terlibat dengan kesalahan-kesalahan yang melanggar undang-undang.

Pada setiap masa anggota RELA telah diberi ingatan dan amaran dan juga ingatan yang disuntik semangat kepada mereka berkhidmat atas sifat kesukarelaan dengan penuh tanggungjawab dan juga disiplin. Sekiranya mereka di dapati melanggar peraturan dan melakukan perkara-perkara yang melibatkan undang-undang dan melanggar undang-undang, termasuk melakukan kesalahan jenayah mereka akan dipecat.

Untuk menentukan tahap disiplin yang lebih tinggi di kalangan anggota RELA, satu jawatankuasa disiplin akan ditubuhkan di peringkat kementerian dan juga jabatan RELA di tiap-tiap negeri untuk mengawasi disiplin anggota RELA. Perkara mengenai latihan telah saya sebutkan tadi.

Sementara itu Yang Berhormat bagi Setiu telah menimbulkan soalan tentang tindakan yang telah diambil ke atas anggota RELA yang terlibat dengan dadah. Anggota RELA yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah akan ditangani melalui proses undang-undang yang sedia ada. Sekiranya ahli-ahli RELA didapati bersalah mereka seperti mana yang saya sebutkan tadi akan digugur atau dipecat daripada pasukan RELA.

Yang Berhormat daripada Kuala Selangor telah membangkitkan mengenai penahanan PATI di depot yang hari ini tidak cukup. Kita sedar bahawa depot yang terdapat di negara kita hanyalah 16 buah. Setiap kali kata Yang Berhormat daripada Kuala Selangor pihak RELA hendak mengadakan operasi, mereka terpaksa merujuk dahulu kepada pihak berkuasa Depot. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat depot adalah di bawah tanggungjawab penjara. Jadi walau bagaimanapun kerjasama yang rapat diwujudkan antara dua jabatan ini.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor juga menggesa kerajaan mempercepatkan proses undang-undang untuk pengusiran PATI supaya dipercepatkan. Untuk makluman Yang Berhormat berhubung dengan kesesakan di depot-depot setakat ini belum berlaku

bahawa pendatang tanpa izin yang ditangkap tidak boleh ditampung oleh mana-mana pusat latihan. Walau bagaimanapun kementerian akan memberi perhatian ke atas keperluan tempat tahanan. Kemungkinan kita akan membina lebih banyak depot pada masa akan datang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengalu-alukan kerajaan akan menubuhkan mahkamah khas untuk membicarakan PATI ini. Tetapi apakah satu formula yang boleh kita cari dan kita memohon bantuan daripada kerajaan di mana PATI yang datang supaya apabila mereka datang secara haram dan apabila kita tangkap mereka, kenapakah kita tidak boleh mengusir dan menghantar balik ke negara mereka?

Apakah perlu kita bicara, kita bela dia orang, bagi makan dia orang, tunggu sampai hari bicara, itu melibatkan kos kepada kerajaan. Kita sudah tahu kalau PATI ini datang daripada negara mana? Kita terus hantar dia balik tak payah lagi hendak bicarakan itu ini kerana kita tahu dah mereka ini datang secara haram. Tak tahulah sama ada pandangan ini baik atau tidak, kalau baik Yang Berhormat tolong bagi tahu kepada kementerian, kalau hendak gubal undang-undang, kita gubal. Jangan lagi kita hendak bina tempat-tempat dan sebagainya sehinggakan kos melibatkan berjuta-juta ringgit. Terima kasih Tuan Pengerusi.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Pandangan Yang Berhormat bagi Jerai ini selalu baik. Tetapi dalam kes ini, kita terpaksa menahan pendatang asing tanpa izin yang kita tangkap lebih lama di depot untuk menentukan bahawa hukuman yang setimpalnya dikenakan kepada mereka sekiranya mereka terlibat dalam kes-kes yang tertentu.

Kalau kita tidak kenakan hukuman, mereka tidak serik dan mereka akan datang lagi. Kalau dia buat salah, mereka mestilah diberi hukuman yang setimpal. Kalau dia rogol gadis-gadis kita, takkanlah kita hendak biarkan begitu sahaja. Maka dia seronok dia balik, dia datang lagi.

Kalau sekurang-kurangnya kalau tindakan sebat misalnya dikenakan mungkin akan memberi pengajaran kepada mereka.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, maksud saya - Tuan Pengerusi, minta laluan. Maksud saya bukan PATI yang datang, yang datang yang buat kes jenayah di negara kita ini, harus kita hukum kerana mereka telah melanggar peraturan. Tetapi maksud saya PATI-PATI yang datang yang kita tangkap kadang-kadang sewaktu mereka hendak mendarat, ini dia orang belum melakukan apa-apa jenayah kecuali mendarat secara haram apa salahnya kalau kita hantar balik ke negara mereka.

Saya hendak juga penjelasan daripada Yang Berhormat, kita ada undang-undang di mana seseorang yang mengambil pendatang asing tanpa izin ini bekerja dengan mereka hukuman adalah sebat kepada orang yang melindungi mereka. Setakat hari ini berapa ramaikah orang yang melindungi PATI ini telah pun disebat dan berapa ramaikah PATI pun yang telah disebat. Mungkin tidak ada sebat menyebat, jadi orang masih melindungi PATI dan mereka lebih untung mengambil PATI bekerja daripada mengambil rakyat-rakyat tempatan untuk bekerja. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya sedang menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai RELA. Tetapi Yang Berhormat sudah melencong banyak dah. Saya ada banyak ini yang hendak kena jawab mungkin saya tak sempat menjawab perkara-perkara lain yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat oleh jabatan yang lain.

Walau bagaimanapun, untuk pendatang yang datang baru sampai dia tak melakukan kesalahan, kita tangkap memang kita hantar balik. Kita tidak simpan lama. Kita pun tidak mahu kerajaan mengganggu perbelanjaan besar kerana bagi mereka makan *free*. Kalau mereka tidak ada kes yang dapat kita kesan, kecuali kesalahan datang tanpa dokumen atau tidak sah, kita hantar dia balik secepat mungkin. Yang kita simpan ini kerana kes-kes jenayah dan sebagainya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bintulu bangun.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ini cerita kata kita hantar balik 'ADK' *immigrant*. Tadi kementerian atau pun Jabatan Imigresen ada kita sambungkan daripada Yang Berhormat bagi Jerai. Kita hantar balik itu orang mana-mana orang buat balik kita hantar balik, masalah macam itu hari dalam sesi menjawab soalan ada bagi tahu, macam Bintulu, sudah berapa kali itu 'Bapa Ayam', tangkap masuk lokap kena hukum, hantar balik tidak sampai dua minggu, balik lagi. Adakah satu rancangan daripada kementerian untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Memang kalau seboleh mungkin kerajaan akan hendak menyelesaikan masalah PATI ini secara total. Tetapi hari ini masalahnya mereka terus datang, dan setiap kali datang kita mengambil tindakan, dan kita akan terus mengambil tindakan dan kerana itu kita menjalankan pelbagai pendekatan termasuk kerjasama, operasi bersama dengan polis, dengan Jabatan Imigresen dan sebagainya.

Kita tidak akan membiarkan mereka berada di negara ini begitu lama. Tetapi sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, negara kita memang menjadi tarikan terutama negara-negara jiran yang miskin, kerana mereka melihat peluang pekerjaan dan sebagainya. Namun begitu kita akan sentiasa memastikan masalah ini akan dapat kita selesaikan. Terima kasih.

Tadi Yang Berhormat bagi Kuala Selangor juga menyebut tentang penubuhan mahkamah khas untuk membicarakan kes pendatang asing. Suka saya maklumkan mula 15 Disember ini, kita akan memulakan mahkamah ini iaitu dengan mengadakannya di pusat tahanan di lapangan terbang antarabangsa sebagai permulaan dan selepas itu seperti pusat tahanan akan diwujudkan mahkamah khas ini bagi mempercepatkan proses pembicaraan PATI yang ada di pusat-pusat depot.

Operasi untuk mengusir pendatang asing tanpa izin ini akan diteruskan dan mengikut kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, pada tahun depan kita akan mengadakan operasi secara besar-besaran dan RELA telah pun diberi tugas untuk memerangi musuh nombor dua negara ini iaitu pendatang asing tanpa izin ini dalam operasi yang akan kita adakan pada tahun depan.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor juga menyebut tentang pendatang asing tanpa izin yang dibayar gaji oleh para nelayan dan juga di kawasan-kawasan ladang dan minta kerajaan membuat operasi di kawasan-kawasan tersebut.

Sememangnya untuk makluman Yang Berhormat, operasi akan dijalankan bukan sahaja di bandar-bandar seperti di kawasan-kawasan projek perumahan tetapi kita akan perluaskan. Insya-Allah dalam operasi besar-besaran tahun hadapan kita akan masuk ke semua kawasan dan dengan pelantikan Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen, EXCO Kerajaan Negeri dan juga ADUN di peringkat negeri, kita berharap kita dapat mempertingkatkan usaha-usaha operasi ini dan Yang Berhormat sebagai Kolonel Kehormat akan barangkali boleh membantu mengepalai operasi ini bagi menentukan operasi kita berjaya sepenuhnya.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang berhormat bagi Mambong.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sila Yang Berhormat.

Datuk Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, inilah yang kita tunggu-tunggu selama ini. Bilakah kita ditauliahkan sebagai Kolonel Kehormat RELA ini. Kita sudah tunggu-tunggu lama ini sebab kita pun hendak ikut buat operasi besar-besaran. Bilakah?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Malu kita.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa Yang Berhormat? Yang Berhormat, siapa yang buat komen itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya, saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bangun Yang Berhormat. Lain kali hendak cakap.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Okay ya? Malu kita Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih. Terima kasih. *Uniform* semua telah pun disiapkan dan insya-Allah saya akan memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya pun sebenarnya telah pun memaklumkan minggu lepas dan sebelum daripada ini tetapi kerana kesibukan tugas-tugas Yang Berhormat Menteri selain daripada menteri, tugas yang lain maka Yang Berhormat Menteri mohon menanggukhan.

Yang Berhormat sebenarnya sentiasa mengingati dan menghargai kesediaan Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menjadi Kolonel Kehormat, kita akan segerakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tiga Ahli Yang Berhormat bangun.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya, sila Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, siapa kata ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia tadi tunjuk tangan macam itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi macam saya anggap dia tunjuk kepada Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia tunjuk Jerai.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia tunjuk Jerai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tak apa saya bagi Yang Berhormat bagi Batu Gajah dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, baiklah.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tak apa, Yang Berhormat kemudian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Menghormati kepada wanita. Kewanitaan, terima kasihlah *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya hendak tahu berapa set *uniform* yang telah disediakan untuk Ahli-ahli Parlimen. Sebab sebelum ini jemputan ke majlis penganugerahan pangkat kehormat RELA ini kepada - tajuk surat ini kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen.

Tetapi selepas itu kami, ada yang di antara kami yang menerima surat ditarik balik kata khas untuk Barisan Nasional sahaja. *[Disampuk]*

Jadi, saya hendak tahu apa kedudukan sekarang ini. Apakah ada diskriminasi juga bagi pangkat ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Agar kita sama-sama banteras jenayah.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memberi peluang Yang Berhormat bangun mencelah kerana tidak ada diskriminasi. Yang Berhormat dilayan seperti rakan-rakan yang lain. Tetapi dalam konteks pemberian uniform ini, kita hanya memberi kepada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional *[Tepuk]* dan dasarnya tidak berubah. Kalau sekiranya Yang Berhormat ingin menyarung uniform RELA ini, marilah bersama-sama kami dalam Barisan Nasional.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan, penjelasan.

[Dewan gamat]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang mana satu?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Kuala Krau.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini tiga wanita bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Krau, sila.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak berani, ya.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. *[Disampuk]* Selain daripada uniform dan juga pangkat yang hendak diberi tauliah kepada Ahli-ahli Parlimen, saya berharap juga kementerian boleh memberikan skop dan juga bidang kuasa yang boleh dimainkan oleh wakil-wakil rakyat supaya kita boleh menjalankan tugas dalam keadaan mengikut peraturan undang-undang yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Beri pandangan sedikit bolehkah, Tuan Pengerusi?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya jawab Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Selepas itu Yang Berhormat bagi Jerai dan selepas itu Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. *[Disampuk]*

Pandangan dan celahan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krau, sebenarnya skop peranan RELA itu sendiri sudah jelas. Jadi Yang Berhormat sebagai Kolonel Kehormat akan menjadi *catalyst* (penggerak) kepada usaha-usaha untuk mengerakkan peranan RELA. Jadi selain daripada operasi, RELA juga berperanan untuk membantu mengerakkan kegiatan-kegiatan masyarakat dan ini adalah selaras dengan tugas harian Yang Berhormat. Skop tugas itu, kita akan berpandu kepada skop tugas anggota RELA yang sedia ada. Terima kasih. Sila, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya mengalu-alukan dan saya berharap satu kursus juga diberi kepada kami cara hendak menyerang, cara hendak menangkap dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, itu boleh bincang kemudian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Satu lagi...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Janganlah kacau. Satu lagi... Tengok, macam Yang Berhormat bagi Kepong bagus sahaja. Dia tidak kacau saya. Lagi satu kita mahu kalau boleh memberi kebenaran juga kepada kami untuk menubuhkan kontinjen-kontinjen di belakang kami dan memberi uniform-uniform yang kakak, segak dan yang menggerunkan. Jadi kalau kita hendak tangkap pendatang haram, dia tengok uniform pun dia takut. Ini kalau yang pakai singlet lapuk itu dengan pakai beret sahaja, tidak boleh pergi, Yang Berhormat. Jadi kolonel ini mahu segak, macam saya segak pakai bintang di bahu tetapi kalau....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, gaya ada, kuasa mungkin tidak ada. Cukuplah, duduklah. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kuasa apa?

Seorang Ahli: Tidak ada kuasa, dia kata.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Baju *bodyguard* tidak boleh pakai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, kalau saya pakai kolonel, Yang Berhormat bagi Kepong kenapa hendak balik, Dewan belum tangguh. *[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Kepong memang baju RELA sebab dia lembut.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju supaya uniform yang kami dapat ini cukup segak dan cukup elok dengan pangkat di bahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara itu boleh dibangkitkan selepas inilah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bila lagi Tuan Pengerusi? Pasal ini hendak masuk minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan jawapan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, pertama cadangan mengenai latihan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, memang kita boleh menyediakan. Saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri. Kita akan menyediakan satu modul yang lebih lasak. Barangkali Yang Berhormat terpaksa merangkak naik bukit, mendaki bukit, menyeberang sungai, berenang...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Sri Gading selalu merangkak. Dia okey.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: ...mengharungi laut dan sebagainya. Mengenai uniform, sebenarnya kita ada beberapa jenis uniform untuk anggota RELA, tetapi kolonel ini selalu pergi terima tabik hormat dan sebagainya. Tetapi kalau untuk menyertai operasi, kita ada pakaian untuk operasi yang sesuai dengan operasi. Kita tidak mahu Yang Berhormat pakai bintang dan pakai beret pergi menjalankan operasi. Belum sampai lagi, orang sudah nampak dan mereka akan lari. Jadi kerana itu insya-Allah kalau Yang Berhormat esok sudah ditauliahkan, Yang Berhormat mungkin dengan peruntukan Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri boleh menyediakan beberapa jenis uniform lagi. *[Disampuk]* Bukan sahaja untuk Yang Berhormat tetapi juga orang Yang Berhormat di kawasan. Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengenai uniform RELA yang diberi kepada Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional. Saya ingin menjelaskan di sini, bukan saya ingin meminta uniform itu tetapi ada satu prinsip. Kalau uniform yang diberi kepada Ahli Parlimen seperti Yang Berhormat bagi Jerai dan Barisan Nasional, kalau duit itu dibelanjakan oleh Barisan Nasional, tidak ada bantahan. Duit itu dari mana? Kalau ia dari kerajaan, dari orang bias, jadi ia tidak patut dan tidak boleh diguna untuk diberi hanya kepada Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional. Ini kerana Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, ramai di antara mereka lebih kaya daripada Ahli Parlimen dari pembangkang.

Jadi, saya hendak jelaskan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kaya dan miskin itu tidak timbul.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Prinsip! Prinsip yang penting. Kalau mereka miskin pun tidak apa. Kasi mereka pun tidak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya pun ada nampak Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional, PPRT punya MP pun ada.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *You* mana tahu. Kita makan nasi bungkus *you* tahukah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau mereka miskin dan mereka hendak berkhidmat, kasi mereka pun tidak apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tetapi ada prinsip. Satu prinsip ialah duit ini, ia mesti *diaccountable*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mesej sudah dikeluarkan. Cukup, baik.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi saya hendak penjelasan. Uniform yang diberi kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional, duit itu dari mana? Kerajaan atau Barisan Nasional?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ini Kerajaan Barisan Nasional, jadi Kerajaan Barisan Nasional membelanjakan mengikut dasar yang telah ditetapkan dan dasar ini tidak berubah setakat ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bolehlah, satu lagi, satu lagi.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

[Dewan gamat]

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Cukuplah, saya ada empat jabatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Setiu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, itu duit Kerajaan Barisan Nasional, itu duit rakyat Malaysia. Bolehkah potongan cukai diberi kepada penduduk kawasan saya, pembangkang?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kita pun rakyat Malaysia.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukankah itu menjadi bahan ketawa antarabangsa? Wakil rakyat sepatutnya menggubal undang-undang dan sekarang dihantar untuk buat operasi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau saya jadi RELA, saya tangkap sebab dia naik angin.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini amat memalukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini penyalahgunaan kuasa.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini penyalahgunaan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, beralih kepada tajuk yang lain.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Setiu telah pun meminta supaya diberi kepercayaan kepada ahli RELA untuk menjalankan tugas-tugasnya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Biarlah Yang Berhormat beri penjelasan yang sejelas-jelasnya.

[Dewan gamat]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah jawab.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini semua kena turun pergi buat Latihan Khidmat Negara. Pergi berkawattlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun] [Memegang Peraturan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mana satu *Point of Order*?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: 36(12) – Mengganggu ketenteraman Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tidak kena. 36(12) tidak ada berkaitan dengan yang dibangkitkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia naik angin, dia naik angin.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini tidak Islam Hadhari.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan mengamuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup. Sudah habiskah, sudah habis? Jawapan sudah habiskah, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pukul lima habiskan jawapan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini semua mahu popular, mahu pangkat, mahu peruntukan. Tidak malulah ini semua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, jangan cakap ini macamlah. Yang Berhormat bagi Batu Gajah tidak baiklah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tugas kami ialah penggubal undang-undang.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat bagi Bintulu, ambil kesempatan, ambil peruntukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup. Sila duduk, cukup, cukup.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat bagi Bintulu hendak beri 10 dasar, dia pun boleh, mengapa tidak beri?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, Yang Berhormat. Baik, tidak dibenarkan minta penjelasan. Yang Berhormat cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Pengerusi, ada *Point of Order*. Tuan Pengerusi boleh panggil ambulans? Ada *Point of Order* ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sakitkah? *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia sudah gila. Yang Berhormat bagi Jerai sudah gila. Tuan Pengerusi!

Seorang Ahli: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen teruskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya satu soalan berkenaan RELA yang saya bangkitkan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia belum habis.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya akan meneruskan jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Seputeh, sila duduk. Yang Berhormat bagi Setiu telah pun menyebut tentang RELA patut dilibatkan untuk menjalankan tugas-tugas mencegah jenayah. Suka saya maklumkan bahawa RELA telah pun bekerjasama dengan pihak polis. Sekarang ini kita telah membuat satu percubaan operasi bersama dengan polis di mana RELA di Kuala Lumpur, pasukan RELA telah menyertai anggota polis untuk membanteras jenayah di Bandaraya Kuala Lumpur dan operasi ini akan diteruskan.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Setiu bangun.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, terima kasih. Saya melihat suasana yang berlaku di luar bandar belum lagi sampai sebagaimana yang telah berlaku di Wilayah Kuala Lumpur. Kita berharap usaha yang seperti ini juga sampai ke peringkat akar umbi di kawasan luar-luar bandar. Lebih-lebih lagi di kawasan yang tidak ada pondok polis, yang jauh terpencil. Sebab itu masalah penyalahgunaan dadah, air ketum dan sebagainya nampaknya berleluasa tetapi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah ini berkaitan dengan polis?

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Tidak, membantu polis. RELA, peranan RELA. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu. Sememangnya menjadi hasrat kerajaan dan pihak RELA akan dilibatkan dalam operasi-operasi di pelbagai peringkat dan ini sebenarnya di Kuala Lumpur ini sebagai permulaan dan sekiranya ini berjalan dengan baik, dan kita mendapat *feedback* yang baik daripada pihak polis dan pihak polis terus meminta kerjasama kita, maka RELA akan terus mengadakan operasi dan memperluaskan operasi ini ke bukan sahaja di Kuala Lumpur tetapi di seluruh negara untuk turut bersama-sama dengan jabatan-jabatan yang lain termasuk polis dalam membanteras kan jenayah dan perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Setiu tadi.

Yang Berhormat bagi Permatang Pauh telah meminta kerajaan telah menyebut bahawa kerajaan bergantung dengan bantuan RELA untuk membantu imigresen dalam usaha menangani PATI. Ada ahli RELA terlibat dalam urusan mengugut PATI dan penyalahgunaan kuasa. Kita memang sedar dalam operasi yang kita jalankan di seluruh negara, memang ada kes-kes yang disebutkan ini berlaku. Kita tidak nafikan. Mungkin ini adalah kes-kes yang terpencil. Walau bagaimanapun, kita memandang serius kes-kes seumpama ini dan seperti mana yang saya jelaskan dalam jawapan terawal, mana-mana anggota RELA yang terlibat dalam kes-kes yang seumpama ini yang tidak bertanggungjawab dan melanggar disiplin, tindakan tegas akan diambil. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Apa maknanya tindakan tegas? Adakah mereka akan dimasukkan ke dalam lokap, disiasat oleh polis, dimasukkan dalam penjara, didakwa ke mahkamah atau macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berikan laluan ke?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dan juga Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Eh, saya belum bagi laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya juga ingin tanya..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak bagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, ya. Kasi la ini. Tindakan tegas.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tadi saya dah sebut. Barangkali Yang Berhormat bagi Seputeh ini dia *dreaming*, dia lena. Tadi saya sebut bahawa anggota RELA yang terlibat dalam kes jenayah, langgar disiplin, undang-undang, dia akan sebagai anggota RELA dipecat dan kalau dari segi undang-undang dia akan dibicarakan dan sebagainya.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen...

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya nak terus jawapan untuk...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sekiranya anggota RELA itu melakukan kesalahan dan juga jenayah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, sudah. Cukuplah Yang Berhormat. Cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi adakah Ahli Parlimen Barisan Nasional yang mengetuai pasukan RELA di kawasan Parlimennya akan dipecat juga?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kerana dia jadi ketua. Kepimpinan melalui teladan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kalau salah lainlah, kalau tak salah apa mahu pecat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jika anak buah bersalah jadi yang ketua mesti dipecatlah macam Yang Berhormat bagi Jerai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, ini tak relevan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tak, ini relevan kerana Ahli Parlimen Barisan Nasional...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Setiausaha Parlimen teruskan jawapan Yang Berhormat bagi Seputeh sila duduk. Yang Berhormat!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau anak buahnya melakukan kesalahan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Setiausaha Parlimen, teruskan laju-laju.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan jawapan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah jawab tadi. Yang Berhormat cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh juga telah membangkitkan beberapa perkara....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tak Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tapi bila Yang Berhormat bagi Permatang Pauh tidak ada di sini, saya tak perlu jelaskan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, eh Yang Berhormat....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Nak tanya sahaja Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat daripada Tangga Batu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sekarang kita bukan di kedai kopi Yang Berhormat!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau ada ahli-ahli, saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh cakap belum habis, Yang Berhormat bagi Batu Gajah campur. Cukuplah Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat daripada Tangga Batu mencadangkan jadual yang tepat, padat....

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat! Yang saya hormati..

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Sagu hati atau upah kepada anggota RELA.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, kalau kawasan pembangkang ini tak ada wakil rakyat mengetuai..

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, setakat ini anggota RELA yang terlibat dengan tugas-tugas operasi..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Semua ahli-ahli tinggal di kawasan ini, keselamatan tidak terjamin...

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: ..anggota RELA telah mengemukakan cadangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menetapkan kadar elaun...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Seorang Ahli: Duduklah!

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Kepada anggota RELA semasa mereka menjalankan tugas-tugas operasi mereka. Setakat ini, elaun hanya dibayar ketika mereka menjalani latihan. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mencadangkan usaha-usaha untuk meningkatkan kebajikan anggota RELA termasuk memberi elaun tetap dan sebagainya.

Yang Berhormat daripada Bukit Bintang telah juga menyebut tentang aduan mengenai operasi RELA di beberapa kilang di Klang, didakwa RELA bertindak kasar. Kita telah sebutkan tadi bahawa anggota RELA dalam menjalankan tugas telah diberikan garis panduan, disiplin dan peraturan. Tapi kadang-kadang, saya pernah bersama-sama dengan anggota RELA di mana anggota RELA diserang dan dipukul maka kerana itu dalam usaha mempertahankan diri mereka, maka mereka terpaksa bertindak balas. Tidak ada anggota

RELA bertindak sewenang-wenangnya. Saya memberi jaminan di sini bahawa pada setiap masa mereka adalah berdisiplin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih. Sila Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada sebahagian anggota RELA yang tidak bertanggungjawab? Oleh kerana mereka kemungkinan besar latar belakang mereka ialah samseng atau kaki pukul menjadi anggota RELA. Adakah latar belakang disiasat bahawa mereka boleh jadi anggota yang berdisiplin. Bolehkah Yang Berhormat beri jaminan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukup.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Kepada Dewan yang mulia ini bahawa mereka ialah betul-betul orang yang bertanggungjawab.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Bagi saya bukti, kita akan ambil tindakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, bagi pasukan polis yang melakukan kesalahan dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Mohon kebenaran....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ok, minta kebenaran.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang juga mencadangkan supaya...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, kita seru akan tubuhkan IPCMC....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen benarkan, berikan laluan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi bagi RELA, anggota RELA yang melakukan jenayah dan kesalahan macam mana?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah kita akan adakan satu jabatan aduan yang menerima aduan tentang....

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah juga mencadangkan supaya di dalam pengambilan anggota RELA ditapis terlebih dahulu. Sememangnya ibu pejabat RELA....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh sendiri cakap sendiri dengarlah! *[Ketawa]*

Yang Berhormat sendiri cakap sendiri dengar. Dia tak dengarlah!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* Dia nak lari. Dia tak berani jawab soalan kita ke?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia bukan nak lari. Sudah jawab banyak kali.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia kata tindakan tegas! Apa tindakan tegas?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah jawab. Tadi sudah cakap kan. Jangan tuduh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia cakap, kalau...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sudahlah Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...tambahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Memantau disiplin anggota RELA sekiranya terbukti anggota RELA tidak berdisiplin.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Maka mereka akan dipecat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen, gulung, gulung.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ok. Gulung?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tempoh tahanan Imigresen jawab dahulu.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya ada berapa minit lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ada berapa minit lagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi 10 minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa Yang Berhormat takut nak habiskan cepat-cepat?

[Dewan gamat seketika]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat!

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, sebenarnya saya ada banyak. Yang Berhormat bagi Seputeh, saya tidak pernah takut untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Seputeh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak, dia tak takut Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Seputeh ini dia dengki ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh sengaja buang masa.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, semua Yang Berhormat-Yang Berhormat telah memberi pandangan, cadangan dan sebagainya. Ada Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan cadangan misalnya Yang Berhormat bagi Jasin menyebut tentang bayaran dan minta diadakan siasatan. Oleh sebab Yang Berhormat telah meminta diadakan siasatan, insya-Allah pihak kementerian akan mengambil tindakan untuk menjalankan siasatan tentang perkara ini. Jadi Tuan Pengerusi, pasal RELA ini pun banyak lagi. Saya akan pergi kepada imigresen.

Yang Berhormat bagi Serdang telah mencadangkan dibuka Pejabat Imigresen di Seri Kembangan untuk memudahkan penduduk-penduduk membuat permohonan urusan passport mereka. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Jabatan Imigresen bercadang membuka cawangan untuk memudahkan penduduk-penduduk di sekitar Putrajaya bagi penduduk-penduduk sekitar Serdang berurusan di pejabat Imigresen yang dicadangkan ini. Buat sementara ini, mereka boleh berurusan dengan pejabat Imigresen di Putrajaya. Jadi cadangan Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan.

Yang Berhormat daripada....

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Sebenarnya Yang Berhormat, sebenarnya Jabatan Imigresen Malaysia dah bagi surat saya katakan setuju untuk membuka cawangan di Serdang. Dan oleh kerana Ibu Pejabat di Putrajaya tidak boleh proses permohonan pasport, maka mereka menjadikan masalah itu di kawasan saya. Boleh cepat sikit untuk membuka cawangan yang telah disetujui dan dapat dikotakan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ok, saya akan meneliti perkara itu dan sekiranya dapat kita laksanakan pada tahun ini, kita akan laksanakan pada tahun ini. Terima kasih.

Yang Berhormat bagi Kuala Selangor juga telah menyebut tentang perkara yang sama tadi dengan yang RELA tadi. Jadi saya tak perlu ulas. Yang Berhormat daripada Ledang menyebut tentang harga pasport untuk warga emas patut dikurangkan.

Buat masa ini kementerian tidak bercadang untuk mengurangkan apa-apa bayaran untuk pasport bagi golongan warga emas. Hanya pelajar-pelajar sahaja akan dikurangkan harga ini. Sementara itu Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan tentang Pejabat Imigresen Sabah yang mana keadaannya tidak selesa dan kekurangan tempat dan ruang yang sempit. Saya pun telah melawat beberapa kali dan usaha-usaha untuk mengurangkan kesesakan ini telah pun diambil dan akan terus diambil.

Kita sedar di waktu-waktu cuti sekolah misalnya, Pejabat Imigresen di seluruh negara bukan sahaja di Kota Kinabalu akan didatangi oleh ramai orang ramai yang hendak berurusan untuk urusan pasport di pejabat-pejabat imigresen, maka keadaan ini tidak dapat kita elakkan. Tetapi pada waktu-waktu yang lain kita dapati keadaannya agak memuaskan. Namun begitu Jabatan Imigresen akan sentiasa peka kepada keadaan ini dan usaha-usaha memperbaiki, menambah baik dan juga menambah kemudahan-kemudahan yang ada di semua pejabat imigresen akan dipertingkatkan.

Yang Berhormat bagi Bintulu telah menyebut tentang depot tahanan di Bekenu. Untuk makluman Yang Berhormat kemudahan di depot tahanan sementara di Bekenu telah siap untuk digunakan. Walau bagaimanapun perjawatan bagi pusat tersebut belum diluluskan oleh pihak JPA. Perjawatan yang sedia ada hanya lima orang yang tidak dapat menampung kapasiti pusat tersebut. Kementerian telah pun meminta pertambahan perjawatan sebanyak 277 orang untuk tujuan tersebut daripada JPA dan kita sedang menunggu keputusan JPA. Terima kasih. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya boleh dapat sedikit penjelasan? Bila itu boleh dapat kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, kenapa begitu banyak susah dapat kelulusan ini daripada Jabatan Perkhidmatan Awam? Kalau depot ini kita biarkan, lama-lama bila kita tidak guna saya fikir kita kena bina balik semulalah.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebarang pertambahan perjawatan di mana-mana jabatan bukan jabatan kita sahaja yang memerlukan pertambahan jawatan, ia melibatkan pertambahan kewangan dan sebagainya. Jadi kerana itu ia bergantung pada banyak faktor terutamanya faktor kewangan. Jadi walau bagaimanapun kementerian akan sentiasa terus berbincang dengan pihak JPA dan memastikan supaya perkara ini dapat disegerakan.

Yang Berhormat bagi Mambong telah membangkitkan mengenai perpindahan pembinaan pos imigresen dari Padawan ke Kampung Sapit. Kementerian telah meluluskan untuk pelaksanaan projek ini di dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Walau bagaimanapun siling peruntukan yang diluluskan tidak mencukupi, oleh itu kementerian akan mengkaji untuk mendapatkan peruntukan secukupnya dan pada masa yang sama Jabatan Imigresen Sarawak akan memantau keadaan di pintu masuk Kampung Sapit dan Padawan dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut kemampuan yang kita ada.

Yang Berhormat bagi Pontian telah membangkitkan perkara pengeluaran semula pasport Malaysia Terhad bagi yang terlibat di Wilayah Iskandar, Johor, *free access zone*. Kerajaan Malaysia tidak bercadang untuk pengeluaran semula pasport Malaysia Terhad. Walau bagaimanapun kerajaan sedang berbincang dengan Kerajaan Singapura untuk memperkenalkan satu jenis kad khas yang khusus untuk tujuan urusan keluar masuk bagi kegunaan kedua rakyat negara ini.

Yang Berhormat bagi Tebrau telah membangkitkan perkara kesesakan di Tambak Johor dan mencadangkan pertambahan kaunter *check point* dan penggunaan kad khas. Pada masa ini kerajaan telah membina pintu masuk baru bagi kawalan keluar masuk Johor Bahru, apabila siap kelak kesesakan tidak akan berlaku lagi.

Sementara itu Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah pun membangkitkan juga tentang *free access zone* di pembangunan Wilayah Iskandar. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia hanya bertanggungjawab menjaga pintu masuk di Selatan Malaysia, *free access zone* adalah merupakan di bawah tanggungjawab kementerian lain.

Yang Berhormat bagi Tawau telah pun membangkitkan mengenai Pos Pandaruan dan juga Mengakalak. Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Brunei Darussalam bagi kemudahan keluar masuk rakyat ...

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mas.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Silakan.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Setiausaha Parlimen, perkara itu bukan dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Tawau malah sepatutnya Yang Berhormat bagi Bukit Mas, bukan Yang Berhormat bagi Tawau.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Minta maaf Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mas ini pegawai saya salah catat. Untuk makluman Yang Berhormat kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Brunei Darussalam bagi kemudahan keluar masuk rakyat kedua-dua negara. Kementerian telah pun menandatangani perjanjian bersama penggunaan kad perjalanan kerap dengan Kerajaan Brunei Darussalam.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga telah membangkitkan tentang masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) - Rohingya. Kementerian tidak menandatangani perjanjian pelarian di bawah Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Pelarian atas alasan perikemanusiaan namun begitu kerajaan telah mendaftarkan pelarian Rohingya supaya mereka dapat tinggal sementara di Malaysia sehingga mereka diterima semula oleh kerajaan asal atau negara ketiga.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apa yang saya tahu daripada pelarian Rohingya...

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tunggu, tunggu, tunggu. Yang Berhormat bagi Seputeh bangun, Yang Berhormat bagi Seputeh tunggu. Saya hendak tanya sama ada dia hendak memberikan laluan? Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Kalau saya bagi peluang kepada Yang Berhormat ini terlalu banyak perkara yang saya tidak dapat jelaskan jadi saya tidak beri peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga telah membangkitkan berkenaan perkahwinan pekerja asing dengan warganegara ini.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tuaran bangun.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Biar saya habiskan yang ini dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Saya pun tidak jawab Yang Berhormat bagi Tuaran saya kata duduk dulu saya akan jelaskan kemudian, saya hendak habiskan jawapan saya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak kasih sama Yang Berhormat bagi Seputeh apa mahu bikin?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga telah membangkitkan perkara perkahwinan pekerja asing dengan warganegara ini. Mengenai perkahwinan pekerja asing dengan rakyat Malaysia, peraturan sedia ada iaitu tidak membenarkan membawa keluarga.

Yang kedua, tidak dibenarkan berkahwin sekiranya berkahwin pas lawatan kerja sementara akan dibatalkan. Isu memendekkan tempoh pekerja berkenaan di luar negeri tidak timbul kerana pekerja berkenaan melanggar peraturan imigresen dan pekerja berkenaan tidak dibenarkan masuk di bawah Visa pelancong di mana mereka boleh masuk pada bila-bila masa. Terima kasih.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Saya ingin bertanya dan minta penjelasan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat mengatakan bahawa pelarian-pelarian ini akan dihantar ke negara asal apabila negara asal bersedia untuk menerima mereka balik. Persoalan di sini ialah bagaimana kalau negara asal itu langsung tidak menerima balik? Apakah pula dasar kerajaan dalam soal ini? Sebagai contoh rakyat Filipina, pelarian Filipina di Sabah sudah lebih 30 tahun. Jadi apakah dasar sampai 100 tahun, sampai 1000 tahun bagaimana kalau dia tidak mahu menerima balik?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, jawapan mengenai perkara ini telah pun disebut, dibagi banyak kali dalam Dewan ini termasuk oleh Yang Berhormat daripada Jabatan Perdana Menteri. Jadi suka saya nyatakan bahawa kita sebagaimana juga sebagai pemimpin, sebagai sebuah kerajaan kita mengambil pertimbangan atas dasar perikemanusiaan. Maka kerana itu kita memberi perlindungan sementara. Saya tidak dapat menyatakan tempoh berapa lama kita harus mengekalkan mereka di sini tetapi saya percaya usaha-usaha di peringkat kerajaan untuk berunding dengan negara tersebut sedang berjalan dan kita percaya satu hari penyelesaian akan dicapai.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tawau....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Penjelasan saya hendak tanya tentang Rohingya. Terima kasih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memang dasar kerajaan untuk mengeluarkan surat khas kepada pelarian Rohingya, ini memang telah kita dengar beberapa tahun dalam Dewan ini.

Tetapi semasa Hari Raya, saya telah melawat beberapa anggota pelarian Rohingya dan mereka kata *special pass* yang di janji oleh kerajaan sampai sekarang, mereka belum dapat lagi. Jadi saya tidak faham, sekarang Yang Berhormat kata kerajaan akan beri *pass special* kepada mereka. Adakah ini benar? Kerana kita sudah dengar beberapa tahun, sudah tiga, empat tahun, sampai sekarang mereka masih belum terima. Mereka kata mereka pernah berjumpa dengan pegawai kanan di Putrajaya dan mereka sudah bosan. Mereka juga bertanya kepada saya, kenapa kerajaan ambil masa yang begitu lama untuk menguruskan *pass* yang khas kepada mereka itu?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat, warga asing yang datang ke negara ini tidak harus mempunyai sifat bongkak apatah lagi bosan dengan langkah-langkah kerajaan. Kita mempunyai tanggungjawab dan sebagai buktinya, pada 16 Februari 2005, Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan supaya diwujudkan satu Jawatankuasa Khas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bagi menyelesaikan masalah seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Pada 22 Mac 2005, mesyuarat tersebut telah diadakan bagi menentukan dasar-dasar untuk melaksanakan keputusan tersebut dan sebagai ekoran pada 15 September selepas daripada itu beberapa tindakan telah diambil termasuk mendaftarkan. Kita terlebih dahulu kena mendaftarkan mereka ini dan kita telah pun memulakan pendaftaran. Tetapi bila kita telah memulakan pendaftaran kita dapati mereka tidak mengikut disiplin. Ada pelbagai kelompok dan komplot yang menimbulkan masalah maka kerana itu kita terpaksa

menghentikan pendaftaran itu dan kita sekarang sedang meneliti keadaan selanjutnya. Terima kasih.

Yang Berhormat Tawau telah membangkitkan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera bangun.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, sedikit sahaja. Saya hendak tanya dari segi pelarian Rohingya, yang datang ini, yang didaftarkan, berapa ramai yang sudah kembali ke negara asal?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Bera saya tidak mempunyai angka sebenar tentang pelarian Rohingya yang telah pulang. Sebenarnya sebolehnya mungkin mereka mahu tinggal lebih lama di sini. Jadi soal pulang tidak timbul.

Yang Berhormat bagi Tawau telah membangkitkan tentang prosedur baru pengambilan pekerja asing di Sabah yang lebih merumitkan kerana majikan perlu hadir sendiri untuk temu duga dan perlu bayar levi penuh mengikut kuota kelulusan yang diberikan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, prosedur baru pengambilan pekerja asing di Sabah melalui pusat kelulusan tempat telah dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat prosedur baru pengambilan pekerja asing melalui pusat kelulusan setempat telah dilaksanakan di Semenanjung Malaysia pada 1 Ogos 2005.

Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing yang telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya prosedur baru pengambilan pekerja asing melalui pusat kawalan setempat. Jawatankuasa Pekerja Asing di Sabah juga telah melaksanakan prosedur yang sama kerana ia lebih efisien, kelulusan pada hari yang sama dan menghapuskan peranan orang tengah atau agen bagi mengelakkan penyelewengan dan penyalahgunaan kelulusan tersebut.

Di mana majikan perlu membayar levi penuh mengikut kuota kelulusan merupakan syarat yang dikenakan bagi memastikan majikan memohon pekerja asing mengikut keperluan yang munasabah dan sekiranya majikan memerlukan pekerja tambahan mereka masih boleh mengemukakan permohonan tambahan pekerja asing mengikut keperluan semasa.

Yang Berhormat Sepanggar telah membangkitkan perkara mengenai kaunter memproses passport. Cadangan pegawai diberi lebih masa untuk memproses passport bagi memudahkan orang ramai. Sukacita saya jelaskan pada Yang Berhormat, masalah tersebut berlaku, tadi saya sudah jelaskan berlaku pada masa cuti sekolah. Oleh yang demikian pihak kementerian akan meneliti dan menimbang cadangan Yang Berhormat supaya pegawai memproses passport selepas waktu pejabat.

Kementerian akan mendapatkan gambaran sebenar selepas perpindahan Pejabat Imigresen Cawangan Sabah berpindah ke Pejabat Pentadbiran Persekutuan yang baru di Likas. Pejabat baru tersebut akan menyediakan lebih banyak kaunter untuk mengatasi masalah tersebut.

Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah membangkitkan tentang pegawai-pegawai Imigresen di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang didapati memakai pelbagai lencana di uniform mereka, dan ini tidak menampakkan kesegakan atau mencatatkan kesegakan mereka. Untuk makluman Yang Berhormat lencana *services your smiles* adalah sesuai dan digunakan untuk persediaan menghadapi Visit Malaysia Year 2007. Selain daripada itu *name tag*, mereka pakai.

Yang Berhormat bagi Batu Gajah telah membangkitkan tentang isu suami warga asing yang berkahwin dengan warga negara sukar memperoleh kemudahan permit masuk berbanding dengan isteri warga asing yang berkahwin dengan warga negara Malaysia. Kementerian menyedari perkara tersebut, kementerian sedang mengkaji dan berunding dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengenai isu *gender*. Perkara ini sedang dihalusi dan akan diselaraskan oleh kementerian berkenaan.

Yang Amat Berhormat bagi Larut telah membangkitkan tempoh proses passport supaya lebih di cepatkan. Untuk makluman Yang Berhormat, proses passport sekarang

telah pun melalui satu proses yang memuaskan di mana tempoh memproses untuk siap passport ialah dua hari. Kita akan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan lagi kecekapan ini dan memendekkan seboleh mungkin proses passport ini. Di mana dalam Piagam Pelanggan Jabatan Imigresen, permohonan passport adalah seperti berikut:

- (i) permohonan pertama adalah tiga hari bekerja; dan
- (ii) permohonan gantian passport ialah dalam masa 24 jam.

Sementara itu, pejabat Imigresen Labuan dan Langkawi memproses dalam masa dua hari.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan waktu anjal. Jabatan Imigresen telah memperkenalkan waktu anjal, di mana pejabat dibuka pada waktu rehat tengah hari semenjak tahun 2005 lagi. Di pejabat-pejabat seperti berikut iaitu di Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru.

Sekarang saya akan beralih kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkait dengan Pejabat Pendaftar Pertubuhan. Yang Berhormat bagi Rasah telah membangkitkan bahawa jawatankuasa penaja satu persatuan melakukan aktiviti pertubuhan selama dua atau tiga tahun tanpa didaftarkan dengan Pejabat Pendaftaran Pertubuhan dan telah menjalankan kutipan wang.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Rasah, sebarang pertubuhan di peringkat Jawatankuasa Penaja tidak boleh menjalankan kegiatan termasuk mendaftar keahlian atau mengutip wang. Kedudukan pertubuhan semasa di peringkat penaja adalah terhad kepada urusan pendaftaran pertubuhan itu sahaja. Sekiranya Yang Berhormat bagi Rasah mempunyai maklumat mengenai Jawatankuasa Penaja yang menjalankan aktiviti tersebut bolehlah mengemukakan maklumat kepada Pejabat Pendaftaran Pertubuhan untuk diambil tindakan.

Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan tentang perkara berikut, di mana Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia seolah-olah membisu dalam mengambil tindakan apabila berlaku pertelingkahan dalam sesebuah pertubuhan dan JPN dikatakan memihak kepada sesuatu kumpulan dalam pertubuhan yang bertelingkah.

Untuk makluman Yang Berhormat, JPPM mempunyai undang-undang yang sah. Undang-undang dan peraturan yang sedia ada yang menyediakan peruntukkan yang perlu diikuti oleh jabatan di dalam menangani sebarang masalah yang wujud kerana ada pertelingkahan dalaman atau kegagalan pertubuhan dalam mematuhi peraturan. Pertubuhan diberi masa yang sewajarnya untuk mengemukakan cadangan penyelesaian bagi masalah dalaman yang berbangkit sebelum sebarang tindakan diambil.

JPPM sentiasa mengambil pendirian tidak memihak kepada mana-mana pihak yang bertelingkah dalam sesebuah pertubuhan berkenaan. Di bawah peraturan yang sedia ada penyelesaian pertelingkahan dalam pertubuhan adalah tanggungjawab pertubuhan itu sendiri.

Yang Berhormat bagi Lipis telah membangkitkan isu berikut di mana Yang Berhormat telah menyatakan ada pertubuhan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia tetapi bergerak sebagai badan amal. Pertubuhan atau syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Bagi pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar dengan JPPM, pemantauan dijalankan untuk memastikan pertubuhan menjalankan aktiviti menurut Akta Pertubuhan 1966 dan Perlembagaan Pertubuhan itu sendiri. Sementara Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah membangkitkan perkara-perkara mengenai Lembaga Penapis Filem. Yang Berhormat bagi Ledang telah membangkitkan ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Nanti, minta penjelasan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: ...gambar artis dalam akhbar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, isu yang saya bangkitkan itu? Tuan Pengerusi, yang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen belum duduk lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bolehlah!!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini Peraturan Mesyuarat kena ikut.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tunggu. Sebab Yang Berhormat bercakap banyak sangat, saya pun sudah keliru.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Jadi, saya sekarang hendak jawab semua dahulu soalan-soalan yang telah dibangkitkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat yang mencelah ini tunggu dulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Ledang telah membangkitkan gambar artis dalam akhbar. Untuk makluman Yang Berhormat, penerbitan adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jadi ini tidak berkaitan dengan kementerian saya.

Tentang Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, telah pun membangkitkan berkaitan dengan penerbitan buku. Juga perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu telah membangkitkan perkara soalan bagaimana mengawal segala penyebaran filem lucah melalui alat-alat komunikasi *cyber*. Akta Penapisan Filem 2002, berkuat kuasa ke atas filem-filem *cinematography* dan pita yang mengandungi gambar bergerak yang direkodkan. Tidak termasuk gambar-gambar atau imej yang diedarkan melalui alat-alat komunikasi *cyber* di mana kawalannya tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh telah membangkitkan isu dan cadangan untuk memperketatkan penerbitan majalah-majalah. Ini juga adalah di bawah tanggung jawab Kementerian Keselamatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Laluan.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Oh, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, silakan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Minta maaf Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Butiran 02000 ini, Bahagian Penerbitan dan Kawalan Filem. Saya bangkitkan tadi, di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Jadi tidak salahlah rasanya. *But*, saya kata "perketatkan" tadi betullah. Tetapi di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Pengerusi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, saya pun mohon maaf. Saya pun sama juga, Ledang. Sama juga.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat bagi Ledang dan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, tanggung jawab Lembaga Penapis Filem ialah menonton tapis filem-filem sama ada iklan, filem drama, filem untuk ditayangkan di pawagam-pawagam. Sementara buku-buku dan juga kelulusan untuk menerbitkan akhbar

adalah di bawah tanggung jawab Kementerian Keselamatan. Bukan di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada 6 minit lagi.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Okey. Yang Berhormat bagi Seputeh mempersoalkan..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan pasar Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Kenapakah filem 'Lelaki Komunis Terakhir', 'The Last Communist' diharamkan penayangan dan bilakah ia diluluskan untuk tayangan semula? Untuk makluman Yang Berhormat, filem Lelaki Komunis Terakhir dilarang untuk tayangan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri walaupun pada mulanya diluluskan, tetapi ditarik balik kelulusan itu berdasarkan Akta Penapisan Filem 2002 dan bukan oleh UMNO seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat.

Kita juga menerima bantahan daripada banyak pihak termasuk veteran-veteran polis dan tentera yang terlibat di dalam masa peperangan dengan komunis. Jadi mereka ini masih hidup sebahagian besarnya dan merasakan mereka begitu tercabar dan kita juga tidak mahu mengapi-apikan satu perasaan yang mungkin boleh menimbulkan satu perasaan atau kekecohan di kalangan kaum. Jadi kerana itulah setelah mempertimbangkan perkara ini walaupun pada mulanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Dengar saya bercakap dahulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sudah Yang Berhormat, sudah habis dah.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Walaupun pada mulanya kita benarkan, tetapi kerana sensitiviti kita, kepekaan kerajaan, rasa tanggungjawab kerajaan untuk melindungi kepentingan rakyat, dan supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini maka menteri telah membuat keputusan yang muktamad. Bukan kerana diputuskan oleh UMNO tetapi diputuskan oleh Yang Berhormat Menteri.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hai ya! *[Menyampuk di dalam bahasa Cina].*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Seputeh bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pernah menonton filem inikah?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya, saya tonton, saya tonton.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada apa isi kandungan di dalam filem ini yang boleh mencetuskan dan ketidaksenangan daripada ramai penonton?

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kerana yang saya tahu, bila Bahagian Penerbitan dan Kawalan Penapisan Filem yang meluluskan ini, ia juga dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada *Special Branch*.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Juga daripada banyak pihak, mereka rasa tidak ada masalah. Saya rasa yang ada masalah ialah topik itu. Tema itu kerana ada perkataan "komunis".

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, cukup..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tetapi yang isi kandungan ini sebenarnya tidak ada apa-apa...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Seputeh ada *share*kah dalam itu filem? [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Ya, seperti mana yang saya telah jelaskan, saya sendiri telah menonton filem ini. Walaupun Yang Berhormat bagi Seputeh menganggap filem ini filem biasa, tetapi sentimen golongan yang terlibat dengan peperangan, dengan komunis harus kita hormati. Kerana mereka telah bermati-matian mempertahankan negara ini dan mereka masih hidup. Maka kerana itu, untuk tidak memanjangkan atau menimbulkan isu-isu yang tidak perlu yang boleh menjejaskan keharmonian, dan juga keselamatan negara ini, maka kita buat keputusan dan keputusan ini adalah muktamad.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, sudah dekat jam 6.30 petang.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Jadi Yang Berhormat, ada banyak lagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat saya belum lagi menjawab soalan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan mengenai JPN. Jadi, Yang Berhormat bagi Bintulu telah membangkitkan mengenai daftar lewat kelahiran di kawasan Bintulu.

Saya sendiri sebenarnya, mana Yang Berhormat bagi Bintulu? Saya telah dua kali pergi ke Bintulu, masuk ke Sungai Asap naik bot untuk membantu Yang Berhormat bagi Bintulu. Tetapi Yang Berhormat bagi Bintulu sendiri tidak ada masa itu. Jadi walau bagaimanapun insya-Allah, kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan mengenai masalah pendaftaran lewat dan usaha-usaha mendaftar rakyat di kawasan pedalaman seperti mana Yang Berhormat bagi Tenom dan lain-lain rakan daripada Sabah, saya insya-Allah akan sentiasa bersama-sama dengan Yang Berhormat dan saya sendiri akan mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara di Sabah supaya mempertingkatkan gerakan-gerakan mengadakan operasi. Insya-Allah pada bulan Januari sehingga Mac, semasa tidak ada sidang Parlimen, saya akan turun ke beberapa daerah di Sabah untuk menyertai Unit Bergerak Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah. Sila Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi telah sentuh ada kumpulan-kumpulan dari JPN turun ke padang untuk mendaftar penduduk-penduduk yang masih belum ada kad pengenalan ini. Ini amat penting sekali. Saya minta supaya kawasan yang jauh-jauh seperti di Baram dan Kapit juga jangan terlupalah. Kerana masih banyak lagi walaupun berapa kali sudah membuat lawatan khas ke kawasan tersebut, tetapi masih lagi orang belum dapat kad pengenalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, duduk, duduk.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Insya-Allah saya akan mengarahkan JPN Sabah untuk membuat program khas lagi sekali di kawasan Yang Berhormat pada awal tahun hadapan. Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya telah menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan mana-mana perkara yang tertinggal saya akan teliti semula, dan pegawai-pegawai saya akan menjawab secara bertulis.

Saya mengucapkan terima kasih atas segala pandangan, teguran dan saranan untuk kita sama-sama melaksanakan *delivery system* seperti mana yang dihasratkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Terima kasih lagi sekali dan saya harap jawapan yang saya beri dapat memberi gambaran yang jelas tentang peranan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM998,569,000 untuk Maksud B.61 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM998,569,000 untuk Maksud B.61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM302,848,900 untuk Maksud P.61 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2007 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM302,848,900 untuk Maksud P.61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2007.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.31 petang.